

DEWAN UNDANGAN NEGERI SELANGOR YANG KEDUA BELAS

PENGGAL PERTAMA

MESYUARAT KETIGA (BAJET)

Shah Alam, Khamis , 23 Oktober 2008

Mesyuarat dimulakan pada jam 10.00 pagi

YANG HADIR

Y.B. Tuan Teng Chang Khim (Sungai Pinang)
(Tuan Speaker)

Y.A.B. Tan Sri Dato' Abdul Khalid bin Ibrahim
PSM., DPMS., DSAP. (Ijok)
(Dato' Menteri Besar Selangor)

Y.B. Puan Teresa Kok Suh Sim (Kinrara)

Y.B. Dato' Dr. Hasan bin Mohamed Ali
DIMP., SMS. (Gombak Setia)

Y.B. Tuan Haji Yaakob bin Sapari (Kota Anggerik)

Y.B. Puan Rodziah bt. Ismail (Batu Tiga)

Y.B. Tuan Dr Xavier Jayakumar a/l Arulanandam (Seri Andalas)

Y.B. Puan Dr. Halimah bt. Ali (Selat Klang)

Y.B. Tuan Iskandar bin A. Samad (Cempaka)

Y.B. Tuan Liu Tian Khiew (Pandamaran)

Y.B. Puan Elizabeth Wong Keat Ping (Bukit Lanjan)

Y.B. Tuan Ean Yong Hian Wah (Seri Kembangan)

Y.B. Puan Haniza bt. Mohamed Talha (Taman Medan)
(Timbalan Speaker)

Y.B. Tuan Dr. Shafie bin Abu Bakar (Bangi)

Y.B. Tuan Ng Suee Lim (Sekinchan)

Y.B. Tuan Dr. Abd. Rani bin Osman (Meru)
Y.B. Tuan Lau Weng San (Kampung Tunku)
Y.B. Tuan Mat Shuhaimi bin Shafie (Seri Muda)
Y.B. Tuan Lee Kim Sin (Kajang)
Y.B. Tuan Haji Saari bin Sungib (Hulu Kelang)
Y.B. Tuan Dr. Ahmad Yunus bin Hairi (Sijangkang)
Y.B. Tuan Yap Lum Chin (Balakong)
Y.B. Tuan Muthiah a/l Maria Pillay (Bukit Melawati)
Y.B. Tuan Phillip Tan Choon Swee (Teluk Datuk)
Y.B. Tuan Dr. Mohd. Nasir bin Hashim (Kota Damansara)
Y.B. Tuan Khasim bin Abdul Aziz (Lembah Jaya)
Y.B. Tuan Amiruddin bin Shari (Batu Caves)
Y.B. Tuan Edward Lee Poh Lin (Bukit Gasing)
Y.B. Tuan Dr. Cheah Wing Yin (Damansara Utama)
Y.B. Puan Lee Ying Ha (Teratai)
Y.B. Puan Hannah Yeoh Tseow Suan (Subang Jaya)
Y.B. Puan Gan Pei Nei (Rawang)
Y.B. Tuan Nik Nazmi bin Nik Ahmad (Seri Setia)
Y.B. Tuan Badrul Hisham bin Abdullah (Pelabuhan Klang)
Y. B. Dato' Seri Dr. Haji Mohamad Khir bin Toyo,
SPMS., PJK. (Sungai Panjang)
Y.B. Dato' Dr. Haji Mohamed Satim bin Diman,
DSSA., KMN., ASA., PJK. (Seri Serdang)
Y.B. Dato' Haji Raja Ideris bin Raja Ahmad,
DSSA., AMS., AMN., PJK. (Sungai Air Tawar)
Y.B. Dato' Haji Abd. Rahman bin Palil,
DSSA., KMN., AMS., AMN., PPT., PJK., JBM., (hc). (Sementa)

Y.B. Dato' Hj. Mohd. Shamsudin bin Haji Lias,
DPMS., SSA. (Sungai Burong)

Y.B. Dato' Dr. Karim bin Mansor,
DPMS., ASA., PJK. (Tanjung Sepat)

Y.B. Dato' Mohamed Idris bin Haji Abu Bakar,
DSSA., AMS., PJK. (Hulu Bernam)

Y.B. Dato' Amiruddin Setro, DPMS., ASA. (Jeram)

Y.B. Dato' Ir. Muhammad Bushro bin Mat Johor
DPMS., KMN., AMN., ASA. (Paya Jaras)

Y.B. Tuan Hasiman bin Sidom,
PJK. (Morib)

Y.B. Dato' Haji Warno bin Dogol, DSIS., AMS., SMS., PJK. (Sabak)

Y.B. Dato' Marsum bin Paing, DPMS., SSA., ASA. (Dengkil)

Y.B. Dato' Subahan bin Kamal, DIMP. (Taman Templer)

Y.B. Tuan Abdul Shukur bin Idrus, KMN., SIS., ASBK. (Kuang)

Y.B. Tuan Johan bin Abdul Aziz. JP., AMS. (Semenyih)

Y.B. Tuan Mohd Isa bin Abu Kasim, AMS. (Batang Kali)

Y.B. Tuan Yap Ee Wah, PJK. (Sungai Pelek)

Y.B. Tuan Wong Koon Mun, SMS., PJK. (Kuala Kubu Baharu)

Y.B. Tuan Sulaiman bin Haji Abdul Razak, SMS., PPN. (Permatang)

Y.B. Tuan Ismail bin Sani. SMS., PJK. (Dusun Tua)

TIDAK HADIR

Y.B. Tuan Manoharan a/l Malayalam (Kota Alam Shah)

Y.B. Tuan Mohamed Azmin bin Ali (Bukit Antarabangsa)

TURUT HADIR

**(Mengikut Fasal LII (3) Undang-undang Tubuh Kerajaan
Negeri Selangor, 1959)**

Y.B. Dato' Ramli bin Mahmud, DPMS., SMS.,AMS
Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor

Y.B. Datin Paduka Zauyah Be binti T. Loth Khan, DPMS., DMSM., DSM., AMN.
Penasihat Undang-Undang Negeri Selangor

Y.B. Dato' Mohd. Arif bin Ab. Rahman, DSIS., SIS., AMS., AMN.
Pegawai Kewangan Negeri Selangor

PEGAWAI BERTUGAS

Encik Shukri bin Mohamad Hamin
Setiausaha

Encik Mohd. Shahrizal bin Mohd. Salleh
Penolong Setiausaha I

Cik Mazian bt. Manan
Penolong Setiausaha II

Puan Nurul Haizan bt. Hj. Rais
Penolong Setiausaha III

Puan Faizah bt. Mohd. Shafawi
Penolong Pegawai Tadbir

BENTARA

Encik Md. Saref bin Salleh

PELAPOR PERBAHASAN

Puan Hajah Noridah binti Abdullah
Cik Siti Salina bt. Muftar

(Timbalan Speaker Mmpengerusikan Mesyuarat)

SETIAUSAHA DEWAN : Aturan Urusan Mesyuarat Kali Ketiga Penggal Pertama Persidangan Dewan Undangan Negeri Kesebelas dimulakan dengan bacaan Doa.

TUAN SPEAKER : Salam bahagia dan selamat pagi. Dewan disambung semula.

SETIAUSAHA DEWAN : *Bismilahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatulahi taala wabarakatuh* dan salam sejahtera. Aturan mesyuarat Ketiga Bajet Penggal Pertama Persidangan Dewan Undangan Negeri Kedua belas disambung semula dengan bacaan doa.

1. DOA

SETIAUSAHA DEWAN : Aturan mesyuarat seterusnya dengan pertanyaan-pertanyaan. Sambungan.

TUAN SPEAKER : Teratai.

Y.B. PUAN LEE YING HA : Soalan saya soalan nombor 22.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN LEE YING HA
(TERATAI)**

**TAJUK : PROJEK PERUMAHAN YANG DIKECUALIKAN PEMBINAAN RUMAH
KOS RENDAH, RENDAH SEDERHANA ATAU SEDERHANA**

22. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar :

- a) Jumlah projek perumahan yang sedia ada sekarang dikecualikan dari membina rumah kos rendah, rendah sederhana atau sederhana. Sila nyatakan dengan terperinci mengenai lokasi, pemaju serta butir-butir projek.
- b) Sebab-sebab projek perumahan boleh dikecualikan dari membina rumah kos rendah, rendah sederhana atau sederhana.
- c) Jika pembinaan rumah berkost rendah diganti oleh sumbangan, sila nyatakan sumbangan untuk setiap projek secara terperinci.

Y.B. TUAN ISKANDAR BIN A. SAMAD : *Bismillahi Rahmani Rahim*, terima kasih Teratai, Tuan Speaker dan Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian. Soalannya adalah jumlah projek perumahan yang sedia ada sekarang dikecualikan dari membina rumah kos rendah, rumah sederhana rendah atau rumah kos sederhana. Setakat ini yang diterima oleh Majlis atau oleh Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor adalah 11 yang diterima. Yang pertama adalah bagi kawasan Majlis atau Pihak Berkuasa Tempatan Majlis Perbandaran Ampang Jaya, pemajunya adalah Tetuan Apex View Sdn

Bhd. Permohonan adalah pengecualian pembinaan 30% rumah kos sederhana rendah dan jumlah caruman yang dikenakan adalah 894,000 dan kemudian kawasan Majlis Perbandaran Selayang, Mercu Gading Sdn Bhd juga pengecualian pembinaan 30% rumah kos rendah atau RKS, caruman yang dikenakan adalah 595,000. Yang ketiga adalah Majlis Perbandaran Klang, Tetuan Cafina Realty Sdn Bhd, rayuan pengecualian penyediaan 30% rumah kos sederhana dan pengecualian bayaran sumbangan. Ini dikenakan sumbangan 595,000. Lepas itu yang keempat ialah Majlis Perbandaran Ampang Jaya, Tetuan RC Land Sdn Bhd juga rayuan pengecualian atau penyediaan 30% rumah kos sederhana, yang dikenakan 994,500 ringgit caruman ataupun sumbangan. Kemudian yang kelima adalah Majlis Perbandaran Selayang, permohonan diterima daripada Tetuan Turftag Sdn Bhd. dan caruman atau sumbangan yang dikenakan adalah RM4,791,600. Yang keenam diterima daripada Tetuan Damansara Residen Sdn Bhd di Majlis Perbandaran Ampang Jaya iaitu RM1,105,000. Kemudian diterima juga di kawasan Majlis Perbandaran Ampang Jaya, Tetuan Kemensah Land Sdn Bhd yang dikenakan adalah RM967,725,000 dan seterusnya juga di kawasan MPAJ untuk Tetuan Stand Allied Corporation Sdn Bhd iaitu RM1.75 juta. Yang kesembilan adalah di Majlis Daerah Kuala Selangor untuk Tetuan Zan Trans Sdn Bhd di Mukim Ijok, daerah Kuala Selangor untuk membina *town house*. Dan yang kesepuluh, adalah yang ini dia masih membuat pengecualian pembinaan rumah kos rendah dan dia nak membina *town house*. Dan yang kesepuluh adalah Tetuan Premier Green Sdn Bhd iaitu yang dikenakan RM1.36 juta. Yang kesebelas adalah diterima dari kawasan Majlis Perbandaran Kajang (MPK) daripada Tetuan Negara Properties yang dikenakan adalah RM640,000. Ada banyak sebab kenapa dikenakan ataupun kenapa pengecualian ini diberikan. Di antaranya adalah kawasan cadangannya adalah kurang daripada 10 ekar. Kerana kita hanya mengenakan undang-undang ini atau peraturan ini bagi tanah-tanah yang dimajukan yang melebihi 10 ekar. Selepas itu sebabnya adalah kerana permintaan untuk rumah-rumah yang ditetapkan itu kurang mendapat sambutan. Walaupun pemohon telah menyediakan lebihan rumah kos sederhana rendah atau kos rendah melebihi permintaan. Dan juga terdapat juga kawasan cadangan berkecerunan kelas tiga dan empat berdasarkan Jabatan Mineral dan Geosains dan juga ianya adalah terletak di Tanah Rizab Melayu yang tidak disyaratkan penyediaan 20:20:10.

Untuk soalan yang seterusnya mungkin saya perlulah menerangkan serba sedikit tentang ada yang tanya ke manakah segala sumbangan ini dibayar. Ia dibayar kepada satu Tabung Amanah dan Tabung Amanah ini akaun amanah ini telah ditubuhkan menerusi Perkara 61G Enakmen Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor 2001 dan Jawatankuasa Akaun Tabung Amanah di mana sumbangan-sumbangan ini patut dibayar adalah dianggotai oleh Yang Berhormat Setiausaha Kerajaan Negeri sebagai Pengerusi, Yang Berhormat Pegawai Kewangan Negeri sebagai Timbalan Pengerusi, Pengarah Eksekutif Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor sebagai Ahli dan Penolong Akauntan sebagai Urus setia. Dan wang yang sepatutnya diterima daripada pemaju-pemaju ini adalah sepatutnya digunakan untuk mengenal pasti dan mengambil alih tanah-tanah yang strategik untuk pembangunan rumah mampu milik. Juga untuk membina rumah mampu milik atau mengenal pasti dan membeli bangunan kediaman, bangunan perniagaan industri yang strategik. Tetapi melalui laporan yang kita dapat bahawa kebanyakan daripada permohonan-permohonan ini apabila mereka telah disyaratkan untuk membuat sumbangan kebanyakan daripada mereka saya rasa mereka kembali kepada pelan asal. Mereka tidak mahu bayar sumbangan dan mereka perlu kembali kepada pelan asal. Dan menurut kepada laporan yang terkini Tabung Amanah ini tidak ada yang pemaju yang membayar kepada Tabung Amanah ini. Sekian, terima kasih.

TUAN SPEAKER : Bangi.

Y.B. TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR : Terima kasih Tuan Speaker. Antara perumahan yang diberikan oleh pihak Kerajaan Negeri ialah rumah yang dinamakan *Council Home*. Bangi ingin nak tahu apakah polisi kerajaan berhubung dengan *Council Home*. Kemudian apakah kriteria-kriteria mereka yang layak menduduki rumah sedemikian. Di Bangi ada 200 unit, dua buah rumah pangsa tetapi sewanya tidak ada yang selaras. Ada yang sewanya RM400, ada yang RM350 dan ada yang RM250. Jadi kita ada menerima aduan daripada penghuni-penghuni mengapa mereka kena RM400, setengah RM300, setengah RM350 dan setengah RM250. So, kita harap dapat diselaraskan dan saya rasa tidak puas hati dengan penghuni-penghuni ini dapat dihilangkan dan kita nak tahu juga kalau rumah ini untuk orang miskin berapa tempoh yang diberi kepada mereka, kalau tidak mereka mahu terus tinggal di situ. Sebenarnya tidak sepatutnya kerana ramai yang datang memohon untuk tinggal di tempat sedemikian. Kemudian apakah kemudahan-kemudahan yang disediakan untuk penghuni di *Council Home* ini. Banyak masalah-masalah yang kita terima. Dan apakah masalah-masalah yang diterima kerana mereka ini miskin, ada setengahnya itu bila duduk mereka tak dapat bayar sehingga tertunggak berpuluh ribu. Jadi kalau keadaan sedemikian, masalah akan berterusan, kita beri orang ini, orang ini akhirnya tertunggak. Tukar orang lain tertunggak. Jadi apakah cara terbaik bagi kita di samping nak memberikan kemudahan tetapi tidak menimbulkan masalah kepada kerajaan dan juga ertinya ADUN sendiri yang sentiasa didatangi oleh mereka untuk nak duduk tapi masalah pula setengahnya tak dapat bayar kebanyakannya hingga tertunggak beratus ribu untuk 2 unit rumah pangsa ini sendiri. So, kita minta kerajaan negeri dapat membuat polisi bagi melicinkan dari segi kependudukan rumah ini di samping kita nak menolong supaya tidak terbeban kerajaan tidak terbeban penghuni dan juga kita sebagai ADUN tidak berterusan menerima masalah, komen dan sebagainya. Ada yang kita beri kepada orang senang, orang miskin tak dapat dan bermacam-macam lagi. Terima kasih.

Y.B. TUAN ISKANDAR BIN A. SAMAD : Tentang *Council Home* ini ada kekeliruan. Ada *Council Home* yang diwujudkan ataupun ia nya kepunyaan PBT atau Pihak Berkuasa Tempatan. Ada rumah kos rendah Persekutuan seperti mana di HICOM, seperti mana di Lembah Subang, seperti mana di Serendah dan sekarang ini kalau dari segi kelayakan untuk menyewa adalah sama seperti rumah kos rendah Yang Berhormat, dan dari segi sewaan pada asalnya adalah lebih kurang RM120 atau RM130 sehingga satu mesyuarat atau pun keputusan MMKN pada bulan Jun 2007, ianya dinaikkan kepada RM250. Kemungkinan besar, kemungkinan besar yang RM300 dan RM400 itu adalah penyewa kedua, kemungkinan besar bahawa ianya disewakan kepada orang lain bukan penduduk ataupun bukan mereka yang sepatutnya duduk di situTetapi disewakan.

Y.B. TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR : Boleh saya mencelah sedikit.

Y.B. TUAN ISKANDAR BIN A. SAMAD : Boleh.

Y.B. TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR : Kemungkinan ertinya mereka yang ditugaskan untuk mengendalikan itu untuk mencari untung untuk *cover* dari segi urusan. Jadi dia naikkan dan kadang-kadang diberi kepada orang tidak layak, diberi kepada orang yang mampu dari segi sewa supaya dia dapat sedikit keuntungan untuk tampung

kerana sebahagian besar tak dapat melunaskan hutang. Saya dah *check* baru-baru ini bagi saya perkara ini kita kendali sampai RM12,000 pun yang berhutang, tak dapat sewa dan ini perkara ini berterusan tertunggak, kita nak tolong dia, timbul masalah kepada kita. Timbul juga masalah kepada ADUN kerana terima aduan, minta selesaikan kadang-kadang minta bantuan supaya bayar dia punya sewa, tolong minta kita memohon daripada zakat, pening kita. Takkan semua orang tiap kali sewa datang sampai tertunggak datang minta bantuan, minta pohon zakat, minta hapuskan dan macam-macam lagi. Jadi, nampaknya memasalahkan tapi kalau layak sewa RM400 tak patutlah beri pada dia, dia boleh sewa tempat lain. Mungkin pasaran harganya RM400, 300 rumah teres biasa, jadi saya ingat ada pihak pengurus juga untuk menjadi penjaga kewangan masalah hutang, yang tertunggak.

TUAN SPEAKER : Yang Berhormat saya beri ingatan cuma minta penjelasan, kalau nak beri ucapan buat kemudian dalam Jawatankuasa.

Y.B. TUAN ISKANDAR BIN A. SAMAD : Yang Berhormat, Tuan Speaker dan Yang-Yang Berhormat sekalian. Maksud saya bukan Pengurus, maksud saya orang yang duduk di situ menyewa kepada orang yang kedua atau ketiga dengan harga yang lebih tinggi. Ini yang kemungkinan berlaku. Sebabnya adalah piawai atau *standardnya* dengan izin adalah RM250. Tidak lebih daripada itu. Berkenaan dengan ada yang berhutang, berkenaan ada yang perlukan bantuan kita ada banyak *safety net* dengan izin iaitu permohonan-permohonan dari segi kemiskinan bandar, dari segi Jabatan Kebajikan Masyarakat, dari segi zakat Pusat Zakat dan sebagainya ada ruang-ruang untuk mendapatkan peruntukan kepada mereka-mereka yang tidak mampu, dan ini berlaku dan ada yang tak payah bayar pun, dapat terus sahaja. Ini memang ada, *safety net* atau dengan izin untuk membantu mereka. Dan dari segi untuk dijual atau berapa lama mereka duduk di sana, kita sekarang ini untuk Lembah Subang kita ada berhubung atau satu mesyuarat akan di adakan oleh pihak negeri atau pun Lembaga Perumahan dan pihak kerajaan pusat kerana ada terdapat banyak permohonan-permohonan untuk membeli rumah-rumah ini dan inilah yang akan dilakukan dan kalau berjaya, kalau mereka memohon maka kita akan teruskan. Tapi dari segi *council homes* ada juga *council homes* yang terdapat di PBT-PBT adalah digunakan untuk perkara-perkara kecemasan. Seperti berlaku kebakaran, berlaku malapetaka boleh ditempatkan penduduk yang terlibat dengan musibah ini ke dalam rumah-rumah tersebut untuk jangka masa yang pendek. Enam bulan, tiga bulan. Jadi dalam hal yang sedemikian, kita tidak boleh menjual kesemuanya, sebab ada keperluan-keperluan. Dari segi kemudahan saya rasa saya telah memberitahu semalam, berucap semalam menjawab soalan daripada Yang Berhormat Taman Medan bahawa kita akan , minta maaf Yang Berhormat Taman Medan dan Yang Berhormat Seri Setia, kita akan berikan secara menyeluruh tentang pengurusan bangunan dari segi penyediaan kemudahan-kemudahan awam atau kemudahan-kemudahan sosial untuk kemasyarakatan. Maknanya kalau ada keperluan, kita akan, kita akan sediakan dan kita akan mencari dana untuk penyediaan tersebut. Terima kasih.

TUAN SPEAKER : Rawang.

Y.B. PUAN GAN PEI NEI : Kalau ujudnya sebab difahamkan ada *council homes* yang disewa kepada warga asing sehingga menyebabkan kesulitan dalam penyelenggaraan *flat* itu. Apakah tindakan yang akan diambil oleh Kerajaan sekiranya ada fenomena sebegini semakin berleluasa.

Y.B TUAN ISKANDAR BIN A. SAMAD : Tentang yang sewa kepada *council homes* dan disewa kepada warga asing ini memang tidak patut dan kita sepatutnya mengambil tindakan dan dari segi rumah kos rendah RKR banyak kes yang telah kita mendapat aduan bagaimana terdapat rumah-rumah kos rendah ini digunakan sebagai asrama pekerja. Walau bagaimanapun menurut apa yang kita putuskan di pihak kerajaan negeri bahawa setiap rumah itu hanya boleh didiami oleh enam orang maksimum jika ada warga asing. Sekiranya lebih daripada itu, maka pemilik rumah itu boleh dikenakan tindakan. Sebab kita melihat bahawa sistem perparitan, sistem saliran dan sistem lif dan sebagainya adalah untuk jumlah yang tertentu. Apabila dikumpulkan begitu ramai penduduk, bilangan penduduk ke dalam rumah-rumah sedemikian, maka sudah tentu akan menghadapi masalah, akan *jammed*, tandas akan *jammed*, parit akan *jammed rain water* dengan paip dengan izin akan *jammed* semua ini akan berlaku. Itu sebab kita telah arahan telah dihantar kepada PBT-PBT untuk mengambil tindakan kalau ada enam, lebih daripada enam ambil tindakan juga *council homes* pun begitu. Terima kasih.

TUAN SPEAKER : Bangi.

Y.B. TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR : Tuan Speaker, Bangi mengemukakan soalan yang ke 23.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B TUAN DR SHAFIE BIN ABU BAKAR
(BANGI)**

TAJUK : PENGELUARAN PASIR

23. Kerajaan negeri Selangor mengarahkan mulai 1 Julai 2008 semua aktiviti mengeluarkan pasir dihentikan.

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar :

- a) Apakah polisi dan mekanisma yang digunakan kerajaan bagi pengurusan pasir di Selangor selepas itu.
- b) Beri nama syarikat-syarikat pengurusan pasir di Selangor sebelum dihentikan.
- c) Apakah jangkaan pendapatan dari hasil pasir selepas polisi baru dilaksanakan?

Y.B. TUAN HAJI YAAKOB BIN SAPARI : *Bismillahi rahmani rahim. Assalamualaikum WBT.* Tuan Speaker, Yang Amat Berhormat Menteri Besar, berkaitan dengan soalan Bangi yang juga dibangkitkan oleh Sungai Panjang. Setelah saya berada di pejabat EXCO, saya mendapat taklimat daripada pegawai. Saya bertanyakan berapakah pendapatan royalti daripada hasil batuan kerajaan negeri. Pegawai memberitahu bahawa pendapatan sekitar dua puluh satu juta dan hasil daripada royalti pasir sekitar tujuh belas juta. Bila saya bertanya kepada REHDA berapakah *demand* dengan izin untuk pasir seluruh Selangor setahun. Jawapannya sekitar lima puluh juta metrik tan. Kalau satu tan dikenakan royalti tiga ringgit sepatutnya kerajaan negeri mengutip

seratus lima puluh juta matriks setahun, tetapi kenapa tujuh belas juta. Hasil perbincangan dengan Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar, akhirnya kerajaan negeri memutuskan supaya hasil batuan ini diuruskan sendiri oleh Kerajaan negeri. Ekoran daripada itu kerajaan negeri telah menubuhkan sebuah syarikat di bawah MBI namanya Kumpulan Semesta Sdn. Bhd. dan syarikat ini akan mengendalikan hasil batuan di kerajaan negeri dengan itu sistem pengurusan hasil batuan negeri akan lebih teratur. Senarai syarikat-syarikat yang lepas yang telah mendapat, ada senarai dalam senarai yang diberikan masih ada enam syarikat lagi yang masih beroperasi sampai bulan dua belas. Saya dapati syarikat-syarikat ini ada yang berkait rapat sebahagian besar dengan pemimpin-pemimpin politik kerajaan terdahulu. Untuk soalan ketiga, berdasarkan jangkaan yang kita ada kita menganggarkan sekurang-kurangnya seratus dua puluh juta yang akan dikutip daripada hasil batuan negeri Selangor dan semua hasil-hasil ini kita akan berikan kepada rakyat sebagai janji kita dalam manifesto menjadikan Selangor sebuah negara maju, bersih dan berkeadilan. Terima kasih.

TUAN SPEAKER : Sekinchan.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM : Tuan Speaker, soalan tambahan. Berkenaan dengan pasir ini sekarang di bawah pengendalian kumpulan Semesta Sdn. Bhd. Saya ingin nak tahu adakah Kumpulan Semesta ini mengenal pasti, kerajaan negeri mengenal pasti setelah keseluruhan pasir ini dikendalikan oleh Kumpulan ini. Berapa tempat khusus, sejumlah berapa tempat pusat pasir ini akan diwujudkan di negeri Selangor, negeri Selangor setelah semuanya selesai. Dan yang keduanya, harga yang ditetapkan di pasaran ini, apa yang dibangkitkan oleh Sungai Panjang ini kononnya mahal. Adakah yang sekarang ini mahal jika dibandingkan dulu. Sekian, terima kasih.

Y.B. TUAN HAJI YAAKOB BIN SAPARI : Terima kasih Sekinchan. Kerajaan negeri mengenal pasti tanah-tanah kerajaan negeri yang boleh dimajukan dijangkakan empat kawasan akan kita buka, dua di kawasan Dengkil dan dua di Kuala Selangor. Harga yang ditetapkan adalah harga yang ditentukan oleh pasaran. Sebab kita menentukan harga berdasarkan tender yang kita buka kepada penender-penender. Ada penender yang meletakkan harga enam belas ringgit se tan, lapan belas ringgit dan ada sampai tiga puluh ringgit. Akhirnya Semesta memutuskan supaya harganya ialah dua puluh satu ringgit. Dengan itu harga pasaran pasir akan terkawal dan harga ini adalah berdasarkan permintaan yang ditawarkan. Terima kasih.

TUAN SPEAKER : Ya . Hulu Klang

Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB : Ada senarai tadi berkaitan dengan syarikat-syarikat yang ada kaitan dengan pemimpin politik kerajaan lalu. Boleh dibacakan.

Y.B. TUAN HAJI YAAKOB BIN SAPARI : Saya bacakan syarikat-syarikat yang mendapat yang lalu, ada dua puluh lapan semua. Wijaya Baru Sdn. Bhd., Unitex Enterprise Sdn. Bhd, Kembar Empat Sdn. Bhd, tak tahulah kembar dia siapa, Puji Harta Sdn. Bhd, Kunci Produktif Sdn .Bhd Swasta Rasmi Enterprise Sdn.Bhd., Saw Eng Sing, Canal City Construction Sdn.Bhd, Tetuan Ringkas Kini Sdn.Bhd, Tetuan Magma Destar (M) Sdn. Bhd, Tetuan Setia Timber & Hardware Trading Sdn.Bhd, Encik Abdul Malik bin Mat Khatam, Encik Dafik bin Mat Noh, Tetuan Chin Heng Trading Sdn. Bhd, Low Chai Heng, Benteng Nusantara Sdn. Bhd, Sendi Lima Enterprise, Low Kum Loong, Syarikat Pengeluaran Air Sungai Selangor, Kim Tin Realty Sdn.Bhd, Kunci Produktif Sdn. Bhd., Projuta Sdn. Bhd, APMC Sdn. Bhd., AYL Plantation Contractor Sdn. Bhd, Worldwide

Landfills Sdn.Bhd, Trivillion Development Sdn. Bhd, YHF Construction Sdn. Bhd., Bina Mahir Sdn.Bhd.

TUAN SPEAKER : Soalan tambahan, Morib.

Y.B. TUAN HASIMAN BIN SIDOM : Morib ingin bertanya, adakah kerajaan sedar atau ada penguatkuasaan aktiviti pengangkutan pasir ini yang dijalankan pada waktu malam khususnya menjelang jam dua, tiga pagi. Contohnya di Kuala Langat yang berlaku pada hari ini.

Y.B. TUAN HAJI YAAKOB BIN SAPARI : Terima kasih Morib. Kerajaan sedar aktiviti kecurian pasir berlaku, dan ia berlaku telah lama saya ingat ketika EXCO dulu pernah menahan alat-alat mengorek pasir malam, besok pagi hilang. Dan kita sedar ini berlaku tapi kita menjangkakan dalam masa dua bulan, setelah dua puluh peratus lori-lori yang mencuri ini bekerja dengan Kumpulan Semesta sekurang-kurangnya lapan puluh peratus masalah ini dapat diselesaikan. Dan seandainya semua kawasan-kawasan yang kita kawal ini dapat kita keluarkan dan semua pengeluaran pasir telah kita kawal, dia akan mengurangkan pencurian pasir. Saya mengakui masalah penguatkuasaan ini agak terhad, bilangan penguat kuasa yang ada sangat kecil. Kita telah pun mengadakan *ops statik* dua puluh empat jam yang lalu dan ketika *ops statiks* ini dilaksanakan keadaan kecurian menurun dan bila hari raya, baru ini, puasa dan hari raya kita longgarkan *ops statik* pencurian berlaku lagi. Pihak Pejabat Daerah memberi komitmen kepada saya untuk Morib, Sepang dan Kuala Langat, mulai minggu ini *ops statik* dilaksanakan lagi dengan itu pencurian akan dapat dikawal.

TUAN SPEAKER : Soalan tambahan.

Y.B. TUAN LEE KIM SIN : Terima kasih kepada Tuan Speaker. Soalan tambahan iaitu kita dapati walaupun dinyatakan nak ada pemantauan dan *ops statiks*, tapi masih berlakunya kecurian pasir berlaku dan kita dapati juga ada pegawai-pegawai hanya dua penguat kuasa yang ujud di setiap satu daerah. Jadi apakah rancangan untuk menambahkan penguatkuasaan ini khasnya dari segi pegawai-pegawai. Terima kasih.

Y.B. TUAN HAJI YAAKOB BIN SAPARI : Saya akui jumlah pegawai ketika ini tidak mencukupi. Tetapi seandainya lapan puluh peratus lori-lori pasir yang mencuri ini akan bekerja dengan Kumpulan Semesta dalam masa dua bulan lagi sekurang-kurangnya lapan puluh peratus masalah kecurian dapat dikurangkan. Dengan baki tinggal dua puluh peratus, penguat kuasa yang ada mampu untuk mengawal pencurian ini.

TUAN SPEAKER : Batang Kali.

Y.B. TUAN MOHD ISA BIN ABU KASIM : Terima kasih Tuan Speaker, soalan saya nombor 24.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN MOHD. ISA BIN ABU KASIM
(BATANG KALI)**

TAJUK : PIHAK BERKUASA TEMPATAN

24. Pihak Berkuasa Tempatan.

Bertanya kepada Y.A.B Dato” Menteri Besar

- a) Adakah Pihak Berkuasa Tempatan di Negeri Selangor ini mengalami defisit dalam perbelanjaan tahunannya?
- b) Bagaimanakah Kerajaan Negeri membantu Pihak Berkuasa Tempatan tersebut menampung perbelanjaannya?
- c) Apakah rasionalnya pelantikan Ahli Majlis Tempatan yang tinggal di luar kawasan PBT?

Y.B. TUAN LIU TIAN KHIEW : Terima kasih. Tuan Speaker, pada keseluruhannya Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Selangor mengamalkan perbelanjaan berhemah dan perbelanjaan berimbang. Namun demikian, berdasarkan kepada anggaran belanjawan yang dikemukakan untuk kelulusan kerajaan negeri terdapat tiga buah PBT yang mengamalkan perbelanjaan defisit dalam anggaran perbelanjaan bagi tahun 2008 iaitu Majlis Perbandaran Kajang, Majlis Daerah Hulu Selangor dan Majlis Daerah Kuala Langat. Tetapi apa yang kita dapati bahawa selain daripada tiga PBT itu, PBT seperti MPK dan juga MP Selayang juga ada defisit pada 2008. Ada banyak faktor. Faktor pertama ialah masih ada pegawai di PBT tidak berhemah atau tidak berhemat apabila melaksanakan kerja masing-masing. Masih ada pada masa yang dulu, mereka ada suka-suka tukar corak bentuk *roundabout*, tukar corak bentuk *dividers* dengan izin, buat plastik *flowers*, plastik pokok, pokok plastik pun ada dan macam-macam. Tetapi ada satu faktor yang serius ialah kerana pada masa dulu ada Ahli Majlis juga merupakan ADUN. Di kalangan ADUN ini mereka sangat, mereka banyak menyalahgunakan kuasanya maksud saya. Jadi khasnya apabila pilihan raya akan datang, mereka gunakan kuasa mereka, paksa pegawai di PBT menjalankan, melaksanakan projek-projek yang tidak membawa kebaikan kepada rakyat. Saya bagi contoh di Selayang, pada sebelum pilihan raya yang lalu seorang ADUN di Selayang namanya Tang See Hang, dia beri dia paksa dia bagi banyak projek sebelum *election*. Sehingga sekarang ada kontraktor sampai hari ini belum dapat bayaran mereka sebanyak lebih daripada dua juta. Sehingga Selayang mengalami defisitlah, sampai hari ini Selayang kena minta kerajaan negeri untuk memberi bantuan. Sampai hari ini kita belum meluluskan kerana kita mahu semaklah mengapa begini. Dan bagi MPK lagi teruk. Kita masih ingat pada tahun-tahun 2000 MPK merupakan sebuah PBT yang paling kaya. Ada *reserve* atau pun simpanan sebanyak lebih daripada seratus juta, tetapi, sampai, tak sampai lima tahun *reserve* lebih seratus juta ini telah habis. Mengapa. Kerana selain daripada ada pegawai yang tidak berhemah juga ADUN yang merupakan Ahli Majlis menyalahgunakan kuasa mereka, paksa mereka mengadakan banyak projek khasnya sebelum pilihan raya sebab mereka ingin nak membeli undi. Banyak projek yang tidak berbaloi jalan juga. Sebab itu, sampai tahun ini 2008, MPK terpaksa gunakan overdraf untuk membayar gaji. Jadi, bukan sahaja itu, ada *cantered trip*, dengan izin dia pergi

sini pergi sana, rombongan sini rombongan sana tak membawa hasil-hasil apa. Jadi perkara ini semua kena diberhentikan dan satu '*solution*', dengan izin, yang adakan, kita telah bercadang kepada semua PBT supaya menubuhkan satu jawatankuasa yang dinamakan '*Audit & Corporate Governance Committee*' dengan izin ataupun Jawatankuasa Audit & Pengurusan Korporat supaya diberi kuasa untuk menyemak, meninjau semua tender, sebut harga dan sebagainya, semua projek supaya kita mencegah penyelewengan dan juga rasuah. Dan pujian harus diberi kepada MBPJ kerana MBPJ merupakan PBT yang pertama telah menubuhkan jawatankuasa sebegini dan jawatankuasa ini tak ada pegawai tidak terdiri daripada pegawai. Semua anggotanya terdiri daripada Ahli Majlis kerana kita mahu Ahli Majlis membuat pemantauan dengan baik dan berkesan sebab itu kita keluarkan semua pegawai daripada jawatankuasa itu. Pada masa yang sama semua '*tender board*' sekarang hanya terdiri daripada anggota daripada pegawai termasuk YDP. Kita tak mahu ahli politik campur tangan dalam '*tender board*'. Tak macam dulu, pada masa yang lampau di bawah Barisan Nasional, '*tender board*' ini ada Ahli Majlis yang merupakan ADUN pun masuk dalam '*tender board*'. Mereka selalu menyalah menggunakan kuasa. Sebab itu Pakatan Rakyat telah membuat keputusan kita keluarkan semua orang politik masuk '*tender board*'. Jadi '*tender board*' semua hanyalah pegawai. Jadi kita harap dengan cara ini kita dapat mengelakkan rasuah dan juga penyalahgunaan kuasa dan sebagainya.

Y.B. TUAN LEE KIM SIN : Tuan Speaker, minta penjelasan

Y.B. TUAN LIU TIAN KHIEW : Nanti ya, nanti dulu. Ok. Ada juga Y.B. Yang Berhormat ingin bertanya macam mana kita beri bantuan kepada PBT yang mengalami defisit. Bantuan kewangan yang disalurkan kepada PBT adalah dalam bentuk caruman membantu kadar dan pembiayaan projek-projek pembangunan. Di samping itu, Kerajaan Negeri juga ada menyalurkan bantuan peruntukan kewangan melalui kelulusan permohonan yang dikemukakan oleh PBT kepada Perbendaharaan Negeri. Dan kita ada satu langkah juga yang bertambah, secara penambahan iaitu kita telah minta empat buah PBT yang kaya memberi bantuan kepada 4 PBT yang tidak mampu misalnya MBPJ, MPKJ..'sorry', MBSA, MPSJ dan juga MPK. Diberi tanggungjawablah menganak-angkatkan PBT yang kurang mampu seperti Majlis Daerah Kuala Langat, Majlis Daerah Hulu Selangor, Majlis Daerah Sabak Bernam dan Majlis Daerah Kuala Selangor. Tetapi bukan dalam bentuk '*cash*' kita minta ke empat-empat PBT yang kaya itu memberi bantuan dalam bentuk '*material*', dengan izin dan sebagainya. Dengan nilai sebanyak RM1 juta. Untuk kita merapatkan ataupun mengecilkan jurang di antara PBT yang kaya dan PBT yang kurang mampu. Ya, silakan.

Y.B. TUAN LEE KIM SIN : Puan Speaker, minta penjelasan daripada...

PUAN SPEAKER : Silakan, Kajang

Y.B. TUAN LEE KIM SIN : Dikatakan ada ..dengan izin, '*Audit & Corporation Management*' untuk memantau proses sebut harga dan tender. Maka ditanyakan bilakah ya..ni..'schedule' yang diatitkan untuk semua PBT kerana masalah ini memang menjadi satu masalah setiap ADUN, rakyat khuatirkan.

Y.B. TUAN LIU TIAN KHIEW : Kita belum tetapkan masa ataupun jadual untuk semua PBT diadakan jawatankuasa tetapi kita menasihatkanlah semua PBT mengambil langkah yang lebih cepat lagi untuk menubuhkan jawatankuasa ini kerana jawatankuasa

ini dalam pada pendapat kita sangat berguna dan juga berkesan untuk mencegah rasuah dan penyelewengan. Seterusnya, Y.B-Y.B juga ingin tahu apakah rasionalnya pelantikan Ahli Majlis Tempatan yang tinggal di luar kawasan PBT. Kerajaan Negeri telah menetapkan dasar untuk melantik Ahli Majlis PBT yang terdiri daripada wakil parti politik, profesional dan juga badan bukan kerajaan, NGO di setiap PBT di seluruh Selangor. Ini kali pertamalah. Ini lah satu perbezaan di antara Pakatan Rakyat dengan Barisan Nasional. Akta Kerajaan Tempatan menetapkan supaya Ahli Majlis yang dilantik hendaklah terdiri daripada orang-orang yang biasanya bermastautin dalam kawasan PBT itu. Akan tetapi terdapat juga di kalangan mereka yang dilantik di luar kawasan PBT yang diwakili mereka tetapi bagaimanapun majoriti Ahli Majlis yang dilantik dan tinggal di luar kawasan adalah terdiri daripada profesional dan NGO. Di mana mereka yang terpilih ini didapati benar-benar layak dan difikirkan perlu dilantik oleh Kerajaan Negeri untuk memikul tanggungjawab tersebut. Pelantikan adalah bertujuan untuk membantu meningkatkan kualiti pengurusan dan Pentadbiran PBT. Dan harapan mereka agar mendapat menyumbangkan idea-idea baru supaya meningkatkan perkhidmatan PBT kepada masyarakat setempat. Terima kasih.

Y.B. TUAN MOHD ISA BIN ABU KASIM : Soalan tambahan, Puan Speaker

PUAN SPEAKER : Batang Kali

Y.B. TUAN MOHD ISA BIN ABU KASIM : Terima kasih Y.B. Cuma soalan tambahan saya, sehingga hari ini kita masih menunggu-nunggu dasar baru ataupun dasar yang drastik untuk membantu PBT dalam menangani dan meningkatkan kutipan tunggakan cukai yang tinggi di beberapa PBT yang saya rasa Y.B. sudah tahu di mana macam YB cakap ada PBT miskin, ada PBT kaya. Jadi apakah tindakan, dasar baru yang akan diguna pakai untuk meningkatkan kutipan cukai ini. Terima kasih.

Y.B. TUAN LIU TIAN KHIEW : Terima kasih. Sebagai satu, satu-satunya langkah ialah kita telah mengadakan, kita mengecualikan denda untuk taksiran cukai sebanyak 70% satu langkah menggalakkan penghuni-penghuni, penduduk-penduduk membayar cukai taksiran. Selain daripada itu, kita mendapati ada banyak bangunan yang dimiliki oleh khususnya, UMNO tidak bayar cukai taksiran misalnya di MBSA ada satu bangunan, sebuah bangunan UMNO berhutang sebanyak RM 800 ribu, '*almost 1 million*' tetapi kita bagi peluang, kita bagi masa 3 bulan untuk bangunan UMNO di Shah Alam membayar kalau tidak kita akan mengambil tindakan sita. Dan..

Y.B. TUAN MOHD ISA BIN ABU KASIM : Itu dasar lama tu, dasar baru maksud saya

Y.B. TUAN LIU TIAN KHIEW : '*Sorry*'

PUAN SPEAKER : Batang Kali, mesti minta izin untuk cakap

Y.B. TUAN MOHD ISA BIN ABU KASIM : Sita, sita ni dasar lama ni, dasar baru..

Y.B. TUAN LIU TIAN KHIEW : Ini memang dasar yang ada, Kerajaan Tempatan memang berkuasa untuk mengambil langkah-langkah sedemikian. Jadi kita haraplah semua pemilik bangunan ke, kediaman ke, di Selangor boleh bekerjasama dengan Kerajaan Tempatan kerana Kerajaan Tempatan hanya bergantung kepada cukai

taksiran sebagai pendapatan yang utama selain daripada sedikit sebanyak daripada pelesenan. Sekian, terima kasih.

Y.B. TUAN ISMAIL BIN SANI : Soalan tambahan

PUAN SPEAKER : Nanti dulu ya, saya ingin mengingatkan Yang Berhormat sekalian jika ingin bercakap minta izin dahulu. Jangan terus berdiri dan bercakap.

Y.B. TUAN MAT SHUHAIMI BIN SHAFIEI : Soalan tambahan juga.

PUAN SPEAKER : Hulu Kelang

Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB : Puan Speaker, Yang Berhormat tadi sudah menimbulkan isu salah guna kuasa di dua Majlis Perbandaran iaitu MPK dan MPS. Soalan saya, sudahkah kes ini dibawa ke BPR dan jika belum, adakah rancangan Kerajaan untuk membawanya ke bawah siasatan BPR.

Y.B. TUAN LIU TIAN KHIEW : Setahu saya, sampai hari ini belum ada tindakan ataupun laporan kepada BPR tetapi kita menggalakkanlah kalau ada orang awam ataupun Ahli Majlis ataupun sesiapa pun ada bukti dengan kukuh, mereka boleh, mereka berhak membuat laporan kepada BPR dan Kerajaan Tempatan tidak akan teragak-agak mengambil tindakan. Tetapi kita tak mahu salahkan siapa-siapa secara umumnya kita sudah beritahu rakyat di seluruh Selangor apakah terjadi pada masa Kerajaan Barisan Nasional yang dulu, dahulu, tetapi apa yang lebih penting kita mahu semua pegawai, semua ahli Majlis di PBT mengambil sikap yang baru, kita mahu mereka menganggap pertukaran Kerajaan kali ini merupakan satu nafas baru ataupun satu peluang yang baru untuk mereka menukar sikap mereka supaya kita dapat bersama-sama bekerjasama untuk mempertingkatkan perkhidmatan PBT tanpa ataupun bebas daripada rasuah dan menyalahgunakan kuasa dan segala penyelewengan. Terima kasih.

Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB : Soalan tambahan, Speaker.

PUAN SPEAKER : Seterusnya, Batu Caves.

Y.B. TUAN AMIRUDIN BIN SHARI : Speaker, Soalan No. 25.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN AMIRUDIN BIN SHARI
(BATU CAVES)**

TAJUK : KERETA RASMI KERAJAAN NEGERI

25. Kos senggaraan tinggi kereta Proton Perdana V6 Executive yang digunakan anggota pentadbiran di beberapa negeri telah menimbulkan kontroversi.

Bertanya kepada Y.A.B Dato Menteri Besar

- a) Bilakah pembelian terakhir kereta Proton Perdana V6 Executive untuk setiap anggota pentadbiran negeri Selangor?
- b) Setakat ini, berapakah kos senggaraan setiap kereta tersebut?
- c) Adakah kerajaan bercadang menukar kepada kereta yang lebih menjimatkan dari segi penggunaan bahan bakar dan kos senggaraan?

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR : *Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.* Mengenai kereta rasmi kerajaan, bilakah pembelian terakhir Kereta Proton Perdana V6 (Eksekutif) untuk setiap anggota Pentadbiran Negeri Selangor. Pembelian terakhir V6 (Eksekutif) pertama untuk YAB Menteri Besar pada Julai 2005 dan kereta YB SUK Setiausaha Kerajaan Negeri dibeli pada Mei 2005; Pegawai Undang-Undang Negeri pada 2006; Pegawai Kewangan Negeri pada 2005. Setakat ini kos senggaraan setiap kereta tersebut;. YAB Dato' Menteri Besar pada tahun 2005 sebanyak RM18,159; 2006 - RM5,178; 2007- RM12,570; 2008 - RM8,600. SUK RM1,400 pada 2005; 2006 – RM2,300; 2007 – RM6,600, dan 2008 – RM4,000. Puratanya, tetapi yang paling banyak untuk Pegawai Kewangan Negeri pada 2007 sebanyak RM10,000 dan untuk kereta-kereta EXCO, saya ambil angka terbanyak, bagi kereta yang dibeli pada tahun 2004 oleh YB Tuan Haji Yaakob bin Sapari jumlah penyelenggaraan RM110,000, dan yang kedua tingginya kereta YB Tuan Iskandar b. A. Samad sebanyak RM88,000. Adakah Kerajaan bercadang menukar kereta yang lebih menjimatkan daripada segi penggunaan bahan bakar dan kos senggaraan? Jawapannya belum lagi, belum lagi. Kita mahu memantau ini dan kita hendak mengadakan perbincangan dengan pihak Proton untuk mengehadkan kosnya dan janjinya. Dan kita berharap kita dapat selesaikan perkara ini tapi belum ada cadangan untuk menukar kereta. Terima kasih.

Y.B. TUAN LAU WENG SAN : Soalan tambahan Puan Speaker.

TIMBALAN SPEAKER : Silakan Kampung Tunku.

Y.B. TUAN LAU WENG SAN : Ia, terima kasih Puan Timbalan Speaker. Saya bertanya kepada Yang Amat Berhormat sama ada Kerajaan Negeri melantik mana-mana kontraktor atau syarikat-syarikat untuk menguruskan servis kereta-kereta rasmi ini seperti apa yang dilakukan oleh Kerajaan Negeri Terengganu dan adakah juga kita, kalau tidak adakah kita hantar terus kereta ini ke *workshop-workshop* yang terus untuk menjimatkan kos? Ingin bertanyakan soalan.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR : Pada masa hadapan kita hendak berhubung terus dengan Proton. Ada juga yang mengatakan kita boleh dapat harga yang lebih rendah tetapi untuk ketelusan dan kebertanggungjawaban kita hendak gunakan Proton dan semak daripada Proton. Antara cara yang boleh kita gunakan kita hanya dapat perjanjian mengenai *mileage usage*. Oleh sebab itu, Proton janjikan kita mengenai penggunaan tersebut dan kalau kurang penggunaan tersebut Proton membayar dengan bayarannya sendiri. Jadi kita mahu adakan suatu bentuk yang lain. Maknanya, *use contract*. Jadi Proton perlu tentukan.

Walau bagaimanapun, perkara ini bukanlah perkara yang sangat penting, sebaliknya saya dapati perkara ini tidak memberikan kecekapan kepada EXCO kerana kalau kereta sentiasa rosak ia boleh menghalang kerja mereka. Itu sebabnya kita tengokkan kalau

benar-benar Proton tidak dapat menjalankan tanggungjawabnya kita hendak buat keputusan yang lain pada tahun hadapan.

PUAN SPEAKER : Semua dah berpuas hati dengan jawapan tadi ya? Teruskan kepada Lembah Jaya.

Y.B. TUAN KHASIM BIN ABDUL AZIZ : Terima kasih Puan Speaker. Soalan No. 26.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN KHASHIM BIN ABDUL AZIZ
(LEMBAH JAYA)**

TAJUK : PENUBUHAN JKPP OLEH KERAJAAN PUSAT

26. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :

- a) Apakah langkah yang akan diambil oleh Kerajaan Negeri dalam menangani isu penubuhan Jawatankuasa Kemajuan & Keselamatan Kampung Persekutuan (JKKKP) oleh kerajaan pusat yang secara terang-terangan cuba mengganggu gugat kewujudan Jawatankuasa Kemajuan & Keselamatan Kampung (JKKK) yang dilantik oleh Ke Bawah Duli Sultan.

Y.B. TUAN HAJI YAKOB BIN SAPARI : *Bismillahi rahmani rahim. Assalamualaikum Warahmatullahi Taala Wabarakatuh.* Menjawab soalan Lembah Jaya. Kerajaan Negeri Pakatan Rakyat masih mengguna pakai pekeliling yang dibuat oleh kerajaan Barisan Nasional yang terdahulu. Melalui perkara 3, manual panduan kerja JKPP yang diluluskan pada tahun 2001. Kuasa melantik Ketua Kampung dan JKPP adalah kuasa penuh Yang Amat Berhormat Menteri Besar. Sebelum kita melantik Ketua Kampung, saya telah menghantar surat kepada semua Ketua Kampung untuk buat pertemuan di Bangunan SUK tapi semua Ketua Kampung ini menolak kerana kerajaan pusat telah menjanjikan untuk menubuhkan JKPP. JKPP telah dilantik sebelum Ketua Kampung dilantik. Ini menunjukkan pemimpin BN terlalu angkuh dan tidak menghormati demokrasi. Dan sengaja memecah belahkan masyarakat di kampung.

Kalau selama ini UMNO dan Barisan Nasional yang melaung-laungkan soal perpaduan masyarakat khususnya di kampung, pelantikan JKPP ini adalah secara sengaja mahu memecah belahkan orang kampung sebab kampung itu bukanlah besar sangat. Walaupun kita memerintah, kita rasa berbesar hati membenarkan UMNO umpamanya menggunakan dewan-dewan milik Kerajaan Negeri berbanding ketika UMNO dan Barisan Nasional memerintah dahulu. Saya ingat saya hendak pakai padang di Serdang pun tak dibenarkan.

Untuk mengatasi masalah JKP yang pertama, kita pertingkatkan kualiti Ketua-Ketua Kampung Kerajaan Negeri. Semua Ketua-Ketua Kampung Kerajaan Negeri telah menghadiri Kursus SPIES Kepimpinan Ketua Kampung. Dengan kualiti kepimpinan yang ada ini saya rasa orang-orang kampung boleh membandingkan yang manakah Ketua Kampung yang berkualiti, yang manakah Ketua Kampung yang hanya untuk memecah belahkan masyarakat. Seterusnya Kerajaan Negeri daripada awal lagi tidak mengiktiraf JKPP walaupun UMNO dibenarkan menggunakan bangunan-bangunan

Kerajaan Negeri tetapi JKPP tetap tidak diiktiraf sebagai pertubuhan yang sah. Seterusnya urusan-urusan rasmi Kerajaan Negeri tidak mengiktiraf JKPP. Terima kasih.

Y.B. PUAN GAN PEI MEI : Soalan tambahan.

PUAN SPEAKER : Rawang.

Y.B. PUAN GAN PEI MEI : Semasa berlaku penukaran pimpinan daripada Kerajaan Barisan Nasional ke Kerajaan Pakatan Rakyat sekarang, berlakunya pemimpin JKPP ataupun yang lepas yang enggan melepaskan aset kepada JKPP baru yang dilantik oleh Kerajaan Pakatan Rakyat. Adakah Kerajaan Pakatan Rakyat akan mewujudkan satu sistem untuk menjamin bahawa dalam masa akan datang segala aset yang dimiliki oleh Kerajaan Negeri ini direkodkan agar berlaku penukaran pimpinan itu harta rakyat itu tetap akan dikembalikan.

Y.B. TUAN HAJI YAAKOB BIN SAPARI : Terima kasih Rawang. Pencurian aset-aset di Balai-balai raya ada yang hilang kerusi, meja, *aircond*, lampu dan sebagainya ini menggambarkan begitu buruknya pimpinan UMNO di peringkat cawangan lagi. Apa lagi di peringkat atasan. Hingga hari ada sebahagian aset-aset yang masih belum dipulangkan dan kita telah mengarahkan supaya Pejabat Daerah, pejabat Penghulu untuk mengaudit aset-aset ini dan selepas ini semua aset-aset ini akan disenaraikan dan akan diaudit dan dikawal oleh Pejabat Daerah. Memastikan bahawa aset-aset ini tidak hilang lagi. Walau bagaimanapun ada kawasan-kawasan seperti di Sabak Bernam, di mana dewan-dewan JKK ini dibina atas tanah-tanah persendirian. Yang ini menyukarkan pihak Kerajaan Negeri untuk mengambil dewan-dewan tersebut. Inilah kesilapan besar kerajaan terdahulu membina barangan kerajaan di atas tanah persendirian. Sepatutnya proses pengambilan tanah telah dibuat, baru dibuat, bina bangunan-bangunan ini. Terima kasih.

Y.B. TUAN LEE KIM SIN : Soalan tambahan, Tuan Speaker, soalan tambahan.

PUAN SPEAKER : Sungai Air Tawarlah, saya bagi pada Sungai Air Tawar.

Y.B. DATO' RAJA IDERIS BIN RAJA AHMAD : Puan Speaker, soalan tambahan ya. Yang pertama adakah kerajaan sedar bahawa banyak balai raya yang tertinggal sekarang ini hasil daripada pertelingkahanlah yang ada sekarang ini. Saya tengok balai raya yang sudah dibina dengan cantik bila ada masalah-masalah macam ini dia tertinggal, kosong. Jadi sayang. Jadi apakah tindakan kerajaan mungkin dengan balai raya yang cantik ini dulu ditinggalkan macam itu sebab pertelingkahan yang berlaku. Dan yang kedua, saya ingat sebagai orang-orang yang mempunyai ilmulah, rasanya kalau kita bercakap eloklah kita menggunakan bahasa-bahasa yang baik. Bahasa-bahasa yang membimbinglah, mengasuh, tarbiahnya lebih supaya kalau guna perkataan-perkataan yang angkuh ke apa ke, itu tak seronok sangat ya. Jadi apakah elok kita bercakap macam itu daripada kita bercakap dengan suasana persahabatan, silaturahmi dan sebagainya. Terima kasih.

Y.B. TUAN HAJI YAAKOB BIN SAPARI : Terima kasih Sungai Air Tawar. Masalah yang berlaku di Sabak Bernam kerana dewan-dewan ini berada di tanah-tanah persendirian. Dan Ketua-Ketua Kampung enggan menyerahkan kunci-kunci ini ke Pejabat Daerah dan kita sukar untuk mengambil bangunan tersebut kerana ia berada di tanah persendirian. Kerajaan, kita rasa berbesar hati kalau Sungai Air Tawar boleh

bantu kita untuk dapatkan dewan-dewan itu dan serahkan kepada Penghulu untuk diserahkan ke Pejabat Daerah. Kerajaan pusat, saya pada awal-awal lagi memberitahu ada kuasa kerajaan pusat, ada kuasa kerajaan negeri. Soal Ketua Kampung ini di bidang kuasa Kerajaan Negeri dan kita meneruskan perkara (3) yang diputuskan oleh kerajaan Barisan Nasional tahun 2001. Tindakan sengaja melantik JKP dan membayar elaun ini memang tindakan yang tidak wajar.

PUAN SPEAKER : Kita pergi kepada soalan seterusnya Bukit Antarabangsa.

Y.B. TUAN MAT SHUHAIMI BIN MAT SHAFIEI : Terima kasih Yang Berhormat Tuan Speaker. Saya berdiri mengambil pertanyaan di bawah Peraturan Tetap 24 (2) soalan No.27.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN MOHAMAD AZMIN BIN ALI
(BUKIT ANTARABANGSA)**

TAJUK : PERJANJIAN-PERJANJIAN KONSESI

27. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Adakah Kerajaan Negeri akan menilai semula perjanjian konsesi atau penswastan yang tidak berlaku adil kepada Kerajaan dan rakyat Negeri Selangor seperti perjanjian sumber air dan projek lebuhraya.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR : Soalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat mengenai perjanjian konsesi ini. Soalan ini agak umum tetapi saya fikir mengenai konsesi ini soalan ini perlu kita lihat daripada segi penswastan. Terdapat banyak penswastan dan ada kalanya Kerajaan Negeri hanyalah terlibat secara tidak langsung. Itu satu perkara yang saya dapati Kerajaan Negeri menghadapi banyak bermasalah. Antaranya, air. Air juga Kerajaan Negeri ada terlibat tetapi tidak secara langsung ataupun dikenakan supaya Kerajaan Negeri mengikutinya. Oleh sebab itu perjanjian seperti perjanjian Puncak Niaga, pembelian untuk SYABAS dan seterusnya nampaknya Kerajaan Negeri tidak mempunyai kuasa yang begitu kuat untuk membuat beberapa perubahan.

Kedua, banyak konsesi seperti pelupusan sampah juga terdapat Kerajaan Negeri terpaksa mengikut rentak yang dibuat oleh Kerajaan pusat dan terpaksa menerima beban hasil daripada tersebut dan terpaksa mengubah suai. Demikian juga lebuhraya. Kerajaan Negeri memang terlibat dengan lebuhraya, menolong Kerajaan pusat untuk mengambil tanah selepas itu diserahkan tanah itu kepada Kerajaan pusat untuk dibina lebuhraya dan sehinggalah suatu masa Kerajaan Negeri pun tak boleh hampir ke lebuhraya tersebut. Maksudnya, sudah menjadi hak Kerajaan pusat. Jadi, saya rasa itulah sebab perlunya sekarang kita mengkaji semula undang-undang ataupun perjanjian penswastan ini kerana saya dapati banyak perkara yang Kerajaan Negeri ketinggalan dalam hal ini. Antaranya, jalan-jalan lebuhraya itu ada kalanya bukan sahaja Kerajaan Negeri diberitahu menolong mereka mengusahakan dan mendapatkan lebuhraya selepas itu mereka menggunakan lebuhraya ini untuk mendapat pendapatan selain lebuhraya. Umpamanya menggunakan tempat itu untuk membuat tempat-tempat iklan

di atas tanah yang boleh jadi masih lagi kita belum tentukan sama ada milikan negeri ataupun milikan pusat.

Kalau kita urus sendiri sudah tentu kita mendapat pendapatan daripadanya, dan bolehlah kita gunakan, salurkan untuk negeri. Kalau kerajaan pusat dapat pendapatan ini sudah tentulah Kerajaan Negeri terpaksa membuat permohonan dan mereka fikir secara *consolidated*, maknanya akaun yang disatukan dan oleh sebab itu dalam perkara ini mungkin Kerajaan Negeri tidak diberi keutamaan dalam pendapatan tersebut. Oleh sebab itu mulai sekarang, kita berharap dapat bekerjasama dengan peguam negeri supaya kita dapat mengkaji semula semua perjanjian tersebut supaya kita dapat perjanjian yang dapat kita betulkan dan usaha yang pertama yang menjadi tanda keupayaan kita ialah proses penyusunan industri air sama ada kalau kita dapat menyusun semula industri air ini semua konsesi yang ada sekarang mengenai air boleh dimansuhkan. Kita mahu dapat kuasa baharu dalam pentadbiran air dan tujuan kita supaya kita dapat mengurus dan kita usahakan, supaya pengurusan tu lebih baik dan supaya hasil pengurusan itu dapat dinikmati oleh pengguna air dengan harga yang terbaik dan perkhidmatan yang cekap. Oleh itu, saya fikir perlu kita mengkaji semula semua konsesi yang melibatkan negeri dan melibatkan Kerajaan Pusat.

Pada awalnya, saya anggap Sg.Panjang agak terhad kuasanya semasa menandatangani konsesi-konsesi ini. Sebab, pergantungan kita pada Kerajaan Pusat tetapi akhirnya kita dapati kuasa kita pada akhir perjanjian tersebut nampaknya kurang terhad dan ada kalanya kita bergantung besar pada ihsan Kerajaan Persekutuan untuk memberikan perkhidmatan kepada masyarakat negeri Selangor. Terima kasih.

PUAN SPEAKER : Masa sudah tamat. Masa dah tamat.

SETIAUSAHA DEWAN : Aturan Urusan Mesyuarat seterusnya Rang Undang-Undang Perbekalan dalam kurungan (2009 – 2008) sambungan.

III. RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN 2009, 2008 (Sambungan)

(Tuan Speaker mempengerusikan mesyuarat)

TUAN SPEAKER : Ahli-Ahli Yang Berhormat Sekalian, sekarang saya mempersilakan pihak Kerajaan jika ingin menggulung atau memberikan apa-apa penjelasan di atas perkara-perkara yang telah pun dibangkitkan pada dua hari yang lalu. Dipersilakan.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR : Tuan Speaker, pertama saya mengucapkan terima kasih kepada rakan-rakan kita dalam Dewan Undangan Negeri yang bersama-sama membahaskan belanjawan 2009 ini dan saya rasa banyak penelitian dan cadangan-cadangan hendak kita telitikan supaya kita dapat memahaminya dan akhirnya dapat mengaturnya supaya ia dapat digunakan dalam pengurusan belanjawan 2009. Walau bagaimanapun, saya sangat berminat dalam usaha kefahaman konsep yang kita utarakan dalam belanjawan 2009 ini.

Sg. Panjang melihat Bajet 2009 sebagai retorik ataupun suatu cakap-cakap sahaja tetapi saya meneliti apabila saya ingin membuat belanjawan ini, saya juga membaca beberapa belanjawan yang sebelumnya dan beberapa penulisan yang dibuat oleh Sg. Panjang selaku Menteri Besar. Dalam ucapannya, yang kebanyakan saya rasa penulisan ada hubungannya dengan kumpulan INMIND yang saya lihat Sg. Panjang cuba mencantumkan kehendak pembangunan dan kehendak masyarakat tetapi Sg. Panjang belum sampai ke satu peringkat yang dapat menggunakan konsep tersebut dalam pengurusan negeri. Jadi, sebab itulah saya nampak Sg. Panjang tidak terlihat di sini. Walaupun Sg. Panjang pernah menggunakan Al Ghazali, Hassan Turabbi dalam surat, kertas-kertas perbincangan, tetapi apa yang saya lakukan ialah mengambil konsep ini dan menterjemahkan konsep ini sebagai suatu usaha mencanai cara belanjawan negeri dan cara pengurusannya.

Konsep Bajet 2009 ada dua, iaitu satu konsep yang dipanggil pembangunan ekonomi dan satu konsep lagi bagaimana pembangunan ekonomi ini mempunyai erti yang terpenting untuk rakyat. Ataupun bagaimana konsep ini, rakyat dapat merasakannya, itu sebab konsep merakyatkan ekonomi menggabungkan dua usaha tertentu, iaitu membangunkan rakyat dan membangunkan ekonomi. Tetapi, hal ini tiada. Saya tengok dalam belanjawan yang dibuat beberapa tahun lalu tidak menggabungkan dua konsep ini sebab dua konsep ini hanya memberi tanggungjawab kepada kerajaan. Semua sumber dalam negeri ini mestilah diuruskan dengan memberi perhatian ataupun memberi keutamaan kepada rakyat. Itulah maksud utama konsep merakyatkan ekonomi. Jadi orang mula bertanya eh.. kalau demikian, ia merakyatkan, bagaimana keadaan negeri Selangor. Maka saya pun melihat keadaan negeri Selangor, Kita hendak merakyatkan ekonomi negeri Selangor tetapi kita juga mesti menghayati keadaan ekonomi negeri Selangor yang diperkatakan. Saya tunjukkan Selangor negeri maju berbanding dengan negeri-negeri lain dalam Malaysia. Tetapi perkataan negeri maju sahaja tidak mempunyai erti dalam konsep merakyatkan ekonomi. Dalam konsep merakyatkan ekonomi kalau negeri itu maju apakah rakyat itu juga maju atau mewah? Jadi oleh sebab itu, kita menggabungkan konsep “negeri maju rakyat mewah”. Jadi, konsep rakyat mewah ini saya ingat Sg. Panjang mungkin terbaca konsep ini dalam beberapa kajian yang saya tahu pegawai-pegawai INMIND mengharapkan suatu konsep kesamaan dan merasakan pembangunan untuk ummah ataupun untuk semua rakyat. Konsep rakyat mewah bukan memberi sedekah kepada rakyat untuk mewah. Bukan. Konsep rakyat mewah ini lahir daripada pemikiran, iaitu jika negeri maju rakyat mewah terjadi suatu keadaan yang tidak siapa pun antara kita boleh memberi sedekah ataupun memberikan zakat. Jadi konsep ini, mungkin baru didengar oleh rakan-rakan dalam Pakatan Rakyat dan rakan-rakan daripada Barisan Nasional.

Rakan kami di Pulau Pinang sudah menggunakan konsep Omar Abdul Aziz. Omar Abdul Aziz dalam pemerintahannya menjana suatu ekonomi yang mana akhirnya tiada rakyat dalam kawasan pemerintahannya itu boleh diberikan zakat. Maknanya, kemewahan itu bererti rakyat sudah berada di garis atas daripada kemiskinan. Dengan cara itu mereka tidak lagi menerima zakat ataupun pemberian tersebut. Jadi konsep ini penting dalam pembangunan kita masa hadapan. Jadi oleh sebab itu, kalau kita hendak menyelesaikan masalah kemiskinan bukan dengan cara memberikan duit kebajikan. Cara itu hanyalah sementara tetapi tujuan kita menggabungkan mereka, mencari jalan supaya mereka lepas daripada kongkongan kemiskinan ini. Itu konsepnya. Jadi untuk usaha yang pertama, peringkat yang pertama mengenal pasti mereka dan memberikan beberapa pertolongan tetapi menarik mereka daripada kongkongan kemiskinan. Ulu Klang, Taman Medan, Bukit Damansara merasakan konsep tersebut tetapi ini kita perlu

membincangkan yang kita kenal pasti peruntukkan yang diutamakan. Siapa yang perlu diberi pertolongan mesti diberi pertolongan dan pertolongan itu mestilah berasaskan pertolongan. Apakah petunjuk yang boleh kita berikan pertolongan? Jawapannya ialah pendapatan. Jadi, garis kemiskinan boleh dijadikan petunjuk atau indikator keperluan pertolongan tersebut. Dalam Islam dan dalam pemikiran tentang cara untuk mencanai keutamaan kemasyarakatan sudah mula menerima konsep itu. Itu sebab konsep merakyatkan ekonomi dan negeri maju rakyat mewah bukan negeri kebajikan. Bukan. Bukan tujuannya nak menjadikan negara yang memberi sedekah kepada semua orang, tidak. Jadi itu satu tanggungjawab negara yang membawa mereka keluar daripada kongkongan kemiskinan.

Saya tertarik tentang Seri Serdang dan apabila dia menganalisis, bukan dia tak ada menganalisis, tetapi boleh jadi, semasa menjawab dia terus menyatakan akhirnya dia menggunakan konsep *trickling effect*. Maknanya, kalau pembangunan itu besar ada *trickling effect* itu mazhab yang sangat lain dalam ekonomi yang kita nak canaikan. Maknanya mazhab itu, dalam teorinya teori kapitalis. Dalam teori itu, siapa yang kaya akhirnya menggunakan orang miskin untuk memberi pekerjaan, dan seterusnya. Oleh itu, saya berharap supaya Sg. Panjang boleh panjangkan kepada Seri Serdang untuk mendengar cara ini. Sebab, sebab ini berbeza sangat. Jadi, pembacaan mereka daripada *Freedmen* ataupun *John Robinson* saya ingat ini agak keterlaluan. Sebab saya tahu Sg. Panjang sudah mulai membaca buku-buku yang ditulis untuk menjayakan ummah secara keseluruhannya. Saya baca dan pernah berhubung dengan kumpulan INMIND. YB Sg Panjang pun pernah. Saya juga pernah berbahas dengan mereka tentang perkara ini. Jadi, saya harap kita perhatikan pengolahan belanjawan ini. Kita sama-sama boleh berbahas tentang perkara ini. Ini satu pembaharuan dalam pemikiran dan pembaharuan pemikiran ini dapat menyelesaikan lagi satu masalah yang kita hadapi di dunia sekarang, iaitu perbezaan pendapatan. Perbezaan perniagaan tidak ada kaitan dengan keadaan yang sekarang dan menjadi satu keruntuhan, keruntuhan ekonomi yang kita akan menghadapinya.

Di Amerika berbilion-bilion terpaksa ditambah supaya dapat menyokong ekonomi tersebut bergerak. Oleh itu, saya harap saya mula dapat membawa pemikiran ini. Yang Berhormat sendiri boleh memberitahu rakyat. Saya bekerja sebagai Pemegang Amanah yang hendak menguruskan sumber rakyat untuk diberikan pada rakyat.

Y.B. DATO' SERI MOHAMAD KHIR BIN TOYO : Saya berkesempatan untuk membaca peruntukan dalam buku ini dan saya lihat jikalau usaha-usaha untuk merakyatkan ekonomi Selangor dapat dijayakan sebagaimana yang diperkatakan oleh Yang Amat Berhormat Ijok, saya amat setuju. Tetapi dari segi peruntukan yang diberikan dalam buku ini tidak menggambarkan apa yang dikatakan merakyatkan ekonomi. Saya ambil contoh umpamanya tentang peruntukan kepada nelayan hanya sekitar RM 1 juta, peruntukan pertanian pun lain dan dalam bajet dinyatakan bahawa ada hadiah anak masuk Universiti Tuan Speaker dalam ini kosong, sepuluh ringgit, dalam bajet ada RM 8 juta. Jadi percanggahan ucapan Yang Amat Berhormat, dengan bajet yang disediakan cukup berbeza, ternyata jelas Tabung Warisan Anak Selangor (TAWAS) alhamdulillah RM 25 juta. Hadiah anak masuk Universiti sepuluh ringgit, Pusat Khidmat Krisis Sehenti, sepuluh ringgit, caruman Takaful Warga Emas sepuluh ringgit. Ini yang saya anggap *retorik*, saya berkesempatan dan saya boleh lihat banyak lagi contoh-contoh yang saya lihat tak di 'address' dengan baik.

Tuan Speaker, yang keduanya saya ucapkan syabas kepada Yang Berhormat Kerajaan Pakatan Rakyat kerana sanggup meningkatkan PGK daripada RM 731 kepada RM 1500, tetapi apakah usaha-usaha yang akan dibuat untuk meningkatkan PGK ini dan melepaskan 30 peratus rakyat Selangor daripada kemiskinan. Kalau kita lihat di pejabat Yang Amat Berhormat sendiri dengan PGK yang baru ini masih ada orang yang miskin. Kakitangan bawahan, Kerani Pejabat semuanya mereka di bawah RM 1500, belum lagi disebutkan oleh sebahagian rakan-rakan saya tentang gaji Guru SAR dan SRA. Jadi kalau kita menyatakan PGK ditingkatkan daripada RM 731 kepada RM 1500 saya setuju, saya sokong, tetapi masalah dalam bajet tidak disebut langsung apakah usaha-usaha untuk mengurangkan kemiskinan di Selangor, terutamanya Pegawai-Pegawai dan Yang Amat Berhormat juga bercakap di khalayak ramai setuju dengan gaji minimum RM 1500 tetapi dalam Kerajaan Negeri Selangor hari ini, masih lagi sekurang-kurangnya 30 peratus kakitangan kerajaan di bawah gaji RM 1500, sedangkan Yang Amat Berhormat berjanji. Kita setuju gaji RM 1500 pelaksanaannya tidak ada, itu yang saya katakan 'retorik'. Dan saya ingin jelaskan sekali lagi bahawa jika kita nak mulakan kebajikan mulakan

TUAN SPEAKER : Ah, ni.. sekarang ini bukan ucapan, minta penjelasan, tetapi ucapan, tadi ucapan tu, tolong ringkaskan.

Y.B. DATO' SERI MOHAMAD KHIR BIN TOYO : Minta penjelasan, penjelasan saya, saya inginkan penjelasan yang pertamanya mengapa ada percanggahan di ucapan bajet Yang Amat Berhormat dengan peruntukan dalam buku ini. Yang Kedua, mengapakah PGK dinaikkan tetapi usaha secara 'spesifik' tidak disebut dalam buku ini. Terima kasih.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR : Terima kasih, sekarang Sungai Panjang sudah mula menerima konsep tersebut dan saya mula menunjukkan kepada Sungai Panjang kalau konsep itu dapat dilaksanakan kita mesti juga mengambil kira beberapa pelaksanaan, pengurusan harta-harta negeri Selangor. Itu sebabnya saya mula membawa saudara-saudara ke situ. Antaranya, tiada lagi pemberian tanah. Oleh sebab itu apabila saya menggunakan perkataan 30 bilion, Sungai Panjang mungkin mempersoalkan dan saya mula mengadakan Jawatankuasa yang diketuai oleh Dr. Tan Kee Keong yang pernah menjadi Timbalan Menteri Tanah dan Galian dan juga Prof. Dr. Mat Zain untuk mengepalai Jawatankuasa yang menghubungi '*select community*' supaya dapat mengkaji punca ketirisan yang sebegitu besar berlaku dan memanggil mereka kerana kita hendak menggubal atau membuat satu '*agreement*'. Saya boleh er.. er.. er.. ada suatu pindaan yang kita hendak memanggil mereka, bekas-bekas Menteri Besar yang bukan sahaja Sungai Panjang tetapi yang lain dan cara pengagihan dahulu dilakukan yang menyebabkan perkara-perkara penyelewengan ini berlaku. Kedua, saya tidak menunjukkan dalam belanjawan ini hasil yang kita terima daripada kumpulan 'semester' yang dahulunya pendapatan kita hanya RM 20 juta. Sekarang pada tahun hadapan kita dapat hasil tersebut dan semua hasil itu hendak ditambah. Jadi, kita hendak persembahkan dalam Dewan Undangan Negeri yang mendatang. Kita hendak tunjukkan cara hasil pendapatan kita diberikan kepada beberapa skim yang kita jalankan. Ia bererti kita menggunakan, bukan kita menggunakan belanjawan ini sahaja kita menggunakan sumber yang kita dapati pengurusan sumber itu yang tidak terdapat dalam bajet ataupun belanjawan yang pernah dilakukan oleh Sungai Panjang. Kita menggunakan sumber itu dan membawa sumber itu terus kepada penggunaan rakyat.

Kedua, Sungai Panjang menyatakan eh.... ini bagaimana boleh dilakukan tetapi kita sudah mula membawa suatu pemikiran baharu. Ada kalanya Pejabat Kebajikan hanya tukang membahagi sedekah atau pemberian, Pejabat Usahawanan hanya mencari Usahawan, Pejabat Pendidikan hanya memikirkan pendidikan. Tetapi sekarang, dalam konsep yang kita adakan ini, penggunaan wang dalam semua itu hendak menjawab soalan; apakah keutamaan yang kita beri kepada mereka ini? Jadi kalau ada peluang untuk memahirkan para belia kita, manakah belia-belia yang boleh kita utamakan dalam pemilihan ini. Manakah belia-belia yang mesti kita cepatkan usaha untuk mempertingkatkan pendapatan mereka. Jadi, jawapannya kita kena tengok pangkalan data yang ramai keluarga miskin. Kalau mereka dalam kumpulan tersebut barulah kita mula membawa mereka kepada satu keutamaan dalam pemberian.

Jawapan yang kedua, boleh jadi Sungai Panjang memikirkan terus membayar gaji untuk memewahkan. Apa sebab saya katakan konsep ini berasaskan produktiviti, iaitu rakyat bukan meminta sedekah. Rakyat hendak diberi pekerjaan baharu. Pekerjaan itu boleh menghasilkan produktiviti dan ganjaran hasil produktiviti itu boleh membawa mereka mendapat pendapatan yang lebih. Tetapi dengan cara itu jati diri mereka, usaha mereka untuk membangunkan diri mereka menjadi lebih. Oleh itu, jawapan ini bukan jawapan terus sahaja RM1500 semua orang di seluruh Negeri dapat RM 1500 bukan. Itu bukan jawapan, jawapannya mengenai cara kita boleh menyatakan orang yang ini benar-benar layak mendapat RM1500 sebab dia sudah bekerja 48 jam dan pulangnya ialah 3 ribu. Failnya sudah diselesaikan. Maknanya, *'there is a record of contribution, this is a mind set'*, bukan hanya beri percuma. Sebab itu Barisan Nasional bukan memikirkan tentang pemikiran baharu dalam merakyatkan ekonomi. Pemikiran ini yang boleh jadi sukar. Sungai Panjang dan Seri Serdang boleh jadi hari ini dia tak ada sebab saya sangat sukar untuk membetulkan paradigma supaya saya dapat betulkan paradigma. Supaya mereka mula tahu, bagi mengenali perbezaan daripada pemikiran Pakatan Rakyat dengan perbezaan daripada pemikiran Barisan Nasional. Tetapi apabila saudara sudah mula mendengar konsep ini saudara boleh gunakan dalam Barisan Nasional. Saya tak takut ini bukan kerana apa kerana Allah, barulah kita bangga yang kita pemimpin memberi erti kepimpinan yang memberi makna kepada rakyat. Kita bukan hanya memberi sedekah. Bukan. Kita memberi jati diri. Kita, kita memberi mereka peluang.

Y.B. DATO' SERI MOHAMAD KHIR BIN TOYO : Kita sedar penjelasan tadi saya pohonkan terutamanya tentang PGK Pegawai-Pegawai Kerajaan yang hari ini berpendapatan RM 1500 ke bawah dan tidak ada usaha yang jelas dinyatakan untuk meningkatkan kepada RM 1500. Yang Kedua, tidak ada dinyatakan sasaran. Bila kita buat satu cadangan sasaran kita hujung tahun ini berapa, 30 peratus miskin di Selangor berapa peratus nak dikurangkan dan kumpulannya apakah kumpulan sasar. Pegawai Kerajaan yang RM 1500 ke bawah, Guru-guru RM 1500 ke bawah, Belia-Belia RM 1500 ke bawah. Saya juga masih menanti kerana sejak Yang Amat Berhormat menjadi Menteri Besar perkataan pertama yang disebut dalam surat khabar ialah untuk meningkatkan pendapatan daripada RM 1500 kepada 3000 Belia-Belia, melalui kajian saya yang cetek ini lah. INSPEN masih lagi menjalankan kursus-kursus yang lama tak ada satu perkataan baru yang dibuat. Jadi masih lagi menggunakan kaedah kerajaan Barisan Nasional yang lama, tidak ada kursus-kursus yang baru dan malah jumlah pelajar yang dilatih oleh INSPEN juga tidak meningkat. Jadi dulu Yang Amat Berhormat berjanji nak daftar Belia-Belia yang ini dikhususkan supaya pendapatan RM 1500 ke RM 3000. Tetapi sampai hari ini pun. Saya nak penjelasan kenapa tak dijalankan. Sebab itu saya katakan 'retorik'.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR : Jawapannya, jawapannya itu sebab saudara sudah memerintah kumpulan Barisan Nasional 50 tahun, 50 tahun, kalau saudara buat cara macam ini 'gap' pendapatan berkapita masyarakat sudah berkurangan tak payah Sungai Burung untuk menerangkan tetapi Sungai Burung akan memberi ceramah bagaimana pelaksanaan itu boleh dilakukan. Tetapi Sungai Burung akan memberi ceramah bagaimana pelaksanaan itu boleh dilakukan. Tetapi saudara Sungai Burung mendapati ... eh .. sekarang bagaimana ini oh ..

Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS : Sungai Panjang Yang Berhormat....

Y.A.B DATO' MENTERI BESAR : Sungai Panjangoh.... Sungai Burung ... Marah ye .. Tak apa .. Sungai Burung dia mendengar cakap saya sebab saya pun pernah mengajar di Sekolah Dato' Harun... Oleh sebab kita mula mengenalkan belanjawan ini, kita bergerak ke perkara yang kedua. Perkara yang kedua, mengemas kini data masyarakat yang termiskin. Saya minta kalau ada Sungai Panjang mengemas kini data tersebut yang itu saya lihat tak ada data yang lengkap. Maknanya, MAIS ada data, Kebajikan ada data, Belia ada data, tetapi tak ada kumpulan data yang lengkap yang Sungai Panjang mengatakan eh.... daripada ucapan yang dibentangkan oleh Menteri Besar sekarang, sudah terdapat 325,000 keluarga yang termasuk dalam kumpulan ini dan di Sungai Panjang sudah terdapat 2,100 keluarga yang terdapat dalam kumpulan tersebut. Ia baru peringkat yang kedua. Jadi kalau belanjawan ini sudah diluluskan dan kita luluskan kita mula pergi ke peringkat yang kedua dan masa kita berbincang dalam Dewan Undangan Negeri yang mendatang kita mula tunjukkan kemajuan-kemajuan yang kita lakukan. Jikalau Sungai Panjang ada pangkalan data yang lengkap yang boleh kita bekerjasama, saya dengan sukarela berterima kasih dan mengikuti usaha tersebut... (tepuh).

TUAN SPEAKER : Yang Berhormat sekalian, saya rasa itu cara yang baik yang saya kena beritahu, Sungai Panjang bila nak minta laluan dia berdiri. Semua orang tahu nak minta laluan. Cuma tunggu yang bercakap tu.. dia habiskan ayatnya ataupun ia habiskan penjelasan tersebut baru diberi peluang. Itu cara yang betul. Silakan.

Y.B. DATO' SERI MOHAMAD KHIR BIN TOYO : Persoalan saya mudah sahaja. Berapakah *target* Kerajaan Negeri untuk mengurangkan kemiskinan tahun ini. Kalau sasarannya tak ditetapkan maka kita tidak mempunyai satu fokus. Saya nak tahu jika hari ini 30% rakyat Selangor miskin selepas PGK dinaikkan kepada RM1,500.00, berapa peratus yang mungkin mampu dikurangkan pada tahun ini, tahun hadapan dan tahun seterusnya.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR : Baiklah. Sungai Panjang bertindak sebagai pengurus saya. Saya Pengurus Besar membuat kajian tersebut, baru saya bagi macam itu. Jadi pengurus tu memang biasa bertanya macam itu berapa ekar nak tanam, berapa jadi itu caranya. Jadi kalau konsep pengurusan itu kita hendak lakukan, kita lakukan. Bukan kita lakukan dalam belanjawan ini kita lakukan di peringkat yang kedua, pelaksanaannya kita hendak lakukan, dan saya hendak beritahu. Kita perlu ada ukuran konsep KPI ... bukan perkara yang tidak menjadi ganjil kepada kita. Tidak... Kos *value for money*, cara penggunaan itu hendak kita lakukan. Tetapi kita bukan boleh menjawab dengan cara hari ini. Kita buat apa yang dipanggilKita mesti ada *survey*, yang kita lakukan. Oleh sebab itu kita mula memperkenakan belanjawan ini sebagai asas pengubaran pemikiran berasaskan konsep yang ada sekarang supaya jangan terperanjat. Sebab kalau saya buat satu konsep baharu dan ramai yang tak boleh saya

ambil itu.. Kita asaskan itu dan kita buat perubahan apabila kita mula mendapat data dan kajian-kajian yang sesuai. Oleh itu, saya tidak lagi nak membincang perkara ini kerana masa sudah lewat.

Kalau untuk pengetahuan Sungai Panjang, kita sudah boleh meningkatkan pendapatan pesawah di antara Sabak Bernam, Tanjung Karang dan sebahagian daripada Kuala Selangor. Bagaimana caranya? Apakah caranya? Oleh sebab itu kita mula membuat kajian termasuk satu kajian oleh kumpulan Taiwan. Bukan mereka nak pergi ke Taiwan belajar. Kumpulan Taiwan yang ada di sini, dan kumpulan-kumpulan lain supaya berbincang mengenai cara untuk meningkatkan pendapatan 8,000 keluarga di sana dan cara yang kita hendak melakukannya. Jadi mereka sudah buat kajian. Dengan cara itu kita tahu berapa kosnya, berapa banyak modal yang kita masukkan dalam keluarga, bagaimana caranya yang dilakukan. Kita hendak berjumpa wakil Sungai Panjang dan wakil Sungai Burung supaya kita dapat menerangkan konsep-konsep ini dan mereka bersama rakyat memberi motivasi kepada mereka. Dengan demikian, saya fikir kalau ini tidak dibincangkan dalam Dewan yang mulia secara ini, oleh sebab konsep ini konsep baharu. Ini yang saya lakukan.

Perkara yang kedua, saya dapati beberapa kenyataan daripada Sungai Panjang ini agak mengelirukan kerana antara kenyataannya, oleh sebab JKPP ini ditubuhkan kerana JKPP ini ada, saya ingat kita kena ubah konsepnya... Sebenarnya kita membuat keputusan mengenai JKPP ini, sebaliknya JKPP ini sudah diumumkan tetapi tidak berbincang dengan negeri. Tidak ada perbincangan dengan negeri. Ia diumumkan oleh kawan seperjuangan Sungai Panjang ... dan perlu diumumkan, sekurang-kurangnya selaku Menteri Besar, bekas Menteri Besar dia tahu tanggungjawab ketua-ketua kampung dalam kuasa kerajaan negeri.

Kedua, daripada konsep penggunaan cukai, cukai negara. Kenapa kita mesti mengadakan dua sistem. Kalau kita boleh adakan sistem, itu sebab Sungai Panjang bercakap tentang cara hendak mengatur kos melepas yang boleh jadi Sungai Panjang sudah boleh membacanya dan seterusnya memikirkan cara kita lakukan. Tetapi kita nampak ini berlaku dan kemudian saya sendiri mengatakan kita pergi ke JKPP yang sekarang meminta ketua-ketua kampung menandatangani surat bersama-sama Kerajaan Negeri dan tidak mengasingkan-asingkan tugas, sebaliknya memberi perkhidmatan tanpa memikirkan fahaman politik. Tiada yang hendak menandatangani.

Seterusnya, Sungai Panjang mengatakan Kumpulan Semester tidak menggunakan tender dan seterusnya dan dia membuka tender, mendapat 130 syarikat yang masuk dalam tender tersebut. Kalau kita buka dalam surat khabar terdapat 10,000 pun tak guna. Kita hanya nak memilih satu. Satu, 130 jadi jumlahnya banyak. Sebanyak 131 syarikat dipanggil dan terus diadakan tender.

Kemudian Sungai Panjang mengatakan syarikat-syarikat ada sub-sub sendiri,.Tak ada. Jawapannya, mereka itu diberi tugas dan ia dilakukan sebab kita hendak menggunakan konsep *owner* operator. Tetapi berbeza daripada pembelian permit dahulu. Pembelian permit hampir 80% dia tak tahu di mana pasir jadi maknanya bukan *owner* operator langsung. Oleh sebab itu kita mula tidak menggalakkan perkara tersebut dan hasilnya kita mulakan suatu industri, iaitu industri pasir yang boleh kita uruskan dan selain itu kita hendak beroleh pendapatan yang lebih. Yang Berhormat daripada Kuala Kubu pula, kalau nak diaudit saya sangat suka lakukan supaya kita belajar cara jangan menjual

pasir RM8.00 harga pasaran RM12.00 – RM22.00. Ini maknanya, rakyat rugi. Oleh itu, saudara Kuala Kubu sudah mula tahu merakyatkan ekonomi....

Saya dapati Kuala Kubu mengatakan pelaburan tidak begitu merangsangkan. Bagaimana pelaburan tidak begitu memberangsangkan? Tidak menyatakan. Pada tahun ini kita juga boleh mendapat sekurang-kurangnya RM11 bilion. Jadi kenyataan itu serupa yang dibangkitkan oleh Sungai Burung . Tetapi yang paling penting Kuala Kubu mesti mengatakan apabila memahami konsep merakyatkan ekonomi. Kuala Kubu dan saya hanya bekerja keras untuk membetulkan FTZ tau FTZ berapa bilion sudah hilang ... ha .. kalau kita dapat pembangunan Kuala Kubu menjadi lebih besar lagi . Kalaulah kita dapat pelaburan sebanyak RM1 bilion yang hilang di FTZ dan Kuala Kubu kata kita kena bayar balik sebab ini merakyatkan dan untuk negeri Selangor. Saudara-saudara kita boleh gunakan perkataan ini sebab perkataan ini merupakan perkataan untuk memewahkan semua rakyat di negara. Jadi saya dapati kenyataan Kuala Kubu ini agak tidak adil, jadi sebab saya tidak hendak mengatakan parti saya. Sebabnya saya berasaskan itu. Tetapi Kuala Kubu mesti bersikap profesional dalam usaha bersama-sama mencari jalan untuk mempertingkatkan ekonomi dan kehidupan masyarakat kita.

Tuan Speaker, saya hendak Ahli-Ahli EXCO saya memberikan jawapan supaya kita dapat sama-sama memantapkan usaha kita. Saya berharap dan berdoa yang kita sama-sama itu sebab dalam usaha saya ini walaupun kita ada perbezaan politik sudah tentu ada perbezaan politik. Tetapi dalam usaha mempertingkatkan ataupun memartabatkan rakyat kita, kita tak usahlah menggunakannya tetapi apabila mereka berjaya sudah tentulah mereka ingat pada Sungai Panjang, Sungai Burung dan mana-mana wakil. Seperti juga ketika saya lakukan apabila saya mengendalikan Amanah Saham masih hari ini orang tanya dividen tapi saya tak tahu dividennya boleh jadi dividen kali ini agak sedikit sebab keadaan ekonomi dunia agak meruncing.

Akhir sekali, saya nak sebutkan, pada malam tadi saya sempat berjumpa dengan ahli-ahli perniagaan dan perdagangan yang saya jemput ke SUK untuk membincangkan tentang keadaan ekonomi dunia dan apa kesannya kepada negeri Selangor dan negara Malaysia dan bagaimana cara kita membuat persediaan tersebut. Mereka terdiri daripada Ketua Eksekutif *Samsung*, *Texture Instrument* semua yang sudah 15, 20 tahun berada di sini dan mempunyai pekerja-pekerja kalau kita kumpulkan dalam bidang elektronik sahaja sudah melebihi 30,000 orang. Jadi kita memanggil juga ahli-ahli bank untuk memberikan pandangan mereka. Saya nak berikan pandangan mereka di Dewan yang mulia ini supaya mengingatkan kita. Pada pandangan mereka yang dikeluarkan oleh ahli bank yang berpusat di New York, keadaan di Malaysia masih belum lagi menimpa, tetapi jangkaan mereka ini mungkin berlaku.

Jadi, apakah keadaan yang mungkin berlaku? Apa jawapannya, boleh jadi mungkin berlaku kekurangan permintaan oleh sebab kekurangan permintaan, dikurangkan pengeluaran. Dengan pengurangan permintaan dikurangkan pengambilan pekerja. Oleh sebab itu kita mula memikirkan bagaimana caranya pengambilan pekerja. Daripada segi pelaburan masih lagi bertahan tetapi Kerajaan negeri perlu berjumpa Kerajaan Pusat bagi menentukan pemberian gas untuk sektor-sektor ini untuk kos-kos utiliti, iaitu kos mesti kita cuba pertahankan dan kurangkan supaya kita dapat persaingan.

Saya tidak mahu menakutkan di dalam dewan ini tetapi saya hendak terangkan keadaan yang berlaku sekarang. Malaysia dalam keadaan yang saya rasa ada

kekukuhan. Di Parlimen petang ini dan boleh jadi kalau tak dapat hari ini, hari Isnin, nak bertanya. Baiklah. Baiklah.

Y.B DATO' SERI MOHAMAD KHIR BIN TOYO : Saya setuju dengan pandangan Yang Amat Berhormat dengan keadaan ekonomi tetapi ada lagi satu masalah kritikal yang akan melanda di Lembah Klang. Masalah kelewatan projek talian CARr TNB. TNB mengatakan bahawa jika tiga (3) projek ini tidak disiapkan dalam masa lima (5) hingga enam (6) bulan, di Wilayah Tengah bererti di negeri Selangor dan Wilayah Persekutuan, akan menghadapi krisis *power crisis*. Ini yang amat membimbangkan dan ini telah diketahui oleh sebahagian pelabur-pelabur dalam negeri Selangor.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR : Saya percaya Yang Amat Berhormat Sg. Panjang sebelum itu semasa bekerja sebagai Yang Amat Berhormat sudah cuba menyelesaikan perkara tersebut. Yang Amat Berhormat sudah mula menjalani beberapa lawatan dan perbincangan. Ada dua (2) faktor yang paling penting. Dalam usaha ini, adakah sebab konsep merakyatkan ekonomi itu sangat penting? Adakah pembangunan yang dibuat oleh tenaga itu dapat memberikan kebaikan dan keselesaan kepada masyarakat yang sudah lama duduk di sana, 50 tahun. Walaupun kita ada undang-undang untuk menghalau ataupun membeli, ataupun apa yang, dikatakan, *force entry*. Tetapi kalau itu, Yang Berhormat Sungai Panjang sudah boleh lakukan. Jadi, sebagai Menteri Besar saya melihat perkara itu daripada segi pelaksanaan. Kuasa untuk melakukannya sudah berada di bahagian tenaga dan kerajaan Persekutuan. Dia tidak perlu. Kerajaan Selangor ini jadi pengganti. Dia gunakan kerajaan Selangor. Sg. Panjang tahu dia gunakan. Maknanya dia gunakan untuk dia bisnesnya dan dia takutkan kerajaan negeri. Kalau tidak habislah Lembah Klang. Tetapi kita beri dua (2) pilihan. Pilihan pertama dia boleh buat cara *under ground cabling*. Itu cara yang boleh menyelesaikan bukan sahaja untuk Sungai Terentang tetapi seluruh Selangor.

Kita dapat menghadapi masalah ini. Dan saya sudah panggil ABB *consultant*nya suruh terangkan kepada mereka. Oh dia cakap kita ada undang-undang. Kalau ada undang-undang, tidak perlu suruh saya buat. Kalau Sungai Panjang boleh buat undang-undang, silakan. Sungai Panjang boleh jadi *consultant* kepada mereka. Ini tak ada masalah bagi saya tetapi pada kita itu sangat penting untuk kita saya sudah memberi *option*. Bukan kerana hendak tolong bagi *option*. Ada *option* jalan yang lain yang tidak mengadakan satu keadaan huru hara untuk masyarakat yang sudah duduk di sana 50 tahun. Tempat kurang orang duduk di sana. Kita sudah beri pilihan. Saya tahu saya pernah buat perkara ini dalam usaha saya membangunkan hartanah. Ini satu perkara kerana hendak menjimat RM20 juta kerana 3000 penduduk. Itu satu jawapan yang tidak munasabah. Jadi pada saya, itu yang saya berikan tetapi kalau kerajaan Persekutuan dan Tenaga Nasional percaya yang dia boleh lakukan. Kerajaan negeri tidak boleh menghalang dan Sungai Panjang boleh mengatakan kepada mereka kerajaan negeri tidak menghalang tetapi dia buat sendiri. Tetapi jangan katakan kerajaan negeri terpaksa mengalihkan. Yang dahulu Sungai Panjang pernah melakukannya kerana hendak menolong Kerajaan Pusat. Tetapi apa akibatnya. Akibatnya Sungai Panjang mendapat kekalahan. Kekalahan satu sebab kita tidak ambil kira hati rakyat yang mereka telah hidup tiga (3) generasi di tempat situ.

TUAN SPEAKER : Sekarang yang menjawab adalah Yang Amat Berhormat Menteri Besar. Bukan Sungai Panjang. Sungai Panjang bekas Menteri Besar. Jadi Y.A.B benarkan pertanyaan lagi.

Y.B DATO' SERI MOHAMAD KHIR BIN TOYO : Cadangan Yang Amat Berhormat tadi memanglah betul kabel bawah tanah. Yang mana terpaksa menggunakan teknologi untuk menukar daripada ASC kepada DC. Yang Ini kita faham. Tetapi saya bincang sekarang ini dua. Kabel bawah tanah yang saya difahamkan TNB sendiri yang mereka tidak mampu untuk melaksanakannya kerana kosnya lebih RM1 bilion. Yang keduanya mengapakah talian ini harus dipindahkan ke kawasan yang lain yang juga melibatkan orang ramai dan yang ketiganya kita takut Selangor akan menghadapi *power crisis*. Ini saya bimbang.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR : Tuan Speaker, kebimbangan Sungai Panjang menjadi kebimbangan kita kalau Sungai Panjang kata itu *top priority* tahun 2006, 2007 sudah diselesaikan. Jadi ini bukan perkara baharu. Sungai Panjang tidak boleh pergi pula menekan sekarang untuk melakukannya. Itu bukan suatu perkara yang baharu. Kedua, saya rasa daripada segi kos Sungai Panjang kalau dia cakap RM1 bilion kosnya negeri boleh tolong lakukannya ambil tender, dia beri negeri RM1 bilion kita boleh selesaikan. Kita boleh berkongsi untuk menggunakan duit lebihan untuk pembangunan Sungai Panjang. Jadi saya boleh lakukan. Tetapi saya tak mahu beritahu berapa kosnya. Sebab kalau kekurangan kepakaran dan tenaga, kita boleh berbincang.

Y.B DATO' SERI MOHAMAD KHIR BIN TOYO : Saya hanya hendak bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar soal berkenaan dengan isu CAR Sungai Terentang ini bukankah tanah yang diduduki oleh penduduk Sungai Terentang itu asalnya tanah rizab TNB itu sendiri. Maksudnya TNB telah memiliki tanah tersebut dan penduduk ini telah duduk di situ selepas itu satu sahaja yang kedua bukankah kebanyakan penduduk di situ telah pun setuju menerima pampasan yang berlipat ganda hanya segelintir sahaja yang tidak bersetuju. Ketiga kos RM300 lebih juta telah dibelanjakan oleh pihak TNB mengguna pakai duit rakyat takkan nak dibiarkan begitu sahaja. Walaupun dikatakan RM20 juta itu saya setuju. Memang tidak banyak banding dengan menjaga hal ehwal rakyat tetapi apakah pula nak jadi dengan RM300 lebih juta yang telah dibelanjakan yang soalan terakhir sekali saya merasakan bahawa isu ini sengaja diperlengahkan kerana isu-isu politik. Saya berharap sangat tahu dengan cara Y.A.B Menteri Besar bercakap memang beliau ikhlas untuk membantu rakyat di negeri Selangor. Saya setuju tetapi kalau boleh dalam isu ini juga saya berharap supaya isu yang dikatakan jangan memihak kepada mana-mana pihak juga dipraktikkan kerana kalau diikuti salah satu alternatif yang dicadangkan itu saya difahamkan ia akan melibatkan juga perkampungan hampir 200 rumah di kawasan tersebut. Sekian terima kasih.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR : Kes satu, pembedaan konsep Korporat. Saya ingat dividen Tenaga (TEN) kita tidak dapat. Kalau mereka untung pun RM1 bilion salurannya tidak sampai ke negeri Selangor. Maknanya, ia satu lagi kiraan hasil daripada pembayaran TEN yang kita bayar.

Perkara yang kedua, saya tidak bersikap apa yang dikatakan berat sebelah. Tidak ada tetapi suatu usaha yang profesional. Apabila saudara mengatakan tanah itu memang tanah TEN, saya tanya soalan kalau betul kenapa antara ada orang boleh duduk di sana dibenarkan bukan satu tahun tetapi sudah 20 tahun dan kerajaan negeri juga bukan kerajaan negeri sekarang. Kerajaan dahulu sudah memberi geran untuk *title* di dua tiga tempat di sana. Saya beritahu mereka, kalau betul-betul ini strategi di dewan yang mulia ini. Saya terangkan kalau betul-betul 50 ekar ini menjadi isu kepada masyarakat Sg. Terentang. 50 ekar kerajaan negeri mempunyai tanah tidak jauh dari sana. Saya sanggup memberi mereka di Sungai Terentang untuk ditempatkan di satu

tempat yang hampir 100 ekar tetapi jawapannya mereka tidak mahu. Kalau mereka mahu sudah selesai perkara ini. Oleh sebab itu saya berikan kepada TEN. TEN sesama mereka halau orang itu. Itu memang bukan tugas kerajaan negeri. Kalau saudara hendak buat buatlah itu sebab saya nak minta Sungai Panjang jadi konsultan kerana mempunyai pengalaman dalam bahagian ini. Saya tidak ada masalah. Saya tidak mempunyai pengalaman dalam bahagian untuk merobohkan. Sebab, cara yang sebaik-baiknya kita selesaikan. Ok.

Y.B DATO' SERI MOHAMAD KHIR BIN TOYO : Kalau Y.A.B kata tidak pernah terlibat dalam meruntuhkan rumah Y.A.B jangan terlupa Yang Berhormat sebagai *Chairman Guthrie* buat *highway* untuk buat rumah jumpa saya di pejabat saya ingat lagi jadi kalau mengatakan bahawa Yang Berhormat tidak pernah terlibat dengan kerja-kerja untuk meruntuhkan rumah kerana projek-projek tidak betul.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR : Ok dalam usaha ini ingat tak Yang Berhormat suruh saya memberi kontrak kepada orang untuk memulakan perkara ini.

Y.B DATO' SERI MOHAMAD KHIR BIN TOYO : Saya nafikan. Bagi masa saya. Saya hendak beritahu bila mana Guthrie Highway hendak buat jalan Yang Amat Berhormat berjumpa saya. Nak pindahkan rumah banglo di sana dan saya tidak terlibat apa-apa. Ingat tak Guthrie Highway yang saya tegaskan kepada Yang Amat Berhormat pada ketika itu beri rumah yang lebih baik kepada mereka. Jadi Guthrie Highway digunakan jadi tidak ada melibatkan sesiapa yang nak lantik kontraktor nak letakkan bukan kerja saya. Itu kerja Guthrie. Tugas saya melaksanakan supaya projek itu dijalankan. Persoalannya Yang Berhormat menafikan tidak pernah terlibat dalam kerja-kerja meruntuhkan rumah untuk projek-projek.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR : Itu bukan hendak runtuh rumah. Kalau sudah dibayar ia tidak menjadi masalah bagi saya. Bagi saya, saya sudah membayar lebih daripada itu. Kes yang Sg. Panjang boleh mengikuti, saya kena bayar kos yang sangat lebih kerana untuk tanah-tanah itu yang begitu cepat dapat *conversion*. Saya tak nak cerita. Tetapi pada saya kita tidak terlibat dalam melaksanakannya. Apabila sudah selesai Guthrie hendak robohkan dan bayaran itu sudah dibuat. Akhir sekali saya nak mengatakan masalah air, masalah tenaga dan masalah sampah bukan satu masalah yang hanya pada hari ini dihadapi. Jadi, ia mesti dibetulkan. Bukan dikatakan hari ini masalah yang dihasilkan oleh Pakatan Rakyat. Bukan. Masalah ini masalah berterusan, jadi saudara, Ahli-Ahli Dewan mesti berterima kasih kepada kita. Kita hendak menyelesaikan masalah ini dengan cara yang terbaik. Saudara boleh mengukurnya secara yang terbaik. Seterusnya, saudara mengatakan masalah lewat kelulusan. Saya mendapat surat daripada saya tidak tahu tentang kelewatan kelulusan daripada pegawai-pegawai Tanah dan Galian daripada segi kecepatan dan sebenarnya daripada tiga bulan menjadi satu bulan setengah.

Saya nak ingatkan, Sri Serdang, saya nak ingatkan Ahli-Ahli Yang Berhormat kita tak ada apa yang dipanggil *lobby group*. Jadi *they save a lot of time* saya tak ada *lobby*. Kalau saudara tahu ada orang yang nak *lobby*, boleh beritahu saya. Memang dia tak dapat. Maknanya, no *lobbing*. *We will reduce management time*. Jadi, sebelum saya dikatakan mengumpat Yang Berhormat Sri Serdang saya mengatakan beberapa perkara mengenai pandangan saya tentang ucapan balasan bahas Sri Serdang yang mengatakan *critical effect* yang selalu baca mengenai perbezaan pemandangan beliau tentang merakyatkan ekonomi dan seterusnya. Tetapi saya mempunyai pandangan

yang berbeza kalau Yang Berhormat untuk mendengarnya saya hendak terangkan pada masa yang lepas supaya kita dapat memahami bentuk pemikiran yang saya lakukan. Saya berharap jawapan-jawapan yang lain diberikan oleh Ahli-Ahli Eksko yang saya percaya mempunyai idea-idea dan cadangan-cadangan. Terima kasih.

TUAN SPEAKER : Dipersilakan Ahli-Ahli EXCO yang lain yang ingin memberi penjelasan. Kita bermula daripada Seri Kembangan.

Y.B. TUAN EAN HIAN WAH : Terima kasih Tuan Speaker, Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian.

TUAN SPEAKER : Er...er... tunggu sebentar Seri Kembangan. Ya Sg. Pelek ada apa?

Y.B. TUAN YAP EE WAH : Ia Tuan Speaker apabila...ini

TUAN SPEAKER : Ada apa ini?

Y.B. TUAN YAP EE WAH : I nak ada celah dan tanya soalan.

TUAN SPEAKER : Saya tanya. Tapi Yang Berhormat sudah habis, dah habis

Y.B. TUAN YAP EE WAH : Sebelum dia habis, Tuan Speaker asyik pandang sana berdiri sini sudah lama dah.

TUAN SPEAKER : Jadi mengikut peraturan kalau Pengerusi tak panggil tak boleh cakaplah. Jadi dah lepas lain kalilah. Ya terima kasih, sila duduk. Dipersilakan Seri Kembangan.

Y.B. TUAN EAN YONG HIAN WAH : Tuan Speaker, sejak Mac 2008 Pakatan menerajui Kerajaan Selangor kita amat mengambil perhatian atas penyelesaian masalah-masalah kilang tanpa kebenaran di Negeri Selangor ini untuk maklumat Dewan Yang Mulia ini walaupun kilang ini diklasifikasikan sebagai kilang haram ataupun tanpa kebenaran tetapi mereka bukannya menjalankan aktiviti atau pun hasilkan produk haram tetapi haram dari segi syarat guna tanah dan belum menerima kelulusan penuhnya dari pihak tempatan kerana masalah struktur dan susunan tapak dan sebagainya. Kerajaan Negeri sedang melaksanakan program pemutihan kilang yang dibina tanpa kebenaran ini kerana pentingkan sektor terbabit yang mewujudkan peluang pekerjaan dan menghasilkan barangan yang kualiti serta bertaraf antarabangsa. Sehingga kini sejumlah 2008 dan 5 buah kilang tambah kebenaran saya ulang di Dewan Yang Mulia ini telah dikenal pasti di Seluruh Selangor. Kewujudan kilang-kilang tambahan ini bukan berlaku dalam sekelip mata ataupun satu dua hari ini. Ini juga merupakan satu pencapaian Barisan Nasional dulu yang pentadbirannya sentiasa berubah-ubah mengenai kesukaan dan kepentingan pimpinan dan parti tertentu. Justeru itu bantuan usaha pada Kerajaan dulu tidak tersampai-sampai malahan telah menimbulkan banyak masalah-masalah penyelewengan, penyalahgunaan kuasa, rasuah dan sebagainya. Ini bukan menanganinya malah menjadi isu ini semakin serius dan rumit di Negeri Selangor. Walaupun masalah ini memberi kesan kerugian kutipan hasil Kerajaan Negeri akan tetapi pada masa yang sama Kerajaan menyedari kilang-kilang turut memberi peluang pekerjaan kepada penduduk setempat dan sekali gus membantu meningkatkan taraf ekonomi penduduk. Sektor ini telah mewujudkan lebih kurang 100,000 peluang

pekerjaan dan mampu mencatat mata wang asing lebih RM1 bilion. Kita ini menegaskan bahawa kilang yang beroperasi di tanah pertanian mesti menukar status tanah kepada tanah industri. Langkah ini perlu kerana jika tidak kewujudan seperti ini memberi kesan buruk kepada perkembangan ekonomi negeri dalam jangka panjang. Pemilik atau pengusaha kilang harus mengambil langkah peluang pemutihan kilang ini yang sedang dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri bagi menukar status tanah kepada industri. Oleh itu dasar pemutihan kilang-kilang tanpa kebenaran ini perlu dilaksanakan bagi memastikan mereka akan terus beroperasi secara sah dan menyumbang ke arah ekonomi Negeri Selangor. Selain itu program ini juga dapat mewujudkan keadaan atau suasana kilang yang lebih teratur selamat terancang. Kerajaan Negeri dari semasa ke semasa akan mengaji dan menyemak dasar-dasar program pemutihan kilang tambahan yang sedia ada. Tuan Speaker dan Ahli-Ahli Yang Berhormat Sekalian saya juga ingin menjawab tentang isu yang dibangkit mengenai Kg Baru. Kuala Kubu Baharu telah membangkitkan isu pelantikan JKKK Kg Baru kononnya ia dijalankan secara tidak terbuka dan antara mereka dipilih mempunyai pengalaman. Tuan Speaker tawaran ini adalah tidak benar. Kerajaan Pakatan Rakyat sentiasa berpegang kepada dasar terbukaannya kita telah beberapa kali melalui surat khabar jemput penduduk-penduduk kampung yang berminat dan berpakat menjadi pengerusi JKKK Kg. Baru mengemukakan mereka.

TUAN SPEAKER : Ya, Seri Kembangan, Teratai ada apa? Penjelasan silakan.

Y.B. PUAN LEE YING HA : Tadi, tadi Yang Berhormat berkata JKKK yang tidak berpengalaman. Apa maksudnya pengalaman, pengalaman makan rasuah atau pengalaman apa?

Y.B. TUAN EAN YONG HIAN WAH : Terima kasih Yang Berhormat, nanti saya akan jawab soalan ini. Melalui proses secara terbuka dan seterus kita telah menerima sebanyak 148 permohonan dari parti-parti Politik, NGO dan individu. Pemilihan pengerusi untuk 7 atau 8 buah JKKK Kg Baru, Kg Bagan dan juga Kg. Tersusun telah dibuat melalui Jawatankuasa Khas yang terdiri daripada wakil-wakil parti dari Pakatan Rakyat. Semua calon telah melalui proses temu duga dan akhirnya dirujuk kepada penghulu Mukim dan Pegawai Daerah untuk sokong sebelum disyorkan kepada Menteri Besar. Di samping itu Kuala Kubu Baharu sedar bahawa sokongan rakyat atau pun masyarakat cina tak ada MCA semakin kurangnya. Bagi satu contoh di kalangan JKKK yang dilantik ini. Ada di kalangan Ahli-Ahli MCA bekas pengerusi JKKK daripada yang telah menyatakan sokongan mereka kepada Pakatan Rakyat. Tawaran mereka dahulu hanya dijalankan di antara kawan-kawan serta konco-konco EXCO, serta ADUN yang menjaga Kg. Baru. Antara calon MCA tersebut kita mendapati sesetengahnya betul-betul ikhlas dan juga berwibawa untuk memegang Jawatankuasa Pengerusi JKKK dan akhirnya dilantik kira sedang berkhidmat untuk Pakatan Rakyat. Selain itu Kerajaan Pakatan Rakyat juga mencatatkan satu rekod yang baru bahawa pertama sekali terdapat seramai 3 orang wanita dan lebih gemilang rekod ini apabila 3 orang kaum India juga dipilih menjadi Pengerusi JKKK Kg Baru yang majoriti penduduknya terdiri daripada kaum cina kali ini. Ini jelas menunjukkan betapa serius dan ikhlasnya Kerajaan Pakatan Rakyat yang tidak melaksanakan pentadbiran Kerajaan mahupun parti politiknya. Berdasarkan unsur perkauman yang sempit seperti Barisan Nasional. Berhubung dengan JKKK yang dilantik dia ada pengalaman yang ditanya oleh Yang Berhormat Teratai tadi. Saya ingin bertanya bagaimana mereka mempunyai pengalaman sekiranya kita tidak diberi peluang kepada mereka. Bagaimana mereka mempunyai pengalaman kini kita memberi peluang kepada mereka. Meski pun begitu

Kerajaan Negeri amat yakin dan percaya mereka yang dipilih ini akan dapat menjalankan tugas yang baik malah lebih baik daripada Pengerusi JKKK Kg Baru yang dilantik oleh Kerajaan Barisan Nasional sebelum ini.

Sementara itu sikap kerajaan pusat yang kemudian melantik pengerusi JKKP ini sebenarnya pada pendapat saya adalah sebuah Jawatankuasa pusat. Ia hanya motif tolong sesetengah pihak yang belum insaf dan terima hakikat bahawa seluruh pengundi seluruh Selangor amnya dan penduduk kampung khususnya telah menolak dan menafikan mereka. Apatah lagi tindakan ini membawa mudarat yang lebih mendalam apabila perpaduan masyarakat-masyarakat di kampung-kampung. Kita telah berusaha memupuk kerajaan kita mencapai kemerdekaan lagi akan terancam yang mana masyarakat kampung kini di pecah belah kan menjadi dua. Alasan persaingan hanyalah bersatu tipu muslihat yang digunakan oleh kerajaan pusat untuk menyambungkan nafas akhir mereka di peringkat pentadbiran bawahan. Menggunakan peruntukan-peruntukan dan wang-wang pembayar cukai bukan kah ini satu pembaziran serta penyalahgunaan kuasa. Saya menasihatkan kerajaan pusat untuk menarik balik pelantikan JKKP ini dengan serta-merta sebelum para penduduk kampung menghukum mereka dengan lebih teruk lagi pada pilihan raya akan datang. Kerajaan pusat bukan sahaja tidak menghormati.

TUAN SPEAKER : Yang Berhormat Sri Kembangan. Ya, Kajang ada apa?

Y.B. TUAN LEE KIM SIN : Minta penjelasan. Kajang ingin soalkan pelantikan JKKK JKKP yang ketuanya digelar sebagai ketua kampung kerana gelaran ini seharusnya hanya wujud dalam sistem pentadbiran negeri di bawah sistem pentadbiran negeri di bawah kesultanan negeri. Jadi sekiranya pelantikan ini dan nama ketua kampung ini digunakan baik JKKP di Kampung Baru atau Kampung Tradisi ia adalah merupakan sesuatu yang melanggar sistem yang wujud kepada negeri. Adakah ini merupakan satu penderhakaan kepada Duli Yang Maha Mulia. Sekian.

TUAN SPEAKER : Sungai Pelek ada soalan juga? Ya, Silakan.

Y.B. TUAN YAP EE WAH : Tuan Speaker, saya lebih awal bangun dan Tuan Speaker

TUAN SPEAKER : Jangan buat aduan. Jangan buat aduan. Sudah beri peluang hendak buat aduan lagi ke?

Y.B. TUAN YAP EE WAH : Jadi terima kasihlah kerana pandang di sini. Terima kasih Tuan Speaker. Sebentar tadi EXCO menyatakan banyak ahli MCA dan pengerusi MCA yang dilantik sebagai pengerusi JKKK, jadi minta senarai nama seluruh 78 JKKK di negeri Selangor ini. Nombor 2, fasal apa yang disebutkan tadi, kilang haram itu. Jadi saya minta angka dan penjelasan. Setakat ini berapa banyakkah saman yang telah dikeluarkan oleh Kerajaan atau PBT kepada kilang haram dan berapa banyakkah kilang yang sudah diputihkan dan saya juga hendak ingin tanya salah satu syarat untuk memutihkan kilang haram ini adalah menukar atau pindah milik, pindah syarat, status tanah? jadi adakah itu kuasa PBT atau Pejabat Tanah? Berapa lamakah akan satu kilang haram itu boleh dapat diputihkan. Terima kasih.

TUAN SPEAKER : Kalau hendak buat perangkaan hendaklah dibuat secara bertulis. Itu caranya.

Y.B. TUAN EAN YONG HIAN WAH : Terima kasih. Tadi Kajang tanya adakah pelantikan ini tidak hormat Duli Yang Maha Mulia Sultan, saya agak setuju dengan pendapat Yang Berhormat Kajang tadi kerana, Ya pelantikan ini tidak menghormati institusi kesultanan yang telah diberi dan melantik Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar untuk mengetuai kerajaan hari ini. Untuk menjawab soalan Sungai Pelek kerana ini menyebabkan, saya boleh bagi senarai bekas ketua kampung atau pengerusi Kampung Baru setakat ini tapi saya akan menjawab secara lisan lah kalau Sungai Pelek hendak itu. Untuk. Mengenai ha.... pemilik-pemilik tanah yang ingin menukarkan syarat syarat tanah mereka pertanian kepada tanah perindustrian mereka perlu mengemukakan permohonan mereka kepada Pejabat Tanah dan proses ini akan mengambil masa selama enam (6) bulan dan ini juga mengikut keadaan tanah tersebut. Setakat ini sahaja lah Tuan Speaker. Terima kasih.

TUAN SPEAKER : EXCO lain. Ya, silakan Kota Anggerik.

Y.B. TUAN HAJI YAAKOB BIN SAPARI : *Bismillahi rahmani rahim. Assalamualaikum* WBT. Tuan Speaker, Yang Amat Berhormat Tan Sri Dato' Menteri Besar. Alhamdulillah dalam kesempatan ini kita bersama-sama dalam sidang dewan yang ada pada pagi ini. Saya mulakan dengan petik ucapan yang sering diungkap oleh pemimpin UMNO khususnya Sri Serdang, ayat Surah Ibrahim :

Sebaik sahaja saya mendengar ucapan ini sepuluh tahun yang lalu di Sri Serdang saya buka tafsir Al-Azhar untuk melihat konteks ayat ini, ini mengisahkan kisah bani Israel yang tidak bersyukur kerana telah diselamatkan oleh Nabi Musa. Cuma pemimpin UMNO ini suka pakai ayat ini, mungkin ayat lain dia tidak berapa nak ingat. Yang bermakna: "Kalau kamu bersyukur akan Aku tambahkan keberkatan, tapi kalau kamu tidak bersyukur akan aku bagi azab yang pedih". Tapi UMNO tidak bersyukur sebab itulah kalau berkuasa dia tamak, semakin rakus, dah jadi kaya nak kaya lagi. Akibatnya dia mendapat azab yang pedih duduk di kerusi Markas. Saya ingatkan teman-teman

Y.B DATO' MOHAMAD SATIM BIN DIMAN : Tuan Speaker minta laluan.

TUAN SPEAKER : Bagaimana Kota Anggerik? Ya, silakan Sri Serdang.

Y.B DATO' MOHAMAD SATIM BIN DIMAN : Saya juga ingatkan Pakatan Rakyat saya kata. Dalam ucapan saya terakhir, kalau lagi tidak bersyukur asyik hendak menabik dada apakah sebenarnya yang hendak dibuat, kerja mendapat memerintah. Jangan esok terus pedih satu pun tiada. Saya ingatkan kepada sahabat saya dari Kota Anggerik, tidak payah hendak diulang-ulang, ini ayat yang sama hendak saya sebutkan tadi. Buat apa hendak dibalas-balas untuk mengatakan siapa yang betul siapa yang tidak betul. Buat saja kerja, Insya-Allah. Saya ingat hari itu hendak turun Sri Serdang tapi lari ke Kota Anggerik. Kalau tunggu dekat Sri Serdang belum tentu lagi.

TUAN SPEAKER : Dah keluar, dah keluar dah. Tak apa bagi dia lepaskan geram.

Y.B. TUAN HAJI YAAKOB BIN SAPARI : Sri Serdang patut bersyukur, walaupun saya tidak bertanding di kerusi Sri Serdang, dapat 45 undi. Kata orang kalau Haji Yaakob yang ke Sri Serdang mungkin kerusi Sri Serdang itu tempat sayalah.

Y.B DATO' MOHAMAD SATIM BIN DIMAN : Nak tabik dada lagi tu. lari sebab takut.

Y.B. TUAN HAJI YAAKOB BIN SAPARI : (ketawa). Walaupun 45 undi Sri Serdang tetap duduk di situ tapi telah tujuh (7) bulan Sri Serdang nampak tetap tidak bersyukur, tidak turun kawasan. Saya ADUN Kota Anggerik tapi orang Serdang jumpa saya. Sri Serdang sibuk dengan.....

Y.B DATO' MOHAMAD SATIM BIN DIMAN : Siapa kata tidak turun kawasan? Pagi ini saya lewat sebab turun kawasan lah tu.

TUAN SPEAKER : Mintalah penjelasan dulu.

Y.B DATO' MOHAMAD SATIM BIN DIMAN : Izinkan Tuan Speaker.

TUAN SPEAKER : Baru pagi ini pergi lawat kawasan, lama dah tak pergi dah.

Y.B DATO' MOHAMAD SATIM BIN DIMAN : Jaga Kota Anggerik jangan jaga Sri Sedang. Kota Anggerik itu dijaga, jangan esok pilihan raya yang akan datang tumpas pula Kota Anggerik fasal asyik jaga Sri Serdang.

Y.B. TUAN MAT SHUHAIMI BIN SHAFIE : Apa soalnya?

Y.B. TUAN HAJI YAAKOB BIN SAPARI : Ini peluang saya Tuan Speaker, saya tidak izinkan.

TUAN SPEAKER : Sila. Sri Serdang, cukup.

Y.B. TUAN HAJI YAAKOB BIN SAPARI : Sahabat saya Sri Serdang, dia sibuk menjaga projek-projek besar di JKR, Jadi Sri Serdang tidak terjaga.....

Y.B DATO' MOHAMAD SATIM BIN DIMAN : Tuan Speaker saya berada di JKR, kalau negeri nak dapat projek beritahu.

TUAN SPEAKER : Minta laluan dulu.

Y.B. TUAN HAJI YAAKOB BIN SAPARI : Tuan Speaker, Sri Serdang sahabat saya walaupun marah-marah, dia sayang dekat saya. Tuan Speaker, walaupun kita menjadi wakil rakyat jadi EXCO kita kena ingat. Kita dilantik oleh rakyat. Rakyat lah majikan kita. Untuk Sungai Panjang, Sri Serdang tolong sampaikan pantun ini:

Menghidang kopi di dalam cawan,
Di hidang bersama sepinggan mee,
Walaupun duduk di atas awan,
Jangan lupa rumput di bumi.

Peribahasa Melayu menyatakan :

“ Kalau nampak bintang di langit jangan lupa rumput di bumi, sekarang tinggal di bumi takut-takut pula rumput dipandang hina kita.”

Walaupun telah menjadi EXCO apa salahnya duduk dengan rakyat, duduk dengan Pegawai Kerajaan. Apa makam EXCO tinggi sangat tidak boleh duduk dengan pegawai kerajaan atau taraf Pegawai Kerajaan serendah sangat sampai diberi penyapu.

Seorang Profesor Waran Benes dalam buku yang dipetik Naim Jaafar yang bertajuk “*Nick Leader*” yang menyatakan: Kakitangan bawahan kita adalah terdiri daripada kelompok yang punya pencapaian akademik yang sangat tinggi. Oleh itu dalam memperkasakan kakitangan kerajaan kita harus menggunakan teknik-teknik yang lebih baik. Memberikan penyapu umpamanya merendahkan taraf pegawai kerajaan dan dalam sidang yang lepas baru ini Sungai Panjang memberitahu ini dipersetujui oleh Pegawai Kerajaan. Saya hendak beritahu Pegawai Kerajaan di SUK berdoa siang malam Ya Allah! Kabulkanlah BN kalah, dah tidak sanggup lagi kena marah. Saya jumpa seorang penguat kuasa MBSA yang menyatakan sepatutnya pada zaman pemerintahan BN dia sepatutnya dapat EKM (Elaun Khas Kena Marah). Kalau tidak kena marah dia hairan? kenapa bos hari ini? Tidak kena marah. Jadi itulah! Kita kena angkat taraf kakitangan kerajaan dalam usaha untuk meningkatkan keupayaan penyampai perkhidmatannya. Saya lihat istana EXCO zaman BN sangat mewah tidak sesuai untuk pemimpin rakyat. Macam mana EXCO boleh hidup mewah macam itu, sedangkan 30% rakyat negeri Selangor berpendapatan bawah RM1500. Tuan Speaker, saya ingat dalam catatan sejarah Allahyarham Abdul Aziz dan juga disebut oleh Tan Sri Menteri Besar, khalifah Omar Abdul Aziz ini seorang anak raja, anak khalifah, dan disebut menjadi khalifah yang terbaik selepas khalifah Al-Rasidin atau disebut sebagai khalifah yang kelima kerana Allahyarham Abdul Aziz ini selepas menjadi khalifah walaupun dia anak raja, dia duduk bersama-sama rakyat. Ini ada bila menjadi EXCO atau MB berlagak menjadi raja. Raja apa ini? Ini namanya Raja Kapur. Kapur sana kapur sini.

Y.B DATO’ MOHAMAD SATIM BIN DIMAN : Tuan Speaker minta laluan.

TUAN SPEAKER : Kota Anggerik macam mana. Ya, silakan.

Y.B DATO’ MOHAMAD SATIM BIN DIMAN : Terima kasih Tuan Speaker. Yang Berhormat Kota Anggerik ya, saya cuma hendak tanya bila belanjawan Yang Amat Berhormat Menteri Besar menaik taraf kadar kemiskinan negeri Selangor di paras 1500 ke bawah yang diucapkan Yang Berhormat Kota Anggerik tadi. Hari ini pun sudah beratus orang datang, tah dari pada mana tempatnya. Mengadu, bila saya tanya, ada yang baru dua bulan pun datang ke negeri Selangor. Yang meminta bantuan kerana Selangor ada skim kadar kemiskinan RM 1500 ke bawah. Yang baru tiga empat bulan pun mengaku rakyat Selangor. Ramai. Jadi apa implikasi yang timbul di negeri Selangor ini. Itu sebab hari itu saya sebut Alhamdulillah syukur negeri Selangor ini nasib baik dapat menampung orang semua yang datang ke negeri Selangor, orang Malaysia, seluruh Malaysia datang dan saya difahamkan orang Sarawak pun boleh dijadikan Wakil Rakyat di negeri Selangor, Orang Johor boleh jadi Wakil Rakyat negeri Selangor, Orang Kedah boleh jadi Wakil Rakyat di negeri Selangor. Seluruh negeri lah.

Y.B. TUAN MAT SHUHAIMI BIN SHAFIE : Soalan, beri soalan.

Y.B DATO’ MOHAMAD SATIM BIN DIMAN : Jadi janganlah cerita soal yang itu soal yang ini. Kadar kemiskinan yang di bawah 1500 yang dinaikkan ini.

Y.B. TUAN MAT SHUHAIMI BIN SHAFIE : Apa soalnya?

TUAN SPEAKER : Soalan Sri Serdang.

Y.B DATO' MOHAMAD SATIM BIN DIMAN : Banyak implikasi yang perlu ditangani ini.

TUAN SPEAKER : Sri Serdang, sudah cukup.

Y.B DATO' MOHAMAD SATIM BIN DIMAN : Taraf kemiskinan ini yang hendak diselesaikan bukan soal istana sana istana sini.

TUAN SPEAKER : Sri Serdang

Y.B DATO' MOHAMAD SATIM BIN DIMAN : Kota Anggerik kata hendak jual rumah EXCO

TUAN SPEAKER : Sri Serdang. Cukuplah Sri Serdang dah lepas geram, duduk.

Y.B DATO' MOHAMAD SATIM BIN DIMAN:

TUAN SPEAKER : Sri Serdang, cukuplah! Jangan kacau sangat. Jangan cemburu sangat. Speaker pun anak Johor juga tapi jadi wakil orang Selangor juga, sama. Silakan Kota Anggerik

Y.B. TUAN HAJI YAAKOB BIN SAPARI : Terima kasih Tuan Speaker, malangnya Sri Serdang datang lewat. Memang biasa program di Serdang datang lewat. Sampai ke dewan juga datang lewat. Penjelasan ...

Y.B DATO' MOHAMAD SATIM BIN DIMAN : Lewat-lewat pun empat (4) penggal.

Y.B. TUAN HAJI YAAKOB BIN SAPARI : Jadi bila Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar memberi ucapan, Sri Serdang tidak dengar. Dia hendak tanya. Kalau dah lewat buat cara sudah lewat sajalah. Tuan Speaker, sektor pertanian menyumbangkan 3.8% KDNK pada tahun 2000 dan menurun 2.3 pada 2006. Seramai 44 000 keluarga mendaftar di Pejabat Pertanian mendaftar sebagai petani. Sebahagian besar kawasan ialah Kuala Selangor dan Sabak Bernam yang mana kawasan ini dicatatkan oleh Lembaga Zakat Selangor yang sebagai kawasan kadar tinggi kemiskinannya. Dalam istilah Islam miskin bermakna ialah pendapatan sehari tidak cukup untuk makan sehari. Fakir maknanya. Miskin ialah pendapatan sehari cukup untuk makan sehari. Untuk hidup di Negeri Selangor ini kalau dengan tujuh ratus sepuluh dia boleh ada rumah tak makan atau dia ada makan tak ada rumah. Sebab itu kita kena realistik seandainya kita perlukan lima puluh ringgit sehari untuk lima orang sekeluarga.

Itulah pendapatan paras kemiskinan disasarkan ialah seribu lima ratus dan kita berani membuat ini dan kita usahakan supaya program-program pertanian, program-program usahawan ini akan meningkatkan pendapatan. Untuk majukan sektor pertanian ia memerlukan belanja yang sangat besar lima belas juta yang diuntukkan untuk pertanian oleh Kerajaan Negeri Selangor pasti tidak mencukupi. Saya menyanjung pendekatan Kerajaan Pusat yang memanggil EXCO pertanian untuk kali pertamanya seluruh Malaysia untuk bincang secara terbuka bahawa kita kena majukan pertanian sebab Kerajaan Pusat sedar untuk bertani dia perlukan tanah dan kebetulan negeri-negeri pakatan sekarang adalah pengeluaran padi, Kelantan, Kedah, Penang, Perak dan Selangor. Kalau Kerajaan Pusat tidak tolong untuk pertanian kita tahan padi ini, biar dia beli padi tempat lain. Tetapi oleh sebab pendekatan Kerajaan Pusat ini sanggup untuk

bekerja sama maka sektor pertanian ini perlu dipertingkatkan. Malangnya peruntukan seratus enam puluh juta ini yang dijanjikan untuk memajukan sektor padi tambah hari ini tidak sampai. Masalah utama petani ialah kerana saiz tanah yang kecil dengan purata tanah ialah sekitar satu perpuluhan dua hektar atau tiga ekar setengah seorang. Ini tidak mencapai saiz ekonomi osikel seandainya di kawasan Sabak Bernam tiga ekar atau 1.2 hektar dapat mengeluarkan dua atau tiga tan kelapa sawit maknanya.

TUAN SPEAKER : Ya. Sungai Pelek.

Y.B. TUAN YAP EE WAH : Terima kasih Tuan Speaker. Sebentar tadi I dengar Yang Berhormat menyatakan pertanian memang penting. I pun setuju, saya pun setuju dengan Yang Berhormat kerana makanan pertanian yang mengeluarkan makanan memang menjadi sumber utama kepada manusia. Jadi dalam ini saya ada satu soalan. Dalam bajet 2009 saya terbaca peruntukan untuk pertanian hanya lima belas juta sahaja. Sedangkan selepas Pakatan Rakyat memerintah Negeri Selangor saya masih ingat seratus juta ringgit untuk menubuhkan modem *pig farming area* di Tombok tetapi saya tidak baca, tak terbaca dalam belanjawan 2009. Jadi adakah penternakan, bidang penternakan ini juga merupakan satu makanan utama untuk orang Negeri Selangor. Jadi soalan saya ada tak atau akan tak Kerajaan Negeri Selangor teruskan projek ini. Terima kasih.

Y.B. TUAN HJ. YAAKOB BIN SAPARI : Sungai Pelek, sektor pertanian sangat penting bagi memastikan sumber makanan khususnya untuk Lembah Klang lima juta di Selangor, tiga juta di Wilayah dan memastikan ianya mencukupi iaitu kita akan pastikan sektor pertanian terus dipacu. Setakat ini kebun sayur PKPN di Rawang mampu untuk menampung kos pengeluaran sayur-sayuran untuk Lembah Klang. Mengenai projek yang disebutkan yang menjadi perhatian ramai, yang itu perkara baik yang dicadangkan supaya disokong telah pun kita setuju untuk diteruskan. Tetapi projek ini telah pun dikendalikan oleh pihak Swasta itu tidak masuk dalam bajet. Untuk makluman dewan ini saya tengok surat yang dihantar oleh UPEN kepada kontraktor utama yang dapat projek itu, malangnya kontraktor itu ialah pimpinan UMNO dari Negeri Johor tak payah saya sebut nama pada hari ini. Tetapi untuk Kerajaan Negeri telah pun menyemak oleh kerana projek Khinzir ini tidak sesuai untuk orang Melayu dan orang Islam maka projek ini terpaksa dibagi kepada orang Melayu atas nasihat pejabat Mufti. Masalah utama kawasan-kawasan pertanian ialah kecil-kecil 1.2 hektar atau 3 ekar. Kalau dalam.

Y.B. TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR : Tuan Speaker boleh mencelah.

TUAN SPEAKER : Bangi.

Y.B. TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR : Kota Anggerik mengulang-ulang bahawa kita kekurangan tanah adakah kemungkinan umpamanya kita berinovasi ertinya iaitu Kerajaan Selangor membuat perjanjian atau usaha sama dengan kerajaan-kerajaan Negeri yang lain yang banyak tanah atau kita sewa umpamanya dengan Negeri Sembilan, Pahang atau Perak untuk kita guna tanah itu kepentingan pertanian di Negeri Selangor kerana kita banyak modal dan kita boleh perniagakan hasil yang kita dapati ke seluruh Malaysia.

Y.B. TUAN HJ. YAAKOB BIN SAPARI : Akan saya sambung, habiskan teks ini lagi. Masalah utama bila kecil satu saiznya tidak ekonomik petani Sabak Bernam pendapatannya sekitar enam ratus hingga lapan ratus. Begitu juga untuk kawasan padi

petani hanya mendapat sekitar enam ribu empat ratus untuk enam bulan sebab dia hanya mengeluarkan lapan tan untuk 1.2 hektar. Saya mengaku, saya setuju agar usaha-usaha dapat dibuat untuk meningkatkan pengeluaran padi khususnya bagi memastikan peningkatan pendapatan dan seterusnya meningkatkan hasil padi. Seluruh Malaysia sekarang ini padi seluruh kawasan yang ada mampu mengeluarkan enam puluh lima peratus keperluan tempatan. Ini Selangor mencapai 6.6 tan per hektar dan negeri-negeri lain tidak sampai. Lebih kurang 4 lebih tan per hektar. Andainya pengeluaran padi dapat ditingkatkan Selangor sampai sepuluh tan, Kedah dan lain-lainnya dapat 6 tan padi cukup untuk kegunaan seluruh negeri di Malaysia. Saya bila jumpa petani-petani di kawasan Sabak Bernam saya tanya persoalan masalahnya apa tanahnya sama, benihnya sama, padinya sama apakah yang membezakan, Sekinchan dengan Sungai Burung dan Sungai Panjang dan Permatang. Dalam bahasa Sabak Bernam yang dikatakan dalam bahasa ialah 'ong'. Yang bezakan ialah manusia yang berbeza sebab itulah saya mencadangkan supaya Sungai Burung, Sungai Panjang, Permatang belajar dengan Sekinchan. Macam mana Sekinchan boleh mengeluarkan 12 tan per hektar. Ada hadis nabi menyatakan belajarlah ilmu sampai ke Negeri China. Sekarang orang cina ada Sekinchan.

Y.B. TUAN NG. SUEE LIM : Tuan Speaker minta penjelasan sedikit.

TUAN SPEAKER : Sekinchan sudah naik dah.

Y.B. TUAN NG. SUEE LIM : Sebab dah sebut Sekinchan, sebab ini nak belajar Sekinchan nak minta sedikit penjelasan daripada Y.B EXCO Pertanian dari Kota Anggerik. Tadi Y.B. ada menyatakan pendapatan petani ini, pesawah ini cukup rendah, itu memang kita sedia maklum, rendah untuk enam bulan hanya setakat enam ribu dan ada yang tidak sampai dan apakah Yang Berhormat setuju kita patut selain daripada meningkatkan hasil satu, kita patut meminta Kerajaan Pusat melalui Kementerian Pertanian dan Asas Tani menaikkan subsidi, subsidi yang diperuntukkan kepada Petani melalui hasil padi ini di mana sekarang ini subsidi seratus kilo dua puluh empat ringgit lapan puluh satu sen. Kita patut naikan kepada lima puluh atau enam puluh baru boleh bantu mereka. Sekian, terima kasih.

TUAN SPEAKER : Puji sedikit dah minta subsidi macam mana.

Y.B. TUAN HJ. YAAKOB BIN SAPARI : Sekinchan ini banyak idea-idea bernas, idea yang baik dari Sekinchan akan kita panjangkan. Sebab itulah usaha-usaha dibuat Tan Sri Menteri Besar ada menyebut supaya peningkatan hasil padi kena ditingkatkan. Supaya pendapatan dan pengeluaran padi dapat ditingkatkan. Selain daripada itu berbagai-bagai-bagai program telah diatitkan oleh Jabatan Pertanian, Jabatan Veterinar, Jabatan Perikanan untuk meningkatkan program, meningkatkan pendapatan petani. Supaya pendapatan petani dapat melepasi paras tiga ribu sebulan. Sasaran Kerajaan Negeri ialah setiap program-program yang kita aturkan bagi membolehkan supaya pendapatan isi rumah kawasan petani ialah tiga ribu ringgit sebulan. Antara projek-projek akan dilaksanakan ialah projek industri padi untuk mencapai sasaran 10 metrik tan sehektar. Projek pembangunan tanah kekal pengeluaran makanan ini telah pun dilaksanakan dahulu tetapi malangnya ada setengah-setengah pimpinan UMNO dapat tanah-tanah PKPN dan tidak dimajukan. Ini menyebabkan projek ini gagal, *Contract Farming*, program pembangunan tanaman makanan, program pembangunan asas tani, pembangunan ladang buah-buahan yang ada sekarang ialah Selangor *Fruit Valley*, malangnya Tuan Speaker seawal saya mengambil kerajaan saya dapati kebun-

kebun ini tidak diselenggarakan. Selangor *Fruit Valley* telah semak tidak dijaga dan alhamdulillah kerajaan telah menukar kita untuk mengambil alih pengurusan ini dan sekarang kita pertingkatkan.

TUAN SPEAKER : Ya Sungai Air Tawar.

Y.B. DATO' RAJA IDERIS BIN RAJA AHMAD : Tuan Speaker penjelasan yang pertama sangat baik kalau EXCO Pertanian yang ada dia bersyukur kerana dah mengambil alih STANCO Pertanian ini dengan keadaan cukup baik. Dah ada Lembaga Buah-buahan, buah-buahan telah dieksport, dan dah dapat *urea geap*, sijil kemudian mengenai sawah padi memang benarlah. Jadi soalnya memang kita sentiasa berusaha untuk mempertingkatkan pendapatan petani. Kalau 10 tan metrik itu jadi sasaran dulu pun kita dah jadikan 10 tan dan tahun lepas kita naikkan sasaran kita 15 tan. Memang kita faham bahawa sel-sel fisyen untuk padi ini setakat 65 peratus di Negeri Selangor jadi dengan sebab itu kita berusaha. Dan selain daripada subsidi-subsidi yang diminta oleh Sekinchan sebut dah banyak subsidi yang diperoleh daripada Kerajaan Pusat dan Kerajaan Negeri. Projek pengurusan berpusat saya ingat dia juga bantu untuk meningkatkan pendapatan. Jadi saya ingat eloklah dia soalnya sekarang ini timbul masa untuk kita menilai, menambah nilai dan kemudian kita usahakan lagi dan saya setuju kerana apa yang kita buat dulu pun dah ada *follow up* daripada EXCO pertanian, terima kasih. Dan kalau boleh kita buat kerja.

Y.B. TUAN LAU WENG SAN : Peraturan mesyuarat Tuan Speaker.

TUAN SPEAKER : Ya

Y.B. TUAN LAU WENG SAN : Peraturan mesyuarat 24(4) sesuatu pertanyaan itu tidak boleh dijadikan helah hendak berbalas. Masalah kita di sini ialah Yang Berhormat-hormat tertentu asyik berdiri meminta laluan tetapi mengambil peluang mengambil untuk berucap bukan untuk bertanya terus kepada *point* dengan izin. Ini susah bagi kita, kita hendak tanya pun susah. Terima kasih.

TUAN SPEAKER : Kampung Tunku diajar dari Kampung Tunkulah tak apa biar dia lepas geram sedikit dulu semua bekas EXCO.

Y.B. TUAN HJ. YAAKOB BIN SAPARI : Terima kasih Sungai Air Tawar, mantan EXCO Pertanian, saya pun rasa berterima kasih sebab sebahagian besar infra telah pun dilaksanakan apa yang dia buat untuk kerajaan sekarang untuk menambah baik pengurusan ladang-ladang yang ada. Antaranya lagi Kem Penjenamaan produk-produk pertanian, dana nelayan, program pembangunan kawasan kelapa. Saya difahamkan FAMA tidak cukup kelapa, permintaan kelapa terlalu tinggi dan saya tidak faham Sabak Bernam dia nak kelapa sawit atau nak kelapa. Kelapa dia nak pertahankan kelapa sawit ditanam jadi kadang-kadang sayang dua-dua drop. Pembangunan padang ragut jabatan sebagai tanaman *nearfeer* untuk di Sungai Nilam Hulu Selangor kita ada masalah di Negeri Selangor ialah rumah lembu-lembu yang tenusu berkeliaran di taman-taman, iaitu khusus dibuat untuk mengumpulkan apa ni untuk mengumpulkan lembu-lembu tenusu ini di satu kawasan di Hulu Selangor seterusnya usaha untuk pembangunan baka ternakan kambing, pembangunan pembakaan lembu berdaging, pembangunan pembakaan ayam berdaging kontrak, pemodenan infrastruktur dan institusi nelayan, pembangunan agro pelancongan *homestay* program promosi dan pemasaran produk pertanian, pembangunan zon pantai untuk industri penternakan udang bagi nelayan

nampaknya program yang lepas seperti program pekebun kerang sangat berjaya telah melepaskan pendapatan nelayan yang tak sampai seribu dan kini nelayan kerang sudah berpendapatan sampai RM 1400 dan ke atas. Itu program kebun kerang ini akan terus dimajukan. Menjawab soalan daripada Bangi, bagi mengatasi masalah tanaman yang terhad kawasan yang terhad kita memberi pendekatan moden e-kerja dengan izin dan kawasan yang sempit dengan teknologi yang ada pendekatan pengeluaran boleh ditingkatkan seperti contohnya seperti pendekatan penanaman dan kawasan yang sempit dapat meningkatkan hasil-hasil tanaman antara program-program pertanian moden kerajaan negeri menyedari kekurangan tanah pertanian pendekatan pemodenan pertanian perlu diadakan supaya dengan kawasan yang terhad hasil dapat ditingkatkan tumpuan pemodenan pertanian adalah seperti sistem *fabercasy* bagi tanaman cili, rock *melon*, *sun melon*, tanaman cendawan bagi mengandungi protein penggunaan transplanter dalam menghasilkan tanaman padi ataupun ternakan *agro kartel* dengan cara itu ikan dapat diternak dan sumber protein akan lebih terkawal. Kerajaan Negeri juga akan mewujudkan *pilot project* kilang memproses kerepek yang memenuhi kriteria HASP, GMP, dan sistem amalan ladang yang baik. Kerajaan Negeri sedang merangka untuk mengadakan kawasan pertanian di Johan Setia sebagai kawasan pertanian untuk tanaman halia, bagi mengawal pencemaran alam khususnya pembakaran yang terbuka. Tuan Speaker masalah utama permulaan tanah ialah kerana tanah-tanah telah diberi secara kecil-kecilan satu atau dua ekar dan tanah-tanah ini telah diberi sebagai habuan politik, sebahagian besar yang mendapat tanah-tanah ini ialah pemimpin-pemimpin UMNO yang telah berkesetiaan dalam pilihan raya-pilihan raya sebelum ini. Saya telah menyemak dalam senarai yang telah penerima tanah ada seorang Yang Berhormat wanita Sungai Besar pun dapat tanah. Akibatnya tanah-tanah ini tidak dimajukan sebab mereka tidak berminat untuk menjadi petani, saya menyokong Batu Caves agar tanah diberi untuk kegunaan sahaja bukan untuk dimiliki atau dijual ada lawak diberitahu "*sign D.O tak kering lagi dah dijual tanah tersebut*" siapa yang tak memajukan tanah dan tanah ini akan diambil untuk diusahakan oleh orang lain, cadangan Batu Caves masalah PKPS saya akui bila kita Tan Sri melantik pakar-pakar untuk melawat ladang-ladang PKPS didapati ladang-ladang PKPS telah tidak diuruskan dengan sempurna kehilangan 6.5 juta hasil memang berlaku sebab buah-buah sawit tidak dikutip nanti pendekatan Kerajaan Negeri ialah untuk penambahbaikan pengurusan PKPS.

Tuan Speaker masalah pencerobohan Hutan Raja Musa telah berlaku antara 7 hingga 12 tahun saya nak tanya siapa yang memerintah ketika itu, bahkan masih ada konsesi balak yang diluluskan ada 4 kawasan yang telah di ceroboh Kerajaan BN tidak bertindak kerana yang menceroboh dan mengembalik kroni-kroni BN. Sungai Burung pernah jadi DO Kuala Selangor, tak kan tak tahu tak kan tak bertindak ketika Sungai Panjang ada kuasa, pencerobohan ini telah menyebabkan paras air kawasan padi menurun alhamdulillah apabila kerajaan rakyat menukar kerajaan dalam masa tujuh bulan Pakatan Rakyat berkuasa telah dapat mengatai 90 peratus masalah itu tinggal 10 peratus sahaja yang akan diselesaikan saya minta Sungai Burung dan Permatang untuk membantu kita macam mana untuk menyelesaikan masalah tinggal satu atau dua rumah sahaja yang belum dirobohkan.

Tuan Speaker berkaitan dengan soalan Seri Muda, mengenai tabung kebajikan Ketua Kampung peruntukan khusus tidak diberikan kepada Ketua-ketua Kampung dan Kerajaan Negeri tidak tahu, tidak mahu Ketua Kampung bergantung seratus peratus dengan Kerajaan Negeri, Kerajaan Negeri telah menyediakan bantuan kemudahan asas peralatan dan perabot pejabat kepada Pejabat JKPP ini kerana kemudahan-kemudahan

yang lama telah pun dicuri orang adalah menjadi tanggungjawab Adun-adun untuk menjalankan aktiviti di balai-balai raya Kerajaan Negeri berpandangan amalan gotong-royong perlu dihidupkan semula yang dapat memupuk perpaduan kaum di kampung-kampung.

YB. TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR : Tuan Speaker Bangi berdiri sekali lagi....

TUAN SPEAKER : Sila, sila

YB. TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR : Kota Anggerik tadi telah membicarakan tentang hasil pertanian tetapi kita tidak dapat maklum pertanian ini salah satu daripada bahan yang penting untuk meningkatkan hasil ialah penggunaan baja yang baik, kita nak tahu berapa peratus modal yang terpaksa kita gunakan untuk baja, kita nak tahu apakah ada usaha untuk menukarkan bahan pepejal yang banyak dikeluarkan semalam kita perkatakan 60 peratus daripadanya kita boleh tukarkan dia antaranya baja tidakkah ini merupakan salah satu bahan yang baik untuk kita gunakan sebagai baja tanpa membelanjakan apa-apa peruntukan yang tinggi bagi penghasilan hasil-hasil pertanian.

Y.B. TUAN HJ. YAAKOB BIN SAFARI : Speaker mengingatkan soalan yang bentuk *statitutikal* kena dihantar lebih awal Kerajaan Negeri sentiasa cuba untuk menambah baik soal input-input baja yang ada, selain subsidi kita minta supaya petani-petani juga menggunakan baja-baja yang baik untuk digunakan, Tuan Speaker ramai Yang Berhormat membangkitkan masalah keusahawanan sama ada sebagai kerjaya atau untuk mengatasi masalah kemiskinan

Tuan Speaker berdasarkan pengalaman saya dahulu sebagai usahawan kecil-kecilan yang merangkak dari bawah saya tahu susah senang menjadi usahawan, Negeri Selangor kawasan pertaniannya semakin kecil bagi rakyat Negeri Selangor untuk meningkatkan pendapatan cara yang paling terbaik ialah dengan menjadi usahawan dan itulah saya mengusulkan supaya keluarga-keluarga Negeri Selangor untuk menjadikan satu keluarga satu usahawan, dulu Kerajaan Pusat mengusulkan satu keluarga seorang profesional masalahnya ialah apabila profesional ini tidak mempunyai ilmu yang cukup dalam bidang keusahawanan walaupun dia menjadi akauntan atau Arkitek atau Jurutera tapi mereka tidak mampu untuk menjadi men *create job* apa ini dia mencipta kerja selain daripada makan gaji. Sebab itulah program kita ialah supaya satu keluarga satu usahawan, saya lihat bagi masyarakat cina ini menjadi kebiasaan kerana mereka adalah masyarakat pedagang sebab itu masalah pengangguran tak banyak timbul di kalangan remaja-remaja cina.

TUAN SPEAKER : Ya sila, Sg. Air Tawar

Y.B. DATO' RAJA IDERIS BIN RAJA AHMAD : Tuan Speaker, berhubung dengan usahawan adakah Kerajaan sedar bahawa di Selangor ini sudah ada banyak usahawan-usahawan yang berjaya dan di antaranya lebih 20 orang usahawan yang telah mendapat pendapatan tak kurang daripada RM 10 ribu seminggu. Jadi setakat ini adakah Kerajaan sudah mengesan mereka dan memberikan bimbingan untuk mereka lebih berdaya maju dan kita ada satu usahawan yang sudah banyak mengeksport ke luar negara seperti Kanada, Zimbabwe, London dan sebagainya dan telah mendapat hampir 100ribu seminggu jadi saya harap ini Exco akan dapat bimbingan dan mengesan dan kita ada perasaan sedar juga bahawa lebih daripada 7 peratus orang usahawan yang ada data-data mungkin yang boleh di kesan berdaya maju dan sesuai dengan apa

yang dihasratkan oleh EXCO sendiri. Saya ingat elok diambil perhatian dan pertimbangan dan dikembangkan lagi la, sekian terima kasih.

Y.B. TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR : Terima kasih, Air Tawar Bagi menggalakkan program-program keusahawanan di Negeri Selangor antara program-program yang dicadangkan ialah yang pertama kita akan membuat ke usahawan untuk menarik golongan muda untuk minat menjadi usahawan ini level yang pertama untuk menggalakkan mereka minat untuk menjadi usahawan bagi mereka yang telah berminat kursus-kursus jangka pendek untuk meningkatkan skil keusahawanannya akan diadakan seterusnya usahawan-usahawan yang berminat ini akan menjadi mentor kepada usahawan-usahawan yang berjaya seperti yang disebutkan oleh Sg. Air Tawar, kita harapkan usahawan-usahawan yang telah berjaya ini akan sanggup menjadi mentor kepada adik-adik yang nak menjadi keusahawanan sebagai kerjaya pilihan. Bagi mereka yang telah berniaga program meningkatkan keupayaan perniagaannya latihan-latihan akan diberi kepada mereka supaya keupayaan peningkatan keupayaan keusahawanannya ditingkatkan. Bagi usahawan-usahawan yang disebut oleh Sg. Air Tawar kita mencadangkan supaya program untuk mengangkat usahawan-usahawan ini ke peringkat antarabangsa memang ada usahawan-usahawan yang telah mencapai ke peringkat antarabangsa dan Kerajaan Negeri akan sentiasa membantu usahawan-usahawan ini seterusnya kita cuba mewujudkan koperasi bagi memastikan usahawan-usahawan ini dapat saling tolong-menolong antara satu sama lain. Kepada Dengkil masalah kontraktor pernah disebut oleh Perdana Menteri kalau tak silap dalam bajet Perdana Menteri Abdullah Ahmad Badawi mengatakan bahawa terlalu ramai pemain dalam satu padang, macam mana nak adil kalau kontraktornya 4ribu, sedang kontrak ditawarkan hanya 50 saya cadangkan supaya sebahagian kontraktor kelas F tukar bidang masuk dalam bidang lain seperti bidang pertanian, pembuatan, atau IT ada kontraktor yang berjaya apabila dia menukar bidang sebab bidang kontraktor ini sangat terhad khususnya Negeri Selangor walau bagaimanapun saya cadangkan kontraktor-kontraktor ini jumpa Sri Serdang agar dipertimbangkan untuk dapat-dapat kontrak di Jabatan Kerja Raya, Tuan Speaker

YB. DATO' MOHAMAD SATIM BIN DIMAN : Tuan Speaker, macam nak lepas tangan ajer, apa jadi EXCO

Y.B. TUAN HJ. YAAKOB BIN SAFARI : Tuan Speaker, kalau saya kata Seri Serdang dia tak marah dengan saya sebab dia se taman dengan saya, Tuan Speaker saya yakin dengan strategik bajet yang ada dibuat bersama dengan pegawai-pegawai inilah bajet dibuat bersama menurut pegawai inilah kali pertama pegawai-pegawai diberi peluang untuk menentukan bajet bersama dengan Menteri Besar dan Exco-Exconya dia mengatakan dalam bahasa Inggeris "*this is the first time i'm being appreciate*" ini pengakuan daripada pegawai-pegawai, maknanya sebelum itu tidak dihargai. Saya pernah tanya kepada pegawai kenapa tidak boleh buat begitu begini dia kata dulu kami Cuma diarahkan sahaja kalau Kerajaan berbelanja secara berhemat setiap ringgit yang diperolehi setiap ringgit dibelanjakan untuk rakyat Yang Amat Berhormat Tan Sri menyebut "*value for money*" ini berbeza dengan dasar terdahulu 1juta yang dibelanjakan mungkin sekitar 600ribu yang sampai kepada rakyat bakinya entah ke mana.

TUAN SPEAKER : Yang Berhormat masa sudah sampai 1 petang boleh kita sambung petang ni...

Y.B. TUAN HJ. YAAKOB BIN SAFARI : Saya bagi setengah minit

TUAN SPEAKER : Sila

Y.B. TUAN HJ. YAAKOB BIN SAFARI : dengan ketulusan adil dan bebas daripada rasuah dengan Tan Sri Menteri Besar yang cekap dan EXCO yang mantap dan Adun yang sedia berkhidmat PR akan terus berkuasa insya-Allah, akhirnya Tuan Speaker "*Untuk Apa Keringat Di Perah, Kalau Tidak Dengan Alasan , Untuk Apa Bakti Di Curah, Kalau Tidak Dengan Keikhlasan*, Terima Kasih

TUAN SPEAKER : Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian waktu sudah 1.00 petang maka dewan ditangguhkan sehingga 2.30 petang. Dewan ditangguhkan

(Dewan ditangguhkan pada jam 1.00 tengah hari)

(Dewan disambung semula pada jam 2.30 petang)

(Tuan Speaker mempengerusikan mesyuarat)

TUAN SPEAKER : Dewan disambung semula. Dipersilakan. Ha... Gombak Setia.

Y.B. DATO' DR. HASAN BIN MOHAMED ALI : *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, salam sejahtera kepada teman-teman saya. Tuan Speaker pada permulaannya saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada teman-teman yang telah memberikan komen, yang telah memberikan *input input* baru kepada *portfolio* saya dan daripada ucapan yang dibuat terdapat hampir 25 teguran-teguran yang telah dibuat dan saya merasakan teguran-teguran itu walaupun sebahagian daripadanya agak sukar kita nak mengambilnya dan menjalankannya tetapi pada keseluruhannya saya rasa suasananya begitu positif dan kepada pembangkang dan daripada kerajaan sekali lagi saya mengucapkan ribuan terima kasih.

Tuan Speaker saya nak menjawab dulu yang mengenai JAIS ini. Jadi sebagaimana yang kita ketahui bahawa beberapa perkara telah dibangkitkan. Yang pertama sekali ialah tentang fatwa. Fatwa mengenai zakat. Sama ada zakat boleh dipergunakan kepada orang-orang yang bukan Islam. Saya telah mendapatkan nasihat daripada Datuk Mufti Negeri Selangor dan memberitahu kita bahawa zakat memanglah dikutip daripada orang Islam dan mesti dibelanjakan kepada lapan asnaf yang keseluruhannya kesemuanya mestilah orang Islam. Walau bagaimanapun, kepada teman-teman yang mengetahui perkara ini sama ada pembangkang ataupun kerajaan, ada juga sebenarnya sedikit kelonggaran di situ. Bagi asnaf yang namanya mualaf. Kalau misalnya mualaf yang difikirkan dengan kita membantu mereka itu memberikan bantuan dengan sebaik-baiknya, memberikan bantuan dengan, dengan ikhlas, dengan jujur, dengan hati yang murni dan kita mengharapkan pada satu masa nanti Allah membukakan pintu hidayah kepada hati mereka, maka dikatakan oleh para ulama bahawa zakat boleh disampaikan kepada orang-orang yang masuk dalam kumpulan seperti ini. Jadi sebab itu saya nak menyebutkan tentang zakat yang kedua yang, yang Sekinchan, ada.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM : Tidak.

Y.B. DATO' DR. HASAN BIN MOHAMED ALI : Kot Sekinchan bayar zakat manalah tahu.

TUAN SPEAKER : Bangi. Boleh. Sila sila sila sila. Sila.

Y.B. TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR : Tuan Speaker. Terima kasih. Eh berhubung dengan fatwa ini pada masa dahulu untuk mengekang daripada berlakunya maksiat dan perkara-perkara yang kita katakan bercanggah dengan amalan agama kita ada semacam kita panggil BADAR yang boleh apa ni yang merupakan pasukan *amar makruf nahi mungkar*. Apakah fatwa balik umpama BADAR ini tak bergerak oleh kerana ia bercanggah dengan Islam atau ah macam mana. Yang kedualah saya nak tanya

apa masalah di JAIS ni kalau kita tengok beberapa STANCO yang lain sudah mesyuarat sampai empat kali saya ingat tanah saya menjadi ahli juga. Tetapi JAIS ni baru kita mesyuarat adakah lancar perjalanan JAIS ini atau kerana ada masalah atau sebaliknya. Terima kasih.

Y.B. DATO' DR. HASAN BIN MOHAMED ALI : Terima kasih Bangi. Pertama sekali tentang penguatkuasaan undang-undang jenayah agama di Negeri Selangor ini saya akan pergi bila saya pergi kepada tajuk itu. Tetapi yang kedua itu tentang mesyuarat, mesyuarat STANCO - STANCO Agama.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM : Minta penjelasan sikit.

Y.B. DATO' DR. HASAN BIN MOHAMED ALI : Saya belum lagi. Belum lagi, belum lagi.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM : Belum lagi.

Y.B. DATO' DR. HASAN BIN MOHAMED ALI : Macam mana belum ada benda tiba-tiba nak jelas. Jadi tentang hal itu sebenarnya saya mengadakan mesyuarat yang paling kerap. Kita ada Pengarah JAIS, teman-teman JAIS dan MAIS. Saya mengadakan mesyuarat dengan mereka boleh katakan hari-hari. Sama ada pegawainya saya panggil, sama ada pengarahnya saya panggil termasuklah Datuk Sahibus Samahah, Datuk Mufti sendiri yang hubungannya antara Jabatan-jabatan kerajaan saya merasakan hubungan saya dengan JAIS dengan MAIS dan juga Jabatan Mufti dan Mahkamah Syariah adalah di antara yang paling intim dalam, dalam perhubungan kita dalam Kerajaan Negeri Selangor ini. Jadi dalam hubungan-hubungan yang sedemikian dan telefon kita boleh tanyakan kepada Pengarah JAIS. Kalau pagi-pagi tu pukul 7.00, pukul 6, 6.30 yang menalipon tu biasanya sayalah. Jadi maknanya hubungan begini tetapi saya tidak mengatakan tak pentingnya STANCO ni penting. STANCO ni *will give us direction for policy. policy direction*. Sebab itu kita dalam, dalam perancangan kita setiap tiga bulan. Kita adakan mesyuarat EXCO tetapi oleh kerana yang lepas terlalu banyak komitmen-komitmen kita dalam Ahli EXCO STANCO kepada agama kita ada hampir 25 orang. Jadi 25 orang itu nak dapat satu tarikh bersama agak sukar. Maklumlah mereka professor-professor, mereka golongan profesional-profesional yang mempunyai tanggungjawab, tugas dan komitmen masing-masing. Tetapi apa pun sebagai nasihat Bangi dan Bangi juga merupakan salah seorang daripada Ahli STANCO ni, baru hari ni bagi tahu saya sebenarnya. Jadi Insya-Allah kita akan panjangkan, kita akan kerapkan lagi pertemuan itu dan saya bercadang sebelum akhir tahun ini satu *retreat*. *Retreat* ini satu perjumpaan untuk kita perah tenaga akal, tenaga fikrah, tenaga intelek kita. Kita nak perah tenaga itu dengan mengemukakan satu *blueprint* sebenarnya apa yang tidak dijalankan oleh JAIS dan MAIS, Mahkamah Syariah dan juga apa ni Pejabat Mufti bagi 5 tahun 10 tahun yang akan datang. Insya-Allah tarikh untuk *retreat* itu telah pun saya bagi-bagi dan Insya-Allah saya akan diumumkan kepada teman-teman yang akan, yang akan yang akan hadir dalam *retreat* tersebut. Terima kasih Bangi. Saya ingin meneruskan balik tadi tentang fatwa tadi. Eh saya ingin menyebutkanlah.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM : Boleh jelaskan

Y.B. DATO' DR. HASAN BIN MOHAMED ALI : Oh ok silakan. Silakan.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM : Tuan Speaker, saya pergi terus soalan yang saya penjelasan yang saya minta ni saya nak maklumkan kepada dewan yang mulia ini. Kenapa daripada pihak pembangkang ini tak berperanan langsung dalam menjalankan tugas itu sebagai ahli dewan. Semua kosong tinggal 5 orang. Yang 5 ini kira ini bagus, kita boleh pujikan. Bagus. Yang lain-lain ketua pembangkangnya mana, tak bertanggungjawab langsung. Tak boleh macam itu. Soalan belum lagi. Belum, belum. Tapi itu mukadimahnyanya, mukadimahnyanya. Lagi satu yang saya nak minta tentang fatwa ini sebab EXCO Agama Islam ini nak tanya benda-benda ini. Yang pertamanya tentang istilah mualaf itu. Rasa saya tak begitu faham. Tolong terangkan secara terperinci. Mungkin lain Yang Berhormat yang lain minta maaf. Itu satu. Yang keduanya sebagai EXCO Agama Yang Berhormat Gombak Setia ini dulu saya pernah, penggal yang lepas saya pernah tanya satu soalan mengenai pelaburan perkembangan pelaburan Majlis Agama Islam Selangor MAIS, tetapi soalan saya ditolak oleh Tuan Speaker pada masa itu, bukan Speaker sekarang, Speaker pada masa itu. Saya dikatakan tidak ada hak untuk tanya soalan seperti ini. Bercanggah dengan Perlembagaan 152. Adakah saya sebagai Ahli Dewan tidak boleh sentuh tentang pelaburan MAIS. Saya nak tahu saja. Sekian, terima kasih.

Y.B. DATO' DR. HASAN BIN MOHAMED ALI : Sekinchan Alhamdulillah. Sekinchan ni bila dah kena dua pinggan *lunch* tadi dia punya semangat lainlah. Ialah duduk di jelapang padi kan nasi banyak. Jadi yang pertama sekali pembangkang yang tak ada ni. Inilah dia. Dalam Dewan Rakyat baru-baru ini bila Ketua Pembangkang memberikan ucapan saya diberitahu wakil Kerajaan lima orang sahaja yang hadir. Bayang ucapan daripada Ketua Pembangkang statusnya seperti Dato' Seri Anwar Ibrahim, bayang Ketua Pembangkang yang pernah memegang jawatan Perdana Menteri. Bayang Ketua Pembangkang yang pernah menjawat jawatan Menteri Kewangan selama lapan tahun dan seluruh dunia mengatakan *the best Finance Minister in Asia*. Tapi lima orang sahaja. Daripada lima orang, empat tidur tinggal sorang. Inilah Barisan Nasional. Ini tergambar ni. Sg. Panjang tak ada, Puchong tak ada. Yang tu dia takut nak duduk kat situ tu. Ha... Sementa dia takut, dia takut kalau dia duduk kat situ hari ni saya rasa dia akan dibatalkan daripada menghadiri mesyuarat paling tidak kalau saya Speaker sebulan akan batal.

TUAN SPEAKER : Yang Berhormat betul tak pepatah Melayu kalau takut di limbur pasang jangan berumah di tepi pantai

Y.B. DATO' DR. HASAN BIN MOHAMED ALI : Wah ini Speaker pun dah masuk campur. (Ketawa).

TUAN SPEAKER : Tak saya cuma tanya pepatah tu betul ke tidak.

Y.B. DATO' DR. HASAN BIN MOHAMED ALI : Betul, betul, betul, betul. Memang betul. Memang betul. Nanti, nanti sebutkan saya selepas Dewan saya nak salin tu. (Ketawa).

Y.B. DATO' DR. HASAN BIN MOHAMED ALI : Tuan-tuan dan puan-puan yang saya muliakan sekalian, para kerajaan dan para pembangkang kita. Yang kedua tentang istilah mualaf. Mualaf ini ialah istilah mereka yang memeluk Islam yang asalnya bukan Islam. Itu mualaf dan mualaf ini ialah kita rai mualaf. Dalam Islam yang tidak mualaf macam Sekinchan kita rai. Sebab itu dalam, dalam Kerajaan Pakatan Rakyat ni siapa saja boleh bercakap tentang Islam. Tetapi jangan cakap fasal hukum hakam. Tak

boleh. Ah jangan cakap fasal fatwa. Tak boleh. Jangan cakap macam peraturan-peraturan syariah. Tak boleh. Tapi kalau nak cakap nak bantu sekolah agama rakyat ah boleh. Sekinchan nak bagi peruntukan ADUN kepada Sekolah Agama. Boleh. Jadi sebab itu saya nak menyebutkan saudara satu lagi juga dikatakan mualaf yang boleh yang, yang, yang mualaf, mualaf yang Islam pada masa yang sama wang zakat boleh disalurkan kepada mereka berpotensi untuk mengambil Islam sebagai cara hidup mereka. Fatwa mengatakan bahawa wang zakat itu boleh disalurkan kepada orang-orang seperti ini. Apa-apa pun Islam menghormati semua. *Islam is a deal, Islam is not a religion, Islam is a way of life, and therefore and I think anything what we do* dengan izin. Or tengok , tengok dah ambil buku dah. (Ketawa).

Y.B. DATO' DR. HASAN BIN MOHAMED ALI : Ah, jadi kita mengharapkan Insha-Allah dengan Pakatan Rakyat ini saya merasakan dengan MB kita, dengan Speaker kita, tuan-tuan tengok ye, kita, saya tadi ada orang bagi tahu saya. bila saya keluar tadi doktor dia kata tak pernah dalam sejarah dewan undangan ini *as interesting as* musim ini. (Bertepuk tangan).

Y.B. DATO' DR. HASAN BIN MOHAMED ALI : Selalu kalau misalnya 4 hari jadi 3 hari. 3 hari jadi 2 hari. Tak ada nak bercakap. MBlah tersongel-songel sorang-sorang. Dewan. Dewan. Lepas ni saya mohon bercakap dalam bahasa Jawa. Kemudian tentang pelaburan MAIS. Ah ni bagus ni. Pelaburan MAIS tuan-tuan kebanyakannya tentang hartanah ah ye bangunan, tanah-tanah yang telah diberikan oleh kerajaan untuk diurusniagakan tetapi macam juga *seventy thirty* macam juga, yang dimanakan Kerajaan Negeri walaupun bekas MB kata mana ada sampai kerugian 30 bilion. *30 billion in 30 years*. Tapi kalau saya mengiranya lebih daripada 30 *billion*. Ada premium syarikat-syarikat dah masuk 7 tahun tak bayar premium jumlahnya 68.2 juta, tak bayar. Jangan tanya saya syarikat mana nanti saya sebut. (Ketawa)

Y.B. DATO' DR. HASAN BIN MOHAMED ALI : Sebab itu, bayangkan ye bayangkan yang tak bayar premium. Bila kita semak, semak yang tak bayar cukai pintu berapa tadi apa ni YB, YB Kerajaan Tempatan.

Y.B. TUAN LIU TIAN KHIEW : Lapan Ratus.

Y.B. DATO' DR. HASAN BIN MOHAMED ALI : UMNO, UMNO, UMNO punya, UMNO punya, DAP mana. DAP bayar semua. Semua UMNO. DAP tak ada bangunan kesian. (Ketawa)

Y.B. TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR : Tuan Speaker saya nak mencelah.

TUAN SPEAKER : Silakan.

Y.B. TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR : Adakah ini juga melibatkan kepada penahanan Pegawai Zakat hari itu, kita nak tahu lebih lanjut mengapa ditahan dan apa sebenarnya terjadi di belakang tahanan itu.

Y.B. DATO' DR. HASAN B. MOHAMED ALI : Oh ini pun saya akan jawab kemudian, Y.B. cepat sangat, dia cepat sangat, ada orang cepat sangat, ada orang tak start langsung. Jadi sebab itu tentang pelaburan tadi kebanyakannya rugi, kebanyakannya rugi. Inilah yang tak mahu Kerajaan Negeri telah buat keputusan paling tidak Kerajaan Negeri telah buat keputusan *'no more jointventure, why jointventure has not given as*

the right, itu. Jadi sebab itu minta izin sebab itu saudara-saudara yang saya mulia sekalian, yang dalam MAIS pun sebutkan dalam pelaburan tetapi bukan itu soalnya. Soalan yang, Yang Berhormat tanyakan itu kenapa soalan itu ditolak. Resen ditolak kerana Yang Berhormat orang Tionghoa tak sepatutnya menyoal soalan-soalan yang berkaitan dengan pentadbiran agama. Insya-Allah Speaker kita lain.

Y.B. TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR : Tetapi soalan saya untuk tentang JAIS dan MAIS ditolak, saya orang Islam mengapa ditolak.

Y.B. DATO' DR. HASAN B. MOHAMED ALI : Itu saya tidak beranilah, itu Speaker punya, dia ada jawatankuasanya. Ada sebab mungkin soalan-soalan itu sudah bertindih, mungkin bertindih, masuk memang selalu salah. Ok. Yang berikutnya Tuan Speaker saya nak menyebutkan soal BPR tadi, BPR disebut masuk dalam MAIS dan masuk dalam Lembaga Zakat serta masuk dalam MAIS Corporation. Dan untuk pengetahuan teman-teman dalam Pembangkang dan juga Kerajaan, Baginda Tunku Duli Yang Maha Mulia Sultan sangat *concern* dengan elemen-elemen BPR, elemen rasuah ini. Dan Baginda menyokong tindakannya asalkan mengikut undang-undang supaya diambil tindakan tegas kepada mereka yang terlibat dalam penyelewengan wang kerajaan atau menyalahgunakan kuasa bila diberikan hak untuk memegang tampuk kuasa. Maka sebab itu tindakan yang diambil bila meletakkan pegawai-pegawai itu masih, masih ada lagi pegawai itu di MAIS dan satu orang ditukarkan daripada Lembaga Zakat pergi kepada KUIS, saya nak *review* perkara itu. Menteri Besar menyatakan sedikit elemen di Pejabat Menteri Besar tiada disiasat, tak penuh lagipun dia telah digugurkan dan dia telah *di suspend* Kalau masalahnya Pejabat Menteri Besar begitu, saya ingat pejabat EXCO Agama, Infrastruktur, Kemudahan Awam dan Adat saya rasa, saya pun kena ikut cara yang macam itu. Sebelum itu saya nak *review* balik maknanya saya nak tengok balik asas-asas dua-dua ini sudah disiasat, sudah di reman, siasat dan reman. Dan sebab itu bagi saya tetapi saya nak menyatakan kepada Tuan Speaker dan teman-teman dalam pembangkang dan kerajaan. Ini adalah merupakan *isolated case* bukan merupakan norma-norma pentadbiran Lembaga Zakat, *except* dan sebagainya. Itu *isolated case* dengan izin dan sebab itu pun *isolated case* saya sebagai EXCO yang bertanggungjawab dan diamanahkan Insya-Allah saya akan menentukan *as accident will not be happening today*. Kalau dia akan berlaku jugak saya minta nasihat dari BPR, nasihat daripada Polis, nasihat daripada AG dan sebagainya, nasihat dari LA bagaimana cara *how what is the best way to deal to suspend this person* , merupakan duri dalam daging dalam pengurusan pentadbiran Negeri Selangor ini.

TUAN SPEAKER : Ya, Yang Berhormat.

Y.B. DATO' DR. HASAN B. MOHAMED ALI : Saya beri laluan kepada Hulu Kelang.

Y.B. TUAN HJ. SAARI B. SUNGIB : Terima kasih Tuan Speaker. Yang mana saya nyatakan dalam ucapan perbahasan saya semalam isu MAIS merupakan satu perkara yang sangat penting dalam konteks imej yang hendak dibina dalam cadangan membentuk Hab Thaqatah dan Pemikiran Islam di Selangor. Jadi adakah setakat siasat, siasatan itu sudah memadai ataupun tindakan yang lebih tegas, lebih terperinci, lebih spesifik dalam isu-isu dalam dakwaan rasuah perlu diambil. Itu soalan saya.

Y.B. DATO' DR. HASAN B. MOHAMED ALI : Terima kasih sahabat saya Hulu Kelang. Tentang rasuah ini dia berada di ambang pintu di mana-mana juga dalam hotel

ada rasuah, di ambang pintu pusat peniagaan ada rasuah, bahkan di ambang pintu orang yang tidak dijangkakan menerima rasuah pun terlibat dalam acara-acara rasuah. Oleh itu pada saya Tuan Speaker dia mesti balik kepada '*education we need go to for the system*'. Satu sistem yang *education* sebab itu *SPIES* teman saya daripada EXCO Pendidikan sudah mengusulkan sebagaimana yang disebutkan oleh teman saya, teman-teman dalam pembangkang pun *SPIES* "mengeja *SPIES*" ini cara-cara bagaimana cara nak menerapkan kepada pegawai kakitangan kerajaan yang atas dan yang bawah supaya antaranya tidak lain dan tidak bukan "*menyatakan dalam bahasa arab*". Tegakkanlah yang makruf, cegahkan yang mungkar. Kalau sebut mungkar rasuah adalah mungkar, salah *claim* adalah mungkar, lebih *claim* adalah mungkar, tak tidur hotel kata tidur hotel adalah mungkar, dan menyalahgunakan kuasa kereta EXCO adalah mungkar, kalau misalnya *worksyop-worksyop* menyatakan patut bilnya seribu jadi tiga ribu mungkar. Itu *tripple* mungkar. Jadi sebab itu kita nak menyatakan bahawa kalau dapat kita tanamkan semangat ini, tetapi saya yakin, saya yakin dengan pegawai-pegawai kerajaan *because I was one of them* selama dua puluh tahun dalam kerajaan Perkhidmatan Tadbir dan Diplomatik saya pernah berkhidmat dalam Sekretariat, berkhidmat sebagai *Chief ADO* di Kuala Selangor jadi saya tahu. Saya tahu masa saya *Chief ADO* di Kuala Selangor saya rasa Sijangkang ketika itu pakai seluar pendek lagilah, Sekinchan *sorry* Sijangkang kat sana. Sijangkang kena cakap jawa. Jadi sebab itu kita akan menentukan melalui *SPIES* dan *efret-efret* yang lain. Pada masa yang sama saya telah dilantik oleh MB melalui EXCO untuk mempengerusikan satu Jawatankuasa bagaimana nak mengubah sikap ini. Insya-Allah dalam bulan depan kita akan mengadakan *Eksekutif Talk*. *Eksekutif Talk* ini dengan kelulusan daripada EXCO dan MB, saya akan menghimpunkan seribu orang daripada DO, ADO, dari pegawai-pegawai Peringkat Daerah, pegawai-pegawai Peringkat Negeri, Pegawai-Pegawai GLC, pegawai-pegawai *State Development Corporation*, Syarikat-syarikat Kerajaan, Badan-Badan Berkanun, kita nak himpunkan di satu tempat kemungkinan Dewan Bankuet, Dewan Bankuet itu besarkan. Dewan Bankuet namakannya. Jadi kita akan mengadakan satu ceramah *Eksekutif Talk* yang banyak menyentuh mengenai sahsiah pembentukan keperibadian. Jadi saya harap ini akan berlaku.

Y.B. TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR : Tuan Speaker sekali lagi.

Y.B. DATO' DR. HASAN B. MOHAMED ALI : Sila-sila.

Y.B. TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR : Berhubung dengan kita nak memberi pendidikan kepada pegawai-pegawai ini, saya nak tanya perhatian berhubung dengan di bawah JAIS sendiri ada bidang pendidikannya. Pendidikan apabila kita berkuasa dulu kita memang kerap amat dijemput oleh sekolah-sekolah, Guru-Guru besar dan sebagainya. Berbagai-bagai-bagai majlis tetapi makin akhir makin nampaknya semacam ada sekatanlah, macam kita pembangkang pula, sudah tidak dijemput lagi. Dan saya dapat tahu satu pertemuan persatuan-persatuan Guru Agama saya cek Yang Berhormat Gombak Setia pun tidak dijemput. Saya makinlah tidak dijemput apakah sebenarnya ada tangan-tangan ghaib di belakang yang cuba menyekat mungkin orang-orang UMNO yang masih ada di situ yang cuba menjauhkan kita dari bidang pendidikan yang patut kita boleh beri fikiran untuk pembaikannya.

Y.B. DATO' DR. HASAN B. MOHAMED ALI : Terima kasih Bangi. Dalam UMNO ini tangan-tangan ghaib begitu banyak. Mereka pun belajar ilmu ghaib kerana jadi bomoh-bomoh, bukan menjadi satu perkara yang boleh dirahsiakan. Pakai bomoh, dengan cerita pakai bomoh "*dea yang bayar pirang-pirang loh*" bahasa jawa. Jadi apa yang

saya nak sebutkan saudara tentang Bahagian Pendidikan itu jemput Guru-Guru, saya nak beritahu Pembangkang, dia ada dua sekolah, satu sekolah di bawah JAIS yang itu sangat-sangat mengalu-alukan kita, satu sekolah di bawah Kementerian Pendidikan yang itu tengok kelibat dari Bangi dekat *gate* lagi tidak dibenarkan. Tengok kelibat saya tidak benarkan, jumpa pelajar dalam kumpulan tidak dibenarkan. PIBG tak dibenarkan, seluruh tak dibenarkan seolah-olah kita ini lebih teruk dari *Terrorist*. Inilah UMNO, inilah Barisan Nasional tahun depan bila kita pilihan raya lagi sekali kita nak beritahu seluruh rakyat 5.1 juta di Negeri Selangor ini bertolak-tolak, kita mesti tolak UMNO dan Barisan Nasional, teruk-teruklah. Teruk betul. Jadi kalau ada Sementa tadi dah pucat tetapi dia tak ada. Ok kemudian saya nak pergi Tuan Speaker kepada perkara yang berikutnya ialah penguatkuasaan undang-undang. Ini yang disebutkan bila apa ni Sungai Panjang ada menyebutkan Puchong ada menyebutkan

TUAN SPEAKER : Yang Berhormat Rawang nak minta laluan.

Y.B. DATO' DR. HASAN B. MOHAMED ALI : Ya Rawang

Y.B. PUAN GAN PEI NEI : Ini berkenaan dengan bab pendidikan sebab tinjauan saya sendiri kepada Sekolah Rendah Agama di kawasan Rawang. Saya dapati yang gaji untuk Guru Sekolah Agama Rendah sebenarnya di bawah paras kemiskinan juga. Kalau dikatakan sebab lapan ratus lebih macam itu. Jadi dalam rancangan Kerajaan Negeri yang akan datang adakah kadar upah yang gaji mereka akan dikaji semula. Terima kasih.

Y.B. DATO' DR. HASAN B. MOHAMED ALI : Untuk teman dari Rawang YB ye saya akan menjawab bila saya pergi ke persoalan itu mengenai cadangan. Ingat tak YB Bukit Antarabangsa mencadangkan supaya gaji Guru-Guru KAFA termasuk juga Guru-Guru SRA dinaikkan dari tujuh ratus tiga puluh lapan ringgit kepada seribu lima ratus ringgit yang saya akan respons selepas ini. Sabar dulu. Ok banyak lagi ini, banyak kalau saya bagi semua ini oh macam-macam kita informasi kita dapat. Kira-kira informasi ini kita buat di luar dewan besok kita berada di Sungai Buluhlah. Ok tentang Sekolah Rendah Agama yang, saya hendak terus pergi kepada yang ketiga penguatkuasaan undang-undang. Penguatkuasaan undang-undang sebagaimana yang ditimbulkan memang kita dapati walau dalam keadaan apa pun sebab UMNO dan Barisan Nasional adalah parti yang mengamalkan satu prinsip budaya hidup namanya *senses culture*. *Senses culture* ini budaya nafsu, budaya syahwat mana tak nafsu syahwatnya TV3 telah datang berjumpa dengan kita untuk meluluskan Jom Heboh di Negeri Selangor ini. Antara kita yang paling seronok sekali teman-teman dalam DAP, dalam PKR, PAS pun sama juga berasa ragu-ragu dengan Jom Heboh. Jadi saya pula menyatakan Jom Heboh boleh datang ke Negeri Selangor kalau TV3 dalam laporan-laporannya terutamanya dalam beritanya menyiarkan berita yang seimbang. Tak nak macam YB pada Kinrara, YB dari teman-teman yang lain-lainnya yang menjadi mangsa kepada TV3. Saya menyatakan *unless until they change direction then, they can allow to have Jom Heboh*. Itu pun ada lagi yang kedua Jom Heboh kalau nak buat pensyaran daripada negeri ini. Mungkin ada dua puluh pensyaran. "*unless they until they concern pensyaran they have Jom Heboh*" di Negeri Selangor ini. Jadi tak mahulah saya tengok pengacara Jom Heboh itu dengan pakai T-Shirt buka T-Shirt perempuan pakai T-Shirt buka lagi depan T-Shirt itu YB, YB T-Shirt buka. Jadi yang ini kita tidak benarkan terutama sekali berlaku dan apa yang perlu nak sebutkan pengunjung-pengunjung Jom Heboh ini daripada kalangan kajian yang dibuat 90 peratus orang Melayu. 90 peratus. Hari ini diwar-warkan Jom Heboh di Miri, di Sarawak dan sebagainya 90 peratus bumiputera. Saya nak sebutkan,

saya tanya kepada TV3 “*what is the elemen education in Jom Heboh tell me the elemen of education that can help our children in making them excellent in education*” tiada tak boleh jawab. Sebab itu saya harap saudara-saudara dapat bersama-sama kita untuk memikirkan kalau misalnya ditakdirkan tak jadilah Jom Heboh di Selangor ini. *I hope you have understood the reasons why we reject Jom Heboh di Selangor ini.* Ok Balik kepada Penguatkuasaan undang-undang Jenayah, undang-undang Jenayah ini termasuklah jadinya, disebutkan teman-teman menyebutkan soal judi bahkan Sekinchan soal judi, soal arak, pelacuran, rumah urut. Saya tidak tahulah Sekinchan ada rumah urut atau tidak. Jadi apa yang saya nak sebutkan kita ada prinsip, paling tidaknya tiga prinsip kita menjalankan usaha-usaha pencegahan ini. Yang pertama prinsipnya ialah mencegah “*we are not*” kita mencegah jangan buat, dan prinsipnya lagi kita tak boleh pergi rumah ke rumah, *door to door, room to room, checking*, itu bukan prinsipnya. Prinsipnya ialah dapat dilihat dengan mata, laporan, maka kita akan pergi dengan hormat. Itu prinsip. Pergi dengan penuh *respect*, pergi dengan penuh kasih sayang, cinta, orang itu melakukan dosa, kita sayang kepada dia, nak keluarkan dia dari kancah kedosaan itu. Ini dia prinsipnya dan kalau misalnya ada ...

Y.B. TUAN NG SUEE LIM : Minta penjelasan sikit, tentang pencegahan rumah urut dan maksiat seperti ini kan? Saya nak minta penjelasan daripada Y.B. Gombak Setia, saya perhatikan dulu sebelum ini, Kerajaan yang diketuai oleh Sungai Panjang ini, dia mengetuai pasukan untuk mencegah maksiat *door to door* macam tu. Seolah-olah dia Penguatkuasa. Boleh ke begitu dalam Islam? Tak salah ke?

Y.B. DATO' DR. HASAN BIN MOHAMED ALI : Dalam Islam ni satu konsep namanya *wal-hikmah wal mauzhah....al-hikmah wal maizhah*. Ertinya hikmah ni dengan kebijaksanaan. Kan? Tangkap dengan kebijaksanaan, tangkap dengan sistem penyampaian maklumat, tangkap dengan sistem penyampaian ilmu, tangkap dengan sistem penyampaian tanggungjawab dan yang pentingnya tangkap dengan sistem pembersihan jiwa, hati, nurani manusia. Itu sistemnya. Tapi kalau ada yang menangkap misalnya gari betul-betul, malukan orang, ambil gambar, letak muka depan, itu bukanlah dituntut oleh Islam. Tetapi ada kalanya, ada kalanya kalau keadaan terlalu memerlukan pendekatan yang sedemikian, maka pendekatan yang sedemikian mungkin cocok ketika itu. Maka pendekatan sebegitu perlu diambil. Tetapi apa pun, saya rasa teman-teman Penguatkuasa, kita di JAIS ni Tuan Speaker, Penguatkuasa ni kekosongan jawatan terlalu ramai. Terlalu banyak kekosongan jawatan, banyak...Jawatan yang kosong, orang tak ada jawatan, di peringkat daerah tak ada orang, di peringkat Negeri tak ada orang. Bila hari-hari keramaian yang sepatutnya kita menghantar Penguatkuasa-Penguatkuasa bagi menguatkuasakan peraturan dan undang-undang jenayah kita tak dapat dikuatkuasakan kerana tak cukup orang. Saya nak *appeal* kepada pihak Kerajaan Negeri, kepada pihak JAIS, kepada pihak MAIS dan Lembaga Zakat kalau dapat berpakat bagaimana secara kontrak mungkin kita dapat melantik lebih ramai lagi Pegawai-Pegawai Penguatkuasa ini bagi memantapkan kerja-kerja penguatkuasaan bagi JAIS, MAIS supaya apa yang kita jalankan, apa yang kita lakukan itu benar-benar mencapai matlamatnya. Dan saya yakin, sekali lagi saya nak berikan pujian, kita ni lain Y.B. Sekinchan, kita lain kita tak bagi penyapu. Kita bagi pujian, yang patut dipuji, dipuji. Semalam keluar dalam surat khabar, berita mengenai penyapu ni, saya sekali lagi tadi Y.B. menyebutkan, EXCO kita menyebutkan lagi tentang penyapu ni dan saya nak menyebutkan penyapu ni, idea penyapu ni *the whole idea on penyapu will not be obsolete* dan terus akan diperkatakan. Saya fikir bila kita dah tak ada kat Dewan ni, sepuluh (10) tahun yang akan datang pun, peristiwa-peristiwa namanya *this is the black insence* ni, peristiwa-peristiwa hitam seperti itu akan terus

berlaku. Saya rasa betapa tercalarnya Pegawai-Pegawai Kerajaan. Saya dulu bekas Pegawai Kerajaan, bayang kalau saya dapat penyapu tu? Bayang kalau saya dapat penyapu? Ambil gambar, anak saya tengok, bapak dapat penyapu. Cucu saya tengok, bapak dapat penyapu. Macam mana isteri saya nak pergi satu parti suaminya menerima penyapu? Ha, inilah masalahnya, dia tak ada, dia tak ada. Dia sedang mengumpulkan pencalonan. Baru dapat 27, 27 pencalonan. Nak dapat jadi Ketua Pemuda ni 39, dia memerlukan 12 lagi. Ha, 12 lagi, yang nak bermesyuarat tinggal 47, untung kalau dia dapat 12 daripada 47. Tak taulah kalau dia ada dekat sini, saya nak jadi Penasihat kepada dia. Ada, ada yang nak? Teruskan? Insyallah.

Kemudian saya nak pergi sekarang ni kepada yang berikutnya ialah agihan zakat. Banyak dikatakan oleh teman-teman pembangkang tentang agihan zakat tidak adil, agihan zakat tidak telus, agihan zakat konon-kononnya banyak menjurus kepada orang-orang PAS, Parti Keadilan. Begitu sahaja meninggalkan UMNO. Saya nak bagi tahu, di Gombak Setia bila berlaku banjir yang pertama bila saya memegang, apa ni... jawatan sebagai ADUN Gombak Setia, bila berlaku banjir ketika itu, senarai yang diberi kepada saya, bila saya pergi nak menyampaikan wang, seluruhnya, 100% UMNO. Dia tak boleh nafikan, saya ada senarai itu. Ha, jadi ini... Saya dah bagi tahu kepada teman-teman saya dan saya nak bagi tahu kepada seluruh rakyat Negeri Selangor ini, Pakatan Rakyat dari segi bantuan, dari segi pembangunan Negeri Selangor ini, dari segi kekayaan yang hendak disalurkan melalui merakyatkan ekonomi Negeri Selangor, tidak ada satu orang pun yang layak yang akan terkecuali daripada mendapat bantuan itu. Orang Tionghoa dapat bantuan, orang India dapat bantuan, orang Melayu dapat bantuan, Kristian dapat bantuan, Hindu dapat bantuan, Buddhist dapat bantuan, Islam dapat bantuan. Saya bagi tahu orang-orang di Gombak Setia, bagi tahu saya, *if there is a person* yang namanya Kristian *being deny because of their Christianity*, bagi tahu saya. Dengan izin, saya nak menyebutkan, Insyallah, kita berpegang kepada prinsip keadilan dan kita rasa tak seronok tidur kalau kita tidak adil. *Im' talking through my heart, I'm not talking through my mouth*. Dengan adil dan inilah yang kita mesti letakkan pancang-pancang keadilan di Negeri Selangor ni. Dan kita akan meraih kehebatan Negeri Selangor ini. Kehebatan. Pendapatan kita di Negeri Selangor ini sebulan pendapatan purata penduduk di Negeri Selangor ini RM5,518.00 sebulan, purata. Maknanya masih banyak lagilah kekayaan negeri ini yang patut diagih-agihkan dan saya sangat bersetuju bila kita memilih merakyatkan Negeri Selangor yang juga menjadi *backdrop* kepada persembahan bajet 2009 ini yang dibuat oleh Tan Sri Menteri Besar. Saya rasa sangat-sangat berpatutan dan sangat sesuai dengan masa dan ketika bajet itu dibentangkan. Sila...

Y.B. TUAN MAT SHUHAIMI BIN SHAFIEI : Terima kasih Y.B. Tuan Speaker dan juga Gombak Setia. Berkaitan dengan pembahagian zakat ini, ataupun bantuan daripada Lembaga Zakat ini, saya ingin bertanya kepada Y.B. Gombak Setia. Sebenarnya, senarai yang disediakan itu adakah satu senarai baru, ataupun senarai lama yang diperbaharui, atau senarai yang langsung tidak dikemukakan kepada Y.B. yang berkaitan untuk diteliti terlebih dahulu kerana di DUN Sri Muda, saya nak mengambil contoh bagaimana beberapa penerima sebelum ini tidak menerima bantuan khususnya semasa perayaan Hari Raya yang lepas. Terima kasih.

Y.B. DATO' DR. HASAN BIN MOHAMED ALI : Terima kasih Sri Muda, senarai baru, senarai nama, bagi saya, saya hendakkan senarai terbaru. Saya tak percaya langsung senarai yang datang daripada Penghulu-Penghulu. Betul saya tak percaya. Minta maaf kepada Penghulu-Penghulu, saya bukan nak menidakkan Penghulu-Penghulu. Tapi

apa yang saya diberitahu, saya jumpa dengan orang Lembaga Zakat, saya jumpa dengan orang Jabatan Kebajikan Masyarakat, saya jumpa dengan teman-teman yang membawakan bantuan kepada orang-orang miskin, dia kata bukan kami tak nak bagi orang PAS, orang Keadilan, orang UMNO, orang yang bukan orang UMNO tetapi kami dihalang daripada memberi orang PAS, dihalang daripada memberi orang-orang Keadilan, dihalang memberi orang yang tak sanggup mengisi borang UMNO untuk menjadi ahli UMNO. Jadi saya bila sebut itu, senarai baru, senarai lama, saya dah minta untuk Gombak Setia, untuk pengetahuan Tuan-Tuan dan Puan-Puan, teman-teman dalam Kerajaan, teman-teman dalam pembangkang, saya telah meminta satu senarai baru. *Alhamdulillah*, Jabatan Kebajikan Masyarakat, Pegawainya *very cooperative, extremely co-operative*. Kita punya Lembaga Zakat, Rizal namanya, saya sebutlah namanya pasal saya seronok, benda ni bagus. Dia kata bila-bila masa, demi keadilan, dia akan memberikan senarai yang menggambarkan keadilan dalam senarai itu. Jadi saya nak bagi tahu teman-teman seluruh Negeri Selangor ini yang terlibat dalam banjir, lepas ni saya nak sentuh soal banjir ni. Nak masuk dalam infrastruktur ni. Yang terlibat dalam banjir, di Gombak Setia dan juga di Sungai Serai di Hulu Langat. Banjir *almost every other night*. JPS ada di belakang, saya harap JPS kalau dapat besarkan sikit dia punya apa tu...Jadi supaya kita dapat bersama-sama membantu mereka. Tetapi saya nak menyebutkan, bila kita hal mengenai bantuan kepada orang-orang yang ditimpa bencana seperti banjir dan sebagainya, kita nak menentukan bahawa *we are very hot right, we are very honest, we are very straight forward*. Inilah mesej yang mesti disampaikan kepada rakyat di Negeri Selangor ini, seluruhnya sama ada yang ditimpa banjir ataupun yang tidak ditimpa banjir. Akhirnya saya nak menyebutkan tentang agihan zakat ini balik. Agihan zakat yang akan datang ini, seperti mana yang kita tahu, kita jangkakan kutipan zakat di Negeri Selangor ini yang akan datang ialah RM250 juta. *If this one happens*, sampai kepada sepuluh (10) tahun yang akan datang, mungkin Negeri Selangor menjuarai di dalam kutipan zakat ini. RM250 juta dan RM250 juta ini pungutan tiada masalah, yang ada masalah Tuan Speaker ialah pengagihan. Pengagihan inilah yang kita tengok BPR masuk ini, pengagihan inilah BPR tak masuk dalam pungutan, BPR tak masuk dalam orang-orang korporat yang memungut tetapi pengagihan-pengagihan. Ada yang mengagihkan kepada dirinya sendiri, ada yang mengagihkan kepada keluarganya, ada pengagihan yang tidak di dokumentasi dan berbagai-bagai lagi. Saya sudah mendapatkan laporan audit mengenai pengagihan ini yang kemudiannya bila saya berbincang dengan Pengerusi Lembaga Zakat, kita akan dapat nanti, *finding-finding* yang akan saya bawa ke Mesyuarat EXCO nanti untuk membincangkan perkara ini.

Y.B. TUAN DR. SHAFIEI BIN ABU BAKAR : Tuan Speaker, saya nak mencelah.

TUAN SPEAKER : Sila.

Y.B. TUAN DR. SHAFIEI BIN ABU BAKAR : Y.B. Dato' Gombak Setia, kita mendapat maklumat bahawa kita ada masalah lagi dalam hubungan pentadbiran masjid dan surau. Saya nak tahu apakah perancangan Kerajaan kita untuk memperbaiki perjalanan masjid, surau dan peningkatan dari segi pengisian masjid, surau?

Y.B. DATO' DR. HASAN BIN MOHAMED ALI : Terima kasih, tengok Bangi ni memang baguslah dia, dia terus bagi saya laluan, ini jalan dia, ini jalan dia. Oleh sebab dia dah sebut soal masjid, saya nak sebut soal tazkirah Ramadhan yang disebut dalam perbincangan, dalam perbahasan. Kita telah mengarahkan mulai tahun ini, mengadakan tazkirah. Apa dia tazkirah itu? Ialah cebisan ilmu dalam masa 15 minit ,

10, 15 minit selang-selangan di antara Terawih, sama ada di awal, sama ada di pertengahan, sama ada di hujung, itu sahaja. Dan pemberi tazkirah ini telah ditauliahkan, seluruhnya telah ditauliahkan. Tiada masalah tetapi saya nak bagi tahu laporan yang dibuat oleh ketua penyelaras masjid-masjid memberitahu saya, banyak masjid dan surau terutama yang dipimpin oleh UMNO masih yang dikekang oleh UMNO, memang *simply refused to have a tazkirah session during Ramadhan*. Tak mahu sahaja. Pasal apa dia tak mahu? Pada hal arahan, ini arahan dan tazkirah itu pula disertakan dalam arahan itu dengan satu *guideline* yang disediakan oleh Jabatan Mufti. *Very clear guideline, the do's and the don'ts. Don't mention this, don't get involved in this*. Jangan macam ini, jangan macam ini dan ini *guideline* nya. Dalam masa 15 minit, tak boleh lebih daripada itu. Hormati terawih dan sebagainya. Jangan timbulkan pecah-belah, jangan menimbulkan kesalahan orang, jangan menimbulkan nama-nama orang, jangan sebut Parti Politik. Seluruhnya ada. Tapi orang UMNO ini, saya pun tak tahulah, pening saya, betul-betul saya pening. Dan saya berharap kita dapat segera untuk melantik Jawatankuasa Masjid yang baru bagi kita menggantikan, saya tak mahu menyebut perkataan yang tak sedaplah, menggantikan teman-teman mungkin yang sudah terlalu lama berkedudukan sebagai Nazir. Saya nak bagi tahu, dalam lantikan yang akan datang ini, di antara *requirement* ialah umur. Umur 60 tahun, kalau sudah berkhidmat, boleh dipanjangkan sampai 65 tahun kalau betul-betul mereka mampu, efisien, profesional dan berupaya untuk melahirkan *efficiency* dalam menguruskan masjid, mungkin dilantik semula. Jadi sebab itu, bila saya tengok Nazir-Nazir ada umur 70 tahun, ada umur 75 tahun, saya rasa sampailah masanya orang ini untuk memberikan ruang kepada orang yang lebih muda untuk mentadbirkan. Untuk pengetahuan saudara, teman-teman dalam pembangkang, di Singapura, dalam lawatan yang kita buat bersama dengan teman-teman JAIS, MAIS dan Pusat Zakat dan sebagainya. Di Singapura, pentadbir masjid berumur 35 tahun ke 45 tahun. Kebanyakannya *Lawyer*, kebanyakannya Arkitek, kebanyakannya Akauntan dan mengikut laporan daripada *Islamic Tribune*, masjid di Singapura diletakkan sampai nombor dua, *most efisien in the world, in the world*. Johor yang bersebelah dengan Singapura, Pasal apa? Pasal apa agaknya? Politik UMNO dan Barisan Nasional. Jadi, OK yang berikutnya tentang....tentang...

TUAN SPEAKER : Y.B. Sri Muda minta laluan.

Y.B. TUAN MAT SHUHAIMI BIN SHAFIEI : Terima kasih, Y.B. Gombak Setia. Sebentar tadi, Y.B. Gombak Setia ada menyebutkan tentang peruntukan RM250 juta dan sebagainya kepada JAIS dan yang hendak dibelanjakan pada tahun 2009, dan saya nak bertanya kepada Y.B. adakah itu termasuk juga daripada hasil-hasil kutipan penyewaan tapak-tapak masjid yang digunakan untuk sewaan kereta dan sebagainya kerana saya nampak daripada segi penggunaan tanah ia agak kurang bersesuaian dan ia melambatkan pembinaan masjid-masjid kerana memberikan tapak itu kepada pihak yang ketiga. Terima kasih.

Y.B. DATO' DR. HASAN BIN MOHAMED ALI : Tentang itu tadi, yang peruntukan yang saya sebut itu *figure* yang saya sebut itu ialah kutipan zakat. RM250 juta dianggarkan bagi tahun ini, dan menjelang akhir tahun ini. Dan untuk yang lain-lain itu, kutipan sama ada di Kapar, dalam tanah MAIS belum dimajukan biasanya dibuat *car park*. Tanah-tanah MAIS yang dalam *town*, yang saya tahu di Tun H.S. Lee sana, ada tanah kita, di Subang sana ada tanah kita. Oleh sebab tempatnya di bandar, untuk permulaan sebagai langkah interim, digunakan untuk *car park*. Yang ini tak termasuk dalam *figure* yang saya sebutkan tadi. Nak tahu berapa banyak *figure* yang ada dalam

JAIS, kita boleh bukalah buku ini. Buku ini kita akan pergi esok dalam Jawatankuasa, kita akan pergi satu-persatu. Yang Tuan-Tuan akan tahu nanti jumlah yang diagih-agihkan dan untuk dibelanjakan. Tapi apa pun, saya merasakan MAIS ini sebenarnya, Sultan telah menitahkan supaya MAIS ini ditambah lagi, ditambah lagi tanah-tanah kepada MAIS untuk pada masa akan datang, untuk generasi yang akan datang supaya pembinaan masjid, surau, madrasah dan sebagainya bolehlah dia bersandar kepada harta-harta hartanah yang akan dikurniakan, memang pun telah dikurniakan oleh Kerajaan Negeri. Tetapi apa pun, saya ingat pengurniaan ini penting. Tetapi yang lebih penting daripada itu ialah pentadbiran kepada pengurniaan itu, *the managing of the kurnia* itu lebih penting daripada kurnia itu sendiri. Kemudian yang berikutnya, tazkirah Ramadhan saya telah sentuh tentang hab pemikiran Islam yang disebutkan oleh Y.B. daripada Hulu Klang. Hab ini atau pemikiran Islam, atau *tafakhah* ini, ialah satu idea bagaimana kita hendak jadikan kelompok-kelompok manusia dalam daerah-daerah yang tertentu, dalam negeri-negeri tertentu dijadikan sebagai kelompok membina tamadun insan, tamadun manusia. Sebagaimana yang Y.B. EXCO kita Bahagian Pendidikan sudah ada dinamakan sebagai tempat untuk melahirkan intelek-intelek, para-para intelek. Tapi dalam konteks yang disebutkan oleh YB Hulu Klang itu ialah *tafakhah* ini ialah pembinaan tamadun intelek, pembinaan tamadun pemikiran Islam, *the Islamic thought*. *The Islamic Thought*. Apa yang berlaku sekarang ialah kita sibuk dengan benda ini integriti tak ramai di antara kita yang memikirkan *keep on wondering and wondering what is going to happen in another hundred years*, tentang Islam, keislaman, tentang tamadun, tentang anak-anak muda, tentang generasi muda, penghayatan Islam yang ini tak ramai yang berfikir. Maka Hulu Klang mencadangkan supaya Selangor ini mengambil daya utama bagi dijadikan negeri yang menjadi hub kepada pemikiran Islam atau *Islamic Thought, the hub of islamic thought over this region*. Ah! ini yang yang kita.. saya nanti akan berunding dengan Hulu Klang dan Hulu Klang memang kita jadikan sebagai kita punya konsultan, seorang *engineer* yang terlibat dengan urusan-urusan gerakan dakwah selama hampir tiga puluh tahun dalam hidupnya. Dalam penjara pun masih menulis buku-buku, tak salah saya enam belas buku ditulis semasa dalam penjara. Ah! Ini YB kita ini. Orang-orang yang macam inilah yang ada dalam Pakatan Rakyat. Saya tak tahu orang itu ada tak ada dalam UMNO dan Barisan Nasional. Jadi sebab itu kita mengharapkan ya supaya *centre* ini. Kita dah ada di Selangor ni, tak ada masalah. Kalau hub ini hendak dibuat kita ada KUIS. KUIS ini sebagaimana yang diketahui, saya pun hendak ucapkan terima kasih juga kepada Kerajaan yang lalu. *We are not discounting what ever good things that we've done the pass, you know. So I think...*

Y.B. TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR : Saya mencelah sekali lagi , ah! YB Dato' Gombak Setia, berhubung dengan perjalanan KUIS ini memang kita mempunyai harapan yang besar supaya dia menjadi satu institusi yang pendidikan terpenting. Bukan sahaja di Selangor tetapi di Malaysia. Setakat ini apakah masalah-masalah yang didapati di KUIS itu atau pun halangan-halangan bagi kita untuk meningkatkan apa dia ni prestasi dan kualiti KUIS itu sendiri. Terima kasih.

Y.B. DATO' DR. HASAN BIN MOHAMED ALI : Dia hendak membebaskan KUIS daripada cengkaman UMNO dan Barisan Nasional. Peringkat atasan saya tak mahu namakan siapa saya ada semua senarai nama dan gambar-gambar dalam pilihan raya yang lalu mereka berkempen bagi pihak UMNO dan Barisan Nasional. Macam mana mereka hendak masuk dalam kelas mengajar. Macam mana mereka hendak masuk dalam kelas bertutorial, macam mana mereka hendak masuk kelas untuk berbincang dengan calon-calon Masters PHD. Ditambah teruk pula lagi orang terlibat dalam

rasuah, masalah MAIS, dalam Lembaga Zakat, Bahagian Pengagihan didapati belum bersalah lagi tetapi sudah pun dipanggil dan di reman diletakkan di KUIS. Itulah yang YB Hulu Klang kata apa nak jadi pada KUIS. Apa imej KUIS. Ini pun satu benda yang saya hendak tengok. Saya akan tengok perkara ini dan saya akan tentukan Insya-Allah dengan sedikit amanah yang telah diberikan kepada saya untuk menyuburkan kehendak Baginda Tuanku Sultan, untuk melihat segala-galanya berjalan dengan baik, saya akan menentukan ini akan saya berikan *priority* utama untuk menentukan Lembaga Zakat, MAIS Corp, MAIS dan seluruh juga termasuk KUIS dapat berjalan dengan sebaik-baiknya. Ini institusi agama. Saya hendak beritahu pada diri saya, saya hendak *remind, I'm going to remind on my own self*, saya hendak beritahu diri saya sebenarnya jangan calarkan imej Islam. Tak ada dosa yang lebih besar lagi selain daripada zina, selain daripada dosa, judi, selain daripada pelacuran dan sebagainya. Inilah dia dosa mencemarkan Islam adalah satu dosa yang sangat besar di sisi Allah Subhanahuwataala. Saya tak mahu KUIS menjadi tempat gelanggang untuk mencemarkan Islam. Dan saya tak reda misalnya Lembaga Zakat menjadi tempat dan gelanggang untuk mencemarkan Islam. Saya tak reda. Dan saya akan menentukan *with limited power that I have it is not going to happen in* Lembaga Zakat *in* MAIS *in* JAIS. Dan ini saya janji kepada tuan-tuan berjanji kepada pembangkang dengan sedikit kuasa yang diberikan kepada saya dengan sokongan daripada rakan-rakan EXCO, ADUN-ADUN dan Ahli Parlimen seluruh di negeri Selangor ini sesuatu alam baru, satu suasana baru akan diwujudkan bagi keseluruhan pentadbiran dan institusi agama di negeri Selangor ini. Sila Sri Muda.

Y.B. TUAN MAT SHUHAIMI BIN SHAFIEI : Terima kasih YB Gombak Setia. Kalau dinilai kepada hasrat dan juga niat YB itu memanglah kita memuji. Tetapi saya berasakan ah! niat itu tidak setimpal dengan keadaan yang ada misalnya Jabatan Agama Islam. Sebagai contoh di Jabatan Agama Islam Klang, bangunannya kita tengok uzur, tempat sempit hendak *parking* susah. Bagaimana niat itu, hasrat itu boleh dilaksanakan kalau infrastruktur yang ada pada hari ini tidak diperbaiki.

Y.B. DR. HASAN BIN MOHAMED ALI : Terima kasih. Yang ini sebenarnya saya ucap terima kasih kepada Sri Muda. *I'm really waiting for this kind of input* daripada Sri Muda. Untuk teman-teman dari pembangkang UMNO dan Barisan Nasional cuba kita pergi pejabat Agama Klang. Cuba kita pergi ke pejabat Agama Hulu Langat, Kajang, cuba kita pergi ke pejabat Agama di Sabak Bernam, cuba kita pergi *conjunctednya* pejabat Agama di Kuala Langat. Macam mana kita enam puluh tahun, *friends, sixty over years. How come you do that.* Sedih saya. Kita duduk dalam dewan yang sedemikian, tuan-tuan dewan yang sedemikian ini berapa harga kerusi ini. Agak-agak berapa harga kerusi ini. *How come? You think this dewan is* lebih hebat daripada Majlis Agama, Jabatan Agama? Inilah ia, saya tak faham betul. Ayah saya dulu imam, imam di Pulau Indah. Ayah saya dulu pun pernah menjadi pengutip zakat begitu ya. Dan saya selalu ikut, bila dia menyerahkan dia punya zakat kutipannya tu kepada pejabat Agama, saya *remember*, kat sebelah Telekom tu, sebelah Telekom Sekolah Kebangsaan Klang tu. Daripada dulu bangunan tu sampai sekarang. *Since I was small. I was small. I was about ten years old then. Now I am sixty one years old.* Apa nak jadi ni Yang Berhormat. Di mana ni Sungai Panjang ini. Di mana Puchong ni. Tengok. kempen jauh sangat dua puluh tujuh nak dapat lagi, oh! Tak boleh, tak boleh dua belas lagi hendak dapat. Tak dapat.

Y.B. TUAN MAT SHUHAIMI BIN SHAFIEI : Kasi dia canlah Yang Berhormat.

Y.B. DATO' DR. HASAN BIN MOHAMED ALI : Tak dapat, tak dapat. Saya ingat Ahli Majlis Tertinggi pun tak boleh dapat. Tak boleh dapat. Macam mana? Jadi sebab itu saya sudah beritahu kepada Pengarah JAIS, Okey saya katakan untuk bajet untuk tahun ini kita mesti pujuk siapa pun untuk melihat sedikit pembangunan akan dilakukan untuk pejabat Agama PAID di Klang, PAID di Hulu Langat, PAID di Kuala Langat, yang saya hendak beritahu prioriti ni PAID di Sabak Bernam. Tolonglah, Sekinchan tak ada PAID, Sekinchan tak ada PAID. Ah! Kena kesian dia. Dia punya komputer, dia punya komputer ada tiga empat komputer tiga-tiga tak boleh pakai. Betul, komputer yang lama, lah lama, lama, *kok warnonya orak-orak keturu, orak keturu. Orak ketoro, orak ketoro.* Dia dengan izin, dia punya warnanya tak nampak. Warnanya *orak ketoro.* Namanya tak nampak. Warnanya tak nampak. Jadi sebab itu, saya ni bukan jawa, saya ni bugis, tapi apabila saya bercampur dengan orang jawa, macam juga kita orang Tionghoa ni. Saya tengok isterinya pun cakap jawa. Tuan Speaker. Isterinya pun cakap jawa. Ha! Tapi isteri dia cakap dia tak faham. Isterinya pun tak faham. (Dewan ketawa).

Sebab itu ya, Sri Muda ya, balik tadi kepada yang niat sahaja tak cukup ya, yang Seri Muda kata. Insya-Allah lah kita akan melihat beberapa perkara-perkara yang sangat penting, saya hendak yang bahagian ini saya nak pergi kepada akhirnya guru-guru KAFA. Yang ini saya hendak menjawab soalan daripada Rawang tadi ya, guru-guru KAFA. Guru KAFA ini, jumlahnya semua sekali guru KAFA ini jumlah semua sekali 6,236 orang. Kalau misalnya kita naikkan seluruhnya kita naikkan daripada RM 738.00 kepada RM 1,500, maka kesan penambahan yang perlu ada penambahan yang perlu ada ialah 56,999, 534.40. Ah! Ini sebulan, setahun, *sorry, sorry, sorry* setahun. Eh, sebulan, eh, dua belas bulan, setahun, setahun. Sebulan ini, saya YB ni pun mengelirukan saya sebenarnya. Bukan membantu saya. Okey, jumlahnya RM 112 juta. Jumlah seluruhnya untuk 6236 dengan pendapatan RM 1,500 daripada RM 738.30 selama dua belas bulan menjadi RM 112,248,000. Maknanya kena ada tambahan peruntukan setiap tahun, yang sekarang ini mereka dapat RM 738.30 kita memerlukan tambahan peruntukan setiap tahun RM 56,999,534.40. Macam ini, saya hendak sebut macam ini. Ya! Saya dah berbincang dengan pihak JAKIM, berbincang saya tempat saya berbincang ini di Tanah Suci Mekah baru-baru ini. Bagus, bagus tempat berbincang itu sungguh bagus. Depan Kaabah di depan Kaabah, betul-betul depan Kaabah. Membincang. Alhamdulillah dia kata JAKIM pun sedar perkara ini, memang sudah dalam usul terakhir hendak menaikkan kadar bayaran kepada gaji guru-guru KAFA ini dan kita harap, kita doa, kita doa. Kita di Selangor sebenarnya kalau misalnya JAKIM dapat membantu kita, kita ada Lembaga Zakat boleh bantu Selangor. Kita ada Kerajaan Negeri yang bermurah hati boleh bantu sama, dan kita ada *source-source* yang lain yang agaknya boleh bantu kita sama. Akhirnya saya merasakan Insya-Allahlah, walau macam mana pun sampai peringkat awal kita sudah meluluskan skim Takaful. Skim Takaful. Bayangkanlah dia orang memerintah dah enam puluh tahun apa dia orang bagi. Kita beri skim Takaful. Kita bayar RM751,440.00 skim Takaful yang membolehkan mereka mendapat bantuan-bantuan jika sekiranya mereka sakit dengan skim Takaful tersebut. Jadi ini, tapi pergerakannya itu tak cukup, itu tak cukup. Mereka mahu, setengahnya *graduate, graduate* dapat RM738.30. Jadi kita mengharapkan supaya keadilan diberikan kepada mereka dan melalui Dewan yang mulia ini saya ingin menyerukan Tuan Speaker supaya kita dapat bermurah hati dan berbesar hati untuk kita dapat meringankan sedikit kehidupan dan setengahnya dah sepuluh, lima belas tahun menjawat jawatan tersebut. Saya nak beritahu hebatnya guru-guru KAFA ni. Ada tawaran-tawaran yang lebih baik, tawaran-tawaran yang lebih baik, *there are graduate* pada Al-Azhar, daripada Jordan, daripada Syria, daripada Madinah, daripada Indonesia

dapat tawaran tetapi mereka tidak menerima tawaran ini pasal *commitment* mereka kepada Islam dan kepada Negeri Selangor untuk memajukan anak-anak Selangor dari segi ilmu itu Islam, ilmu penghayatan Islam. Sila Meru. Sila Meru.

Y.B. TUAN DR. ABD. RANI BIN OSMAN : Saya ingin bertanya kepada YB Gombak Setia sama ada sedar bahawa ada dua perkara. Pertamanya, tadi kita sebut tentang elaun guru KAFA yang pecahannya saya difahamkan Jabatan PM memberi RM 500.00, Baitulmal RM 83.00 dan Kerajaan Negeri beri RM 150.30 untuk sebulan. Menjadikan jumlahnya RM 738.30. Ah! Walau pun ramai yang minta harta, daripada Kg. Tunku pun minta supaya elaun guru KAFA dinaikkan, sedarkah Gombak Setia bahawa Ketua UMNO Bahagian Kapar iaitu Y.B. Sementa sendiri mencadangkan kepada Kerajaan Persekutuan agar menarik semua peruntukan untuk guru KAFA, sebanyak RM 18 juta. Ini disiarkan dalam Sinar Harian. Kononnya guru KAFA ini menyokong kerajaan sekarang ini. Satu. Yang keduanya. Tadi Gombak Setia menyebut tentang banyak jawatan kosong dalam penguatkuasa-penguatkuasa JAIS. Saya difahamkan susah mereka hendak memenuhi penguatkuasa punya jawatan. Sebab dulunya penguatkuasa ini hanya ditekan oleh orang yang sama juga EXCO Agama yang lama. Supaya kerja mereka fokus menangkap penceramah-penceramah PAS. Akta Tuan Guru Nik Aziz tidak dibenarkan Sungai Panjanglah yang mengeluarkan kenyataan Tuan Guru Nik Aziz tidak dibenarkan berucap mana-mana masjid di Negeri Selangor. Sebab itulah banyak kes-kes saya kenal penguatkuasa ini mereka menyatakan kepada saya bahawa bila mereka tidak mahu ditangkap mereka marah dan sebagainya ada saya difahamkan ada yang kena tampar. Tetapi yang peliknya semua kes-kes bila dibawa ke Mahkamah tak sabit kes dan yang hendak menjawab adalah penguatkuasa sendiri. EXCO Agama cuma memberi dan Yang Berhormat menafikan bila-bila. Itu soalan saya.

TUAN SPEAKER : Yang Berhormat mana soalan

Y.B. TUAN DR. ABD. RANI BIN OSMAN : Soalan saya adakah Y.B sedar bahawa benda ini berlaku ini menyebabkan pemesongan penguatkuasa.

TUAN SPEAKER : Panjangnya Yang Berhormat. Ini bukan Badan Pengaduan Awam. Tanya soalan terus ya. Baik terima kasih.

Y.B. DATO' DR. HASSAN BIN MOHAMED ALI : Amboi Speaker kata Pengaduan Awam. Ok. Pertama sekali Y.B. Meru ya kalau Ketua UMNO Kapar minta supaya ditiadakan bantuan daripada JAKIM kepada guru-guru KAFA ini saya tidak tahulah apa jenis manusia ini. Saya tak tahulah jenis manusia atau bukan manusia. Saya tidak tahu sebab saya tidak seronoklah. Tuan Speaker saya tidak seronoklah bercakap ini. Saya sebenarnya ingin tujukan kepada Sungai Panjang saya hendak tujukan kepada Puchong saya hendak tujukan kepada Air Tawar.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM : Minta penjelasan sikit. Celah sikit.

TUAN SPEAKER : Sila-sila

Y.B. TUAN NG SUEE LIM : Apakah punca semalam Sementa ini naik angin apa puncanya. Apabila Gombak Setia memberi sedikit kenyataan dia naik angin. Apa puncanya. Doktor tu ramai. Doktor ramai.

.B. DATO' DR. HASSAN BIN MOHAMED ALI : Saya hanya terbaca dalam Sinar Harian. Dia kata fasal kita selalu usik-usik UMNO, sindir-sindir UMNO. Saya nak bagi tahu mana ada perbahasan dalam dewan-dewan kita ini seluruh dunia yang tidak ada sindir-sindir. Kalau kita tengok di Taiwan bukan sindir lagi bangku yang menyindir diri. Betul. Tapi kita alhamdulillah. Saya semalam walaupun tegang habis macam ini saya buat. Dia tak buat saya, saya buat dekat dia. Saya lebih tua dari dia ini tak ada akhlak. Dia tak ada akhlak betul tak ada akhlak. Jadi saya cakap dengan kerusi kosong susah saya.

TUAN SPEAKER : Yang Berhormat Sijangkang minta laluan.

Y.B. DATO' DR. HASSAN BIN MOHAMED ALI : Sila-sila

Y.B. TUAN DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI : Yang Berhormat Gombak Setia saya ingin bertanya kita lihat di bawah JAIS ini satu *kusyen* yang sangat besar adalah pendidikan. Jadi alhamdulillah. Kalau tadi ada perjuangan untuk menambahkan terutamanya elaun atau gaji kepada guru-guru yang terlibat dengan sekolah SAR atau SRA. Tapi bagaimana pula segi infrastrukturnya dan kita lihat di Negeri Selangor pada tahun ini telah ditubuhkan Maahad Tahfiz di Bandar Jugra. Jadi apakah ada usaha-usaha untuk memperkasakan. Kerana kita lihat walaupun pada tahun ini bilangan pelajarinya hanya sekadar 58 orang tapi mencapai yang kita lihat cukup memberangsangkan dalam masa 5 bulan anak-anak kita ini dapat mendapat menghafal Al-Quran dengan baiknya sebanyak 10 hingga 12 juzuk. Apakah usaha-usaha ini akan diteruskan dengan peruntukan-peruntukan mungkin akan diadakan. Terima kasih.

Y.B. DATO' DR. HASSAN BIN MOHAMED ALI : Terima kasih Sijangkang. Untuk adil kepada Meru tentang Ketua UMNO tadi saya dah jawab. Jawatan kosong penguat kuasa JAIS pun rasa saya dah jawab tadi kenapa mereka. Tapi kosongnya kerana mereka tidak mampu hendak menangkap kerana diminta menangkap orang PAS, ustaz-ustaz PAS. Untuk pengetahuan Meru saya sendiri kena tangkap. Saya bersyarah di Sungai Serai. Sungai serai tengah-tengah bersyarah-bersyarah dia rapat dia rapat dia rapat dia hendak hulurkan surat waran tangkapan. Apa salah saya. Saya nak bagi tahu saya selalu bagi tahu ni saya memberi khutbah di Sekolah Alam Shah Kuala Lumpur sejak umur 16 tahun beri khutbah apa dia masalahnya. Dulu masa dulu masa saya belum masuk dalam PAS bila hari kebesaran Islam Maal Hijrah Peringatan Nasional saya pensyarahnya. Kenapa sekarang ini bila saya masuk PAS nak tangkap saya. Sekarang yang nak menangkap saya dalam JAIS dia tengok saya bilalah Dr. Hassan nak tangkap dia. Tapi dunia ini beginilah dunia ini begini dunia ini dia *rotation* dia macam bola *rotation* macam itu jadi dia silih berganti alhamdulillahlah dia bersilih berganti dan macam mana kekuatan you bayangkan macam mana UMNO Barisan Nasional boleh jatuh di Selangor ini. Tak ada orang boleh memikirkannya. Tapi ini berlaku dan ini akan berlaku dan kita akan berlaku mungkin kita jatuh balik dan sebaliknya tapi kalau kita tak rasuah insya-Allahlah. Allah akan panjangkan usia pemerintah kita. Kemudian tentang tangkap orang PAS sudah tadi. Sekinchan yang naik angin tadi saya dah sebutkan tadi naik angin fasal saya dah katakan oleh sebab kita menyentuh persoalan UMNO dan sebagainya. Tapi saya hendak bagi tahu teman-teman sekali Ahli Parlimen 4 tahun setengah jadi Ahli Parlimen dahsyat lagi di Parlimen bukan setakat persenda-sendaan, sindir-sindir betul-betul buka buku ada nama rasuah sebut satu persatu. Saya nak sebut tadi tapi dia orang tiada di sini. Kemudian, kemudian, kemudian besok masa saya membentangkan hala tuju saya akan sebutkan, sebutkan nanti. Kemudian yang saya nak pergi ke Sijangkang tadi tentang *infak ca milit* saya hendak bagi tahu teman-teman

pembangking yang ada dekat sini tadi teman-teman dalam Kerajaan. *Milit* ini adalah Institut Maahad Tahfiz yang dibuat oleh kerajaan Negeri Selangor sejak 2 tahun yang lalu sekarang ini studennya hanya 58 orang, 58 orang malu. Maahad Tahfiz swasta saya tak mahu sebut di mana di Seri Petaling ada 326 orang. Prebet 326 orang, saya meramal namanya IUKL sekarang ini ada 112 orang baru-baru ini ada orang kaya bagi satu bangunan baru 7 tingkat untuk tempatkan Maahad Tahfiz lelaki dan perempuan. Saya hendak bagi tahu macam mana giliran budak-budak Maahad Tahfiz ini. Budak-budak Maahad Tahfiz ini ramai di antara mereka yang sedang menuntut Ilmu Perubatan..... pada masa yang sama pada UPSR tuisyen saja 5A. PMR dia tuisyen saja 8A. Dalam diri mereka 30 Juzuk Al-Quran itu saya buat. Prebet saya buat. Macam mana negeri 58 sahaja. Baru-baru ini saya dititahkan oleh Duli yang Maha Mulia Tuanku dia kata boleh guna kita punya Istana, Istana Jugra, Istana Jugra dengan limpah kurnia Tuanku hendak diberikan Istana Jugra saya dah tengok Istana Jugra. Saya nak pergi dengan Pengarah JKR untuk tengok apa benda nak dibuat supaya Tuanku mengatakan di sini boleh ditempatkan sebahagian daripada pelajar-pelajar Tahfiz. Saya doa kepada Allah SWT tak ada lagi pemberian yang paling syahdu yang paling kudus selain daripada pemberian seperti ini untuk menjunjung kata-kata Allah, ayat-ayat Al-Quran hendak dihidupkan Al-Quran. Tetapi mesej yang hendak kita bawa penghafal-penghafal Al-Quran..... saya hendak Insya-Allah 5 tahun daripada sekarang sebahagian daripada masjid-masjid sama ada Masjid JAMIK atau masjid kampung, desa-desa, surau-surau akan diimamkan oleh imam-imam penghafal Al-Quran. Selama ini bila datangnya bulan Ramadhan terutamanya masjid-masjid yang PKR, PAS punya masjid kita import penghafal Al-Quran untuk mengimamkan daripada Patani, dari Patani berpuluh puluh tahun dari Patani, di mana orang kita di mana orang Selangor. Fasal UMNO Barisan Nasional. YB dua-dua YB mana UMNO Barisan Nasional. Jadi kita berhajat insya-Allah dengan Perkenan Tuanku dengan peruntukan yang ada yang saya cuba akan mendapatkan nanti kita akan besarkan di Jugra dan juga ada penambahan di Hisamuddin di Kota Raja dan juga kemungkinan nak tengok di Perepat kalau-kalau boleh ditambahkan target saya 5 tahun daripada sekarang setiap tahun ada 500 pelajar-pelajar Tahfiz kita nak namakan Sains Teknologi Tahfiz. Tahfiz Sains Teknologi. Ok sila Seri Muda. Speaker minta maaf juga saya pula ambil tugas Speaker pula.

Y.B. TUAN MAT SHUHAIMI BIN SHAFIEI : Terima kasih Y.B Gombak Setia. Kalau berdasarkan angka yang diberikan oleh Y.B. Gombak Setia tadi, hanya 58 orang saja Tahfiz yang berjaya dilahirkan. Maka bolehkah kita, adakah Y.B. bersetuju bahawa jumlah ini salah satu kegagalan kepada pihak-pihak yang terlibat dalam menentukan arah tuju Maahad Tahfiz ini.

Y.B. DATO' DR. HASSAN BIN MOHAMED ALI : Oh memanglah kegagalan. Memang gagal 58 orang saya berpeluang 4, 5 kali pergi ke Bangladesh pergi Pakistan dan pergi India tak ada surau tak ada masjid tak ada musala di India, Pakistan dan Bangladesh yang tidak diimamkan oleh imam-iman Tahfiz iman-iman yang penghafal Al-Quran. Di sini Masjid Meru tidak, masjid Serdang tidak Speaker tak ada masjid lah.

TUAN SPEAKER : Ada.

Y.B. DATO' DR. HASSAN BIN MOHAMED ALI : Masjid Sungai Pinang, tidak Sekinchan tak ada. Tak ada. Adalah masjid negeri imam yang imamnya penghafal Al-Quran masya-Allahlah bacaannya menangis kita menangis sedap... bolehkah kita menjadi imam ini boleh. Saya baru-baru ini saya nak minta kelulusan dari Kerajaan dan

kelulusan dari pihak MAIS saya hendak usulkan bulan Ramadhan yang akan datang mulia bulan Ramadhan 10 malam yang terakhir kita hendak mengadakan Majlis Tahajud untuk pegawai dan kakitangan kerajaan, orang-orang awam macam Mekah macam Mekah so kerajaan baru-baru ini pergi Mekah, saya pun pergi Mekah pada masa bulan Ramadhan. Macam Mekah. Bacaannya macam Abdullah Rahman Sudiss yang akan mengimamkan kita nanti Insya-Allah. Apa yang akan saya buat saya akan lantik imam-iman ini dengan teman-teman dari MAIS dan JAIS latih mereka latih bacaan latih doa Sudiss ini doanya 20 minit 30 minit doa qunutnya 20 minit 30 minit doanya bukan perkataan air mata yang mengalir itu, itulah doanya. Inilah saya nak hidup di mana kita boleh dapat di Malaysia ini di Kelantan orang ambil cuti 2 minggu pergi Kelantan sebab suasana sedemikian terdapat di Kelantan tak dapat di Shah Alam, tak dapat di Kota Raja, tak dapat di Sepang, tak dapat di Sabak Bernam tetapi terdapat di Kota Bharu Kelantan. Jadi inilah saya hendak lakukan Insya-Allahlah. Jadi yang 58 tadi Y.B bukannya yang sudah dikeluarkan masih lagi mereka dalam pengajian. Akhirnya saya pergi ke infrastruktur sedikit infrastruktur ini. Infrastruktur yang hendak saya menyebutkan soalan banjir. Saya pergi soal banjir. Ini yang penting sangat ini. Soal banjir ini daripada Damansara Utama yang usul Damansara Utama persoalan banjir ini. Yang banjir banyaklah yang Gombak Setia memanglah, memanglah. Tapi apa yang hendak saya sebutkan soal banjir ini. Di Selangor banjir disebabkan oleh kerana pembangunan..... itu banjir. Saya tidak ambil Gombak Setia macam mana rumah yang sedia ada Banglo, ada semi rumah di atas rumah itu ada kawasan yang lapang tanah tinggi apa yang dibuat ternakan kambing dibuat di situ bayangkan tahi kambing jatuh bayangkan segala-gala rumput rumpai jatuh, bayangkanlah segala batu jatuh, kambing belumlah dengar jatuh apa akan jadi. Bila dia jatuh bersamaan dengan pasir yang ada kita minta tokeh pasir ini. Pasir yang ada air tak mengalir akhirnya berlaku penyumbatan aliran air yang sejak bila kerajaan negeri mengharamkan pengorekan pasir penggolongan pasir, pembesaran sungai, pendalaman sungai, mengeluarkan pasir daripada aliran sungai menyebabkan banjir di Hulu Langat, banjir di Gombak, banjir di Shah Alam. Saya rasa saya nak minta sebab itu saya dah bawa kepada EXCO. Bawa kepada EXCO. EXCO kata kita kena tengok secara makro, makro saya kata boleh tengok cara makro tetapi boleh tak saya cadangkan caranya kalau hendak teruskan tengok seluruh Negeri Selangor ini sampai bila-bila kasihan, kasihan betul merintih dia marah dengan kita. Tetapi saya hendak katakan fasal apa kita marahkan makcik. Makcik kena marah UMNO Barisan Nasional tanah-tanah yang dibangunkan adalah UMNO, projek-projek itu ialah projek UMNO, dah lah projek UMNO, tak bayar premium pula tu, jadi inilah dia punya dosa besarnya UMNO, besarnya dosa UMNO, jadi saya haraplah ianya tak berlaku, No. 2, pasal apa berlaku pasir yang begitu, berlaku keadaan banjir yang sebegitu disebabkan oleh adalah kerana sikap kita, sikap kita, air tak mengalir di depan kita, ambil satu cangkul keluarkan pasir keluarkan sampah kan..kan.. tak ada lagi, tapi semuanya MPS, semuanya MBSA, semuanya MBPJ, akhirnya penyelesaian Sekinchan ialah Dr. Halimah, *SPIES*.

No. 3, kenapa berlakunya banjir yang sedemikian, oleh kerana saya nak menyebutkan ketika kita merancang pembangunan dulu kita tidak memikirkan arus pembangunan yang sebegitu hebat yang tidak dapat ditangani hingga sekarang tahun 2008 sampai kita tenggelam punca, JPS pun saya rasa dalam keadaan tenggelam punca, sebab itu, biar ada namanya (*sistem metice planning*), dia ada namanya *structure planning* dia ada namanya *plan development*, dia ada namanya *very systematic development* yang inilah yang kita kena buat, dan saya berpakat nanti dengan teman-teman daripada JPS, teman-teman daripada JKR juga terlibat, *anywhere* teman-teman daripada PBT, teman-teman daripada Pejabat Daerah dan sebagainya, kita akan menyelesaikan masalah,

saya mintalah, saya minta teman-teman rakyat Negeri Selangor saya minta sangat, peringkat sekarang ini kata kepada rakyat minta maaf dulu tuan-tuan, bukan kita tak buat sedang buat kalau misalnya kita tutup pasir sekarang ini, pasal apa, pasal kita nak menjana pasir daripada pendapatan hanya 20 juta kepada pendapatan 50 juta hujung tahun ini, hujung tahun depan 150 juta, saya hafal tu, saya hafal tu nombor tu.

Jadi bila kita dapat 150 juta nanti, insya-Allah banyaklah yang kita boleh bangunkan, teman-teman bersabar dululah, walau apa pun saya sebagai EXCO yang menjaga infrastruktur yang menjaga JPS dan sebagainya Insya-Allah saya akan runding *I will be pushing very hard* dengan EXCO, Kerajaan Negeri, PWN, teman saya yang di belakang ni, untuk saya minta peruntukan tambahan khusus bagi kita dapat menyelesaikan masalah banjir ini, Insya-Allah, tak tahulah PWN pandang saya di belakang, menyorok di belakang komputer, sudah ada projek, sudah ada projek, adapun EXCO mewakili PWN, kemudian yang berikut: sikit sangat lagi,

Yang berikut pengangkutan awam, pengangkutan awam ini di Negeri Selangor ni, yang telah ditimbulkan memang di tahap yang sedemikian jem.... La Ilahillallah, saya 3 hari yang lepas daripada Shah Alam nak pergi ke rumah saya di Pinggir Taman Tun Dr. Ismail, 2 jam ½, jem saya lalu Damansara Utama kawasan perumahan Damansara Utama di situ saya sangkut 1 jam 15 minit, sehingga saya sembahyang Asar sepuluh minit sebelum Maghrib, jem, jem, ramai tak dapat sembahyang Asar. Macam mana nak jawab depan Allah, Hassan kenapa kau tak sembahyang Asar, jem... jem... sebab itu saya berasakan sangat penting, sebab itu *'transport system'* kita kena pilih sekarang ini, nanti saya akan bentangkan hala tuju Insya-Allah, Tuan Speaker, hala tuju saya akan bentangkan esok agaknya, ataupun lusa dan akan sebut lebih panjang lagi, tetapi penduduk Selangor sekarang ini dah 5 juta, kemudian itu kadar pertumbuhan industri 3.5%, kadar perkembangan perdagangan 3.5%, kadar pertumbuhan ekonomi 2008, 6.7% semua ni yang saya sebutkan perangkaan-perangkaan yang ringkas ini, menggambarkan apa bentuk Negeri Selangor ini, negeri yang memang menggambarkan satu tingkat pembangunan, sebab itu, kalau kita tengok saya bacakan tadi tentang purata pembangunan mencecah lebih daripada 5,000 sebulan, sudah tentulah motosikal pun banyak, sudah tentulah kancil pun banyak, sudah tentulah proton 1.3 yang baru pun banyak, sudah tentulah Perdana tahun 2004 punya perdana pun banyak, entah macam mana saya dapat antara Perdana yang paling baru 2007 yang barulah.

Tapi apa yang nak saya sebutkan ya, ini masalah jem ni, maka saya dengan teman daripada Pengarah Perancang Bandar Dan Desa dan saya dengan Pengarah UPEN, saya dengan PWN, saya dengan teman-teman yang lain daripada PBT-PBT seluruhnya termasuk anak-anak Syarikat Kerajaan dan juga teman-teman kita akan mengadakan satu persidangan khusus di peringkat antarabangsa untuk memanggil pakar-pakar dalam dunia ini menasihatkan kita, menasihatkan kita, macam mana seronoknya duduk di Montreal, macam mana seronoknya duduk di Ottawa, di New York itu pun jem juga, jem juga, banyak juga kereta, tapi saya tinggal di New York, lalu New York, tinggal di New York dalam masa 2 tahun ½ di sana, seronok, jem pun tak ada macam kita, jem... saya masa jem tu duduk di line tepi, tadi tuan-tuan, Polis tengok Oh Datuk, Saya ada persidangan Dewan Undangan Negeri nak cepat, ok .ok .ok. Tapi berapa orang yang ada kelebihan macam kita ini?

Y.B. TUAN LAU WENG SAN : Tuan Speaker, minta penjelasan Tuan Speaker. Ingin bertanya sama ada barisan EXCO mempunyai apa-apa penjelasan terhadap satu isu

yang saya bagikan semalam mengenai pemansuhan tol Batu 3, untuk menyelesaikan masalah jem ini juga, Tol Batu 3, supaya kalau kita boleh kurangkan ataupun kita tutup sekali gus. Di Lebuhraya persekutuan ini jem juga.

Y.B. DATO' DR. HASAN BIN MOHAMED ALI : Saya tak berani nak jawablah kita kena tengok pada keseluruhannya, sama ada *bottle neck* di Tol Batu 3, ataupun di tempat yang lain, tapi saya nak tengok dan pastikan, saya tengok ya, makin kita buat lebuhraya makin jem, makin tambah jalan *out ring* makin jem, makin ada MRR 2 makin jem, makin ada MRT yang retak tu lagi jem, sebab itu, saya memikirkan saya harap bila saya dapat bila saya dah dilantik menerajui hala tuju Negeri Selangor pada rancangan Pembangunan bagi tahun 2025 antara agenda yang saya nak pujuk teman-teman untuk memikirkan secara serius, ialah permasalahan pengangkutan bandar, di MPAJ, di MBPJ, di MBSA, di kawasan bandar di lembah Klang, yang saya rasa perkara ini kalau kita tidak menyelesaikannya, dia akan mengakibatkan *fdi* dan mengakibatkan teman-teman yang diam di kawasan bandar-bandar ini, hari-hari, pagi dan petang dia lemas, dengan keadaan yang demikian, dan akhirnya dia menjejaskan *quality of life*.

Saya sangat *concern* Speaker, tentang *quality of life*, sebab itu saya akan bersama dengan teman-teman, untuk menentukan bahawa perkara tersebut tidak akan berlaku dan akhirnya saya ingin menyebutkan sedikit tentang *blind spot* ini,

Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB : Minta penjelasan..

Y.B. DATO' DR. HASAN BIN MOHAMED ALI : Sila..sila...

Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB : Saya ingin kembali kepada isu sungai, soalan saya tentang sungai, tapi saya perlu memberi sedikit latar belakang, satu pembangunan perumahan di kampung Kemensah Hilir, Hulu Kelang, jadi kita dapati rumah-rumah ini di bina betul-betul di tepi sungai hingga ada tiang rumah tu, betul-betul mencecah gigi sungai di air, jadi bila kita tanya pihak berkuasa tempatan MPAJ, dia kata kelulusan diberikan kerana itulah tanah persendirian milik dia, jadi kita pun hairan jadi bila kita siasat-siasat lagi, kita dapati bahawa memang tanah itu dimajukan di atas tanah persendirian kerana JPS telah melupuskan tanah itu kepada syarikat berkenaan, jadi apabila disiasat JPS telah diarahkan oleh Menteri Besar yang lama untuk mengurangkan rizab jarak, rizab sungai hingga membolehkan tanah itu dimiliki oleh syarikat persendirian, jadi persoalan saya adakah mana-mana peruntukan yang boleh dikecualikan oleh mana-mana EXCO dan sebagainya melupuskan tanah sungai, ataupun sungai kepada syarikat untuk dibuat pembangunan?

Y.B. DATO' DR. HASAN BIN MOHAMED ALI : Ini berkaitan dengan polisi, bila kita sebut soal polisi ini Yang Berhormat, dia tidak boleh sekelip mata kita menjawab begitu ya, sebab kalau saya sebut polisi ya atau tidak, implikasinya sangat besar dan saya tidak mahulah, walau macam mana pun saya akan ambil nota, pembantu saya akan mengambil nota, dan selepas ini saya berharap dapat berbincang dengan Yang Berhormat untuk kita sama-sama melihat perkara ini dan bagaimana cara yang terbaik kita menyelesaikan masalah ini. Terima kasih. Hulu Kelang.

Y.B. DATO' DR. HASAN BIN MOHAMED ALI : Dan yang akhirnya adalah tentang *tadi*, *blind spot* ini ialah sistem telekomunikasi dalam mana pengguna-pengguna *handphone* terutamanya, kadang-kadang ada tempat-tempat tu tak ada signal, ada tempat-tempat tak ada signal, ini dipanggil antaranya tafsiran daripada *blind spot*.

Teman-teman dalam telekomunikasi ia juga di arah sebagai EXCO Infrastruktur untuk melihat perkara ini, tetapi saya ingin menyatakan, *blind spot* di kawasan Lembah Klang, terutama di Shah Alam ini sikit sangat, *very insignificant* jika dibandingkan dengan negeri-negeri lain di kawasan lain, walau apa pun bertaraf negeri maju sejak 2005 sepatutnya tidak ada lagi *blind spot* tersebut. Tapi satu *blind spot* dengan satu *blind spot* betul-betul simpang nak pergi ke Subang daripada sini, simpang nak pergi ke Subang Airport tu *it blind spot*, selepas bayar tol batu 3 tu, kira-kira dalam 3 km, itu *blind spot*, entah macam mana dia jadi *blind spot* saya ingat mungkin ada penunggu-penunggu *blind spot* kat situ la.

Tapi apa pun kita akan melihat perkara ini dan saya akan menentukan, Insha-Allah, tapi *service*, keseluruhan *service excellent*, hanya agaknya *rate* Celcom bagi service yang sangat baik, DIGI bagi *service* yang sangat baik, UMobile memberi *service* yang sangat baik, Maxis memberi *service* yang sangat baik, pada keseluruhannya, tetapi saya ingin menyatakan masih ada lagi ruang-ruang yang perlu diperbaiki, antara ruang itu ialah *the dominant of the blind spot*, yang disebutkan di dalam soalan yang telah diberikan kepada kita, Tuan Speaker saya rasa cukup setakat itu, terima kasih kepada pembangkang, terima kasih kepada tuan-tuan, terima kasih kepada teman-teman daripada pegawai-pegawai kerajaan yang saya hormati mereka, yang saya sanjung mereka, yang telah menyediakan jawapan-jawapan ini yang telah membuat *research*, kepada Pengarah UPEN, kepada PWN, kepada teman-teman daripada PBT yang membantu saya, teman-teman di JAIS, Pengarah JAIS, MAIS, Lembaga Zakat dan sebagainya, MAIS Corp yang membantu saya, KUIS, untuk menyediakan jawab-jawapan ini, saya mengucapkan terima kasih kepada mereka, mudah-mudahan ini menjadi amal jariah yang terbaik masih kita di dalam bulan Syawal kita akan diberkati Allah S.W.T. *Wassallamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh*. Terima kasih.

Y.B. TUAN HJ. YAAKOB BIN SAPARI : Tuan Speaker.

TUAN SPEAKER : Sebelum Kota Anggerik sambung, saya ingin memberikan peringatan kepada EXCO yang ingin memberikan penjelasan, sila ringkaskan kerana sebab masa kesuntukan, tinggal $\frac{1}{2}$ jam untuk hari ini, dan sekiranya kita tidak dapat habiskan penggulungan terpaksa kita sambung pada esok. Jadi hari esok hari terakhir, untuk sidang ini melainkan kita lanjutkan lagi, jadi saya berharap semua jawapan yang diberi itu, dalam keadaan yang ringkas. Terima kasih. Di persilakan Kota Anggerik.

Y.B. TUAN HJ. YAAKOB BIN SAPARI : Tuan Speaker, ada satu perkara yang kalau saya tak jawab, saya rasa saya tak lena tidur, soalan Sungai Panjang berkaitan dengan dakwaan kumpulan Semesta telah melantik Syarikat Khidmat Terbilang Sdn. Bhd, dan kemudian syarikat ini telah memberi pemanggil yang lain dan seterusnya.

Untuk maklumat dalam *data base* KSSB (Kumpulan Semesta Sdn Bhd) terdapat satu syarikat dengan nama Khidmat Terbilang Sdn Bhd – Syarikat ini merupakan salah satu syarikat yang memohon untuk berdaftar dengan KSSB, bagi tujuan untuk menyertai tender melombong pasir dengan KSSB, KSSB tidak pernah memberikan apa-apa kontrak ataupun apa-apa kebenaran kepada Khidmat Terbilang untuk bertindak atau mewakili KSSB. KSSB tidak mempunyai sebarang perhubungan perniagaan dengan Khidmat Terbilang Sdn Bhd. Adalah bertentangan dengan dasar KSSB untuk mengadakan rundingan terus ataupun melantik kontraktor bukan dengan cara tender. Untuk maklumat KSSB tidak mempunyai anak syarikat ataupun wakil yang dilantik untuk mewakili KSSB dalam urusan pasir. Sehubungan dengan itu, Tuan Speaker,

KSSB juga menafikan yang ia dilantik oleh Khidmat Terbilang juga menafikan yang ia dilantik oleh KSSB untuk kontrak tersebut, ekoran daripada itu, Khidmat Terbilang telah membuat laporan polis menafikan dakwaan ini, maka dengan itu, dakwaan Sungai Panjang adalah tidak benar dan tidak berasas. Jadi, saya sebut ini satu yang tidak betul jadi, dalam bahasa Melayunya kalau banyak tak tahu jadi tidak ketahuan. Terima kasih, Tuan Speaker.

TUAN SPEAKER : Bukit Lanjan.

Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING : Terima kasih Tuan Speaker, ahli-ahli Yang Berhormat selamat petang dan selamat sejahtera kepada semua. Saya ingin mengambil kesempatan kehadiran Y.B. Taman Templer yang juga saya rasa rakan sekerja saya dalam bidang pelancongan untuk mengucap pada petang ini. Antara soalan-soalan yang dikemukakan oleh Y.B. Taman Templer adalah fungsi, apakah fungsi-fungsi Tourism Selangor. Pertamanya fungsi Tourism Selangor adalah untuk menjalankan perniagaan sebagai pengurus, penganjur bagi industri pelancongan Negeri Selangor. Kedua, menjalankan perniagaan sebagai agensi pelancongan untuk menyediakan pakej dalam dan luar negeri serta penyediaan tiket dengan harga yang berpatutan untuk pihak Kerajaan, Perbadanan, Syarikat Korporat dan Swasta. Fungsi yang ketiga Tourism Selangor ialah untuk membangunkan, mempromosikan, mengawal, mengurus dan menjaga tapak-tapak pelancongan serta mengatur, menganjur dan menguruskan sebarang lawatan. Fungsi yang keempat ialah untuk menyediakan, mempromosikan dan menyalurkan maklumat pelancongan di Negeri Selangor kepada para pelancong. Untuk makluman ahli-ahli Yang Berhormat, dulunya Tourism Selangor dijaga atau di bawah tapak PNSB. Baru-baru ini Tourism Selangor telah pindah kepada jajaan atau pengawalan MBI (Menteri Besar *Incorporated*). Saya rasa ini adalah satu langkah yang amat munasabah kerana ini akan memberi pihak UPEN dan juga Tourism Selangor lebih kebebasan untuk menggiatkan aktiviti-aktiviti pelancongan. Selain daripada itu, penubuhan Tourism Selangor untuk menerajui pelancongan di negeri ini merupakan satu (dengan izin) *'blessing in this disguise'* khasnya apabila Kerajaan Pusat menutup pintu Majlis Tindakan Pelancongan, ahli-ahli Exco dari negeri-negeri Pakatan Rakyat. Model Tourism Selangor telah di bincang, diguna pakai dan juga diubahsuai oleh EXCO-EXCO Pelancongan di beberapa negeri-negeri Pakatan Rakyat. Kegiatan *'rebranding'* yang dipersoalkan oleh ahli (maaf) Y. B. Taman Templer, saya rasa merupakan *'rebranding'* ini adalah satu cadangan sebenarnya yang selalu disebut dan juga diulangi oleh semua pihak khasnya pihak dari industri pelancongan. Saya rasa di sebaliknya kritikan Y.B. Taman Templer harus disalurkan juga kepada menterinya kerana apabila dia menjadi Menteri Pelancongan, Yang Berhormat tersebut juga ada satu *'campaign'* yang hebat yang besar dipanggil *'zoom'* kalau tidak silap saya. *'Campaign re branding'* atau kempen pelancongan di Negeri Selangor akan dilancarkan tidak lama lagi. Saya yakin ini akan menarik lebih perhatian para pelancong dan saya boleh janji bahawa muka Y.A.B. Menteri Besar, Exco Senior dan muka saya tidak akan dipaparkan atas *bill board-bill board*. Begitu juga dengan produk-produk promosi yang lain. Untuk makluman ahli dewan, ahli-ahli dewan *website* Tourism Selangor telah naik dalam masa tiga bulan selepas pilihan raya. Iklan tapak-tapak warisan khasnya masjid-masjid yang bersejarah di Selangor dan juga Batu Caves sudah dicetak dan di edar dalam majalah antarabangsa seperti UNESCO. Jadi, kita akan juga mempergiatkan dan memperkasakan aktiviti promosi pelancongan di Negeri Selangor. Kita juga akan menggunakan web video pada tahun hadapan. Tetapi jangan bimbang, projek web video pelancongan tidak akan makan perbelanjaan sebanyak RM18 juta seperti mana yang akan dibelanjakan oleh pihak Kementerian, malah dah cukup kalau kita guna

RM150 ribu sahaja. Saya memang bersetuju dengan Y.B. Taman Templer bahawa penyelenggaraan tapak-tapak pelancongan di Negeri Selangor amat tidak memuaskan. Saya rasa pemantauan yang lebih konsisten dan tindakan yang lebih tegas harus diambil jikalau kita mendapati terdapatlah penyelenggaraan yang kurang '*up to standard*' (dengan izin) memuaskan dan sebenarnya Y.B. Taman Templer, saya telah mencadangkan kepada UPEN bahawa apabila saya turun ke Hutan Rimba Taman Templer iaitu di kawasan Y.B. untuk memantau projek pembangunan RMK9, di situ Y.B. juga akan dijemput juga ikut bersama dengan kita. Saya harap Y.B. juga boleh memberi cadangan-cadangan yang positif, negatif pun bolehlah. Boleh kritik, tetapi saya rasa ini kerana kita memantau kegunaan wang rakyat dan rakyat dan saya rasa tidak kira BN ke atau Pakatan Rakyat ke, kita mesti jimat cermat lah. Tetapi saya juga ingin membawa semua ahli dewan pulang ke bumi. Tadi kita pergi ke Taman Templer, sekarang kita pulang ke bumi. Kegawatan ekonomi sedunia sudah tentu akan menjejaskan industri pelancongan bukan sahaja di Selangor di Malaysia tetapi di seluruh dunia. Jadi fokus Kerajaan Negeri Selangor pada masa pada tahun yang akan datang ialah untuk membaiki dan juga melengkapi tapak-tapak pelancongan di negeri sendiri di Selangor dan juga memperkasakan lagi pelancongan tempatan iaitu Selangor melancong di Selangor. Pada saat ini saya juga ingin memaklumkan kepada ahli-ahli dewan bahawa walaupun sekarang kita boleh katakan pada tahap permulaan kegawatan ekonomi sedunia, tetapi kedatangan pelancong-pelancong ke Selangor dari Januari hingga Ogos telah meningkat kalau di banding pada tahun ini telah meningkat kalau dibandingkan dengan tahun yang sebelumnya iaitu kenaikannya 8.33 peratus. Dan jumlah pelancong yang datang setakat Ogos 2008 (Januari hingga Ogos 2008) adalah 3.78 juta. Saya ingin menyentuh serba sedikit tentang isu alam sekitar yang dibangkitkan oleh beberapa Yang Berhormat. Isu alam sekitar di Selangor sebenarnya juga isu ekonomi dan isu sosial. Dasar alam sekitar yang berkesan akan dapat memperbaiki kualiti hidup dan meningkatkan daya tarikan Selangor, bukan sahaja sebagai tempat pelancongan tetapi tempat kediaman dan tempat melabur. Sebagai contohnya, perlindungan cerun bukit dan tanah tinggi dapat mencegah pembersihan di kawasan perniagaan dan perumahan. Banjir-banjir seperti yang dimaklumkan oleh Y.B. Gombak Setia yang berlaku pada masa kini besar. Kebanyakannya adalah pembangunan yang tidak terkawal. Saya memang bersetuju dengan Y.B. Gombak Setia tetapi kalau kita dapat melindungi seperti kawasan cerun, tanah tinggi, hutan-hutan, kawasan tadahan air, insiden-insiden tersebut kita harap akan berkurangan. Kita juga perlu mengambil skop yang lebih besar dan lebih menyeluruh untuk meneliti dan menangani masalah-masalah seperti pelupusan sampah, pemanasan bumi, penggunaan tenaga dan perancangan bandar yang dijalankan sebelum ini. Lebih bernas lagi kita menumpu perhatian kepada (dengan izin) '*prevention not cure*' sebagai satu prinsip. Selain daripada itu, kita juga sebagai contoh lah kita ingin menjimatkan penggunaan tenaga bukan membina satu lagi kilang penjanaan tenaga atau empangan untuk menyelesaikan masalah-masalah kekurangan bekalan tenaga. Dan lebih bernas lagi kita mengurangkan atau mengelakkan sisa buangan mulai dari rantai pembuatan dan penggunaan untuk menyingkirkan masalah-masalah mencari tanah untuk tapak pelupusan sampah dan pembakaran sisa buangan. Saya juga ingin menafikan.

Y.B. TUAN LEE KIM SIN : Tuan Speaker, Tuan Speaker. Saya ingin mencelah.

TUAN SPEAKER : Ya. Kajang.

Y.B. TUAN LEE KIM SIN : Terima kasih Tuan Speaker dan juga Y.B. Soalan saya berkaitan dengan masalah banjir. Memang kita telah boleh kata kenal pasti kebanyakan

banjir disebabkan oleh pembangunan yang tidak terkawal ataupun walaupun dirancang tapi diubahsuai dan kerana ada campur tangan campur tangan politik dan sebagainya. Dan kita nampak keadaannya semakin tenat dan misalnya di bawa oleh Kajang pada perbahasan kemudian hari, projek-projek yang telah diluluskan oleh Kerajaan yang lepas yang di tempat-tempat yang di kawasan sensitif alam sekitar yang mungkin dan berkemungkinan besarnya telah bercanggah dengan dasar Kerajaan. Dalam keadaan ini, adakah Kerajaan sekarang sedia untuk membekukan atau membatalkan projek-projek sebegini. Sekian, terima kasih.

Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING : Terima kasih Y.B. Kajang. Apa telah berlaku selepas hujan yang amat lebat pada musim ini adalah selepas Y.A.B. Menteri Besar melawat Kampung Sungai Kayu Ara di DUN Bukit Lanjan. Y.A.B. telah maklumkan kepada Pengarah JPS Selangor bahawa rizab sungai mesti dikekalkan. Jadi apabila kita memantau kawasan di persekitaran perkampungan Kampung Sungai Kayu Ara, kita telah terjumpa beberapa pembangunan yang berlaku di rizab sungai. Jadi kalau terdapat projek-projek yang pada awalnya telah diluluskan, sekarang belum dilaksanakan kita ingin memohon kepada pemaju-pemaju tersebut bahawa bukan untuk memberhentikan projek-projek mereka tetapi pada masa ini kelihatan tidak selamat untuk projek-projek tersebut dijalankan. Saya ingin meneruskan ucapan singkat saya.

Y.B. TUAN DR. MOHD NASIR BIN HASHIM : Tuan Speaker. Saya mohon mencilah. Terima kasih.

TUAN SPEAKER : Ya, sila Kota Damansara.

Y.B. TUAN DR. MOHD NASIR BIN HASHIM : Kita bincangkan berkenaan pelancongan. Ia berkaitan dengan perhutanan dan hutan simpan. Soalnya, apa akan jadi kalau kita tumpukan kepada pelancongan, apa akan jadi pada orang asal di sana. Adakah akan melibatkan mereka dalam program pelancongan? Soal yang satu lagi tu saya mohon nak tahu syarat-syarat untuk satu bangunan tu menjadi bangunan bersejarah kerana saya ada satu di Kota Damansara satu masjid Subang. Saya cuma nak tahu bolehkah bangunan itu menjadi bangunan bersejarah? Terima kasih.

Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING : Terima kasih Y.B. Kota Damansara. Tentang penglibatan orang asli dalam penjagaan hutan simpanan dan hutan kekal di Negeri Selangor ini sebenarnya satu cadangan daripada pejabat saya tetapi ini akan boleh katakan kita akan makan perbelanjaan yang besar tetapi saya akan mempergiatkan lobi saya kepada pihak EXCO dan juga Y.A.B. Menteri Besar untuk menjalankan projek tersebut. Saya akan ucap berucap serba sedikit tentang orang asli pada akhirnya. Dan tentang soalan yang Y.B. kemukakan tentang tapak-tapak bersejarah, bangunan-bangunan bersejarah.

Y.B. TUAN DR. MOHD NASIR BIN HASHIM : Syarat-syarat nak jadi bangunan bersejarah.

Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING : Sebenarnya Y.B. harus menunjukan soalan itu kepada Y.B. Gombak Setia kerana beliau merupakan EXCO yang menjaga tapak-tapak bersejarah dan juga Pengerusi Lembaga Muzium Selangor. Izinkan saya berterus ya. Ok, berkaitan dengan isu pemanasan bumi dan perubahan cuaca dengan izin '*Global Warming and climate change*' pemeliharaan dan pengurusan hutan secara lestari adalah salah satu pendekatan yang dikenal pasti di '*United Nations Conversation*

on *Climate Change*' (dengan izin). Dalam menangani isu perubahan iklim dunia dan Malaysia adalah parti kepada '*convention*' tersebut juga atas kepentingan pemeliharaan iklim kerajaan negeri akan terus meningkatkan usaha pemeliharaan dan pengurusan hutan secara lestari menambah keluasan hutan simpan dan mengekal kawasan hijau lain untuk kepentingan pemeliharaan alam sekitar. Berkaitan juga dengan isu pemanasan bumi dan pengurusan tenaga kita baru dimaklumkan bahawa Malaysia akan mengikut beberapa negara-negara maju dalam proses untuk menjanakan tenaga nuklear. Saya telah membuat satu kenyataan media bahawa ini merupakan pendekatan yang salah '*nuclear energy*' (dengan izin) atau tenaga nuklear sebenarnya semakin kurang digunakan di merata dunia dan saya rasa kalau nuklear reaktor atau '*reactor nuclear*' dicadangkan untuk di tapak atau di tapakkan di Negeri Selangor saya rasa kerajaan Negeri Selangor tidak akan mengizinkan. Tetapi apa yang penting adalah kita ada banyak tenaga alternatif khususnya (dengan izin) *renewable energy* dan pada tahun 2007 Kementerian Tenaga Air dan Telekomunikasi telah melancarkan satu projek kecekapan pengurusan tenaga yang mampu membantu sebuah kilang menjimat tujuh puluh ribu ringgit dalam bil elektrik bulanan. Ini bermaksud penjimatan sebanyak RM840,000.00 setahun. Penjimatan tenaga elektrik ini mendatangkan keuntungan yang lebih kepada industri serta mengurangkan penggantungan kepada penggunaan tenaga yang tinggi. Dengan itu tekanan dan permintaan untuk membina pusat penjanaan elektrik yang memerlukan kos yang tinggi akan berkurangan. Ini juga bermaksud pengurangan pelepasan gas karbon dioksida yang menyebabkan kesan rumah hijau dan gas-gas lain ke udara kita. Sekali gus usaha ini dapat membantu pengawalan cuaca dan kualiti udara. Usaha ini akan digalakkan dan dipopularkan di Negeri Selangor.

Y.B. TUAN DR. ABD. RANI BIN OSMAN : Saya di fahamkan Kementerian Pelancongan ada menetapkan dana RM 1 juta setahun yang sepatutnya diberi kepada Kerajaan Negeri. Adakah dana ini masih diberikan atau bagaimana?

Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING : Terima kasih Yang Berhormat, sebenarnya kerajaan Negeri Selangor tidak ada akses dana tersebut dan pengurusan dana tersebut terletak kepada tanggungjawab dan bahu Ahli Yang Berhormat Taman Templer di bawah Majlis Tindakan Negeri Selangor. Walau bagaimanapun ...

Y.B. DATO' SUBAHAN BIN KAMAL : Yang Berhormat, terima kasih. Tuan Speaker boleh? Dua perkara satu saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Bukit Lanjan, bukankah saluran duit-duit itu yang boleh dikatakan tidak sampai di bawah jagaan kerajaan negeri tetapi duitnya sampai disalurkan terus kepada Majlis-Majlis Daerah iaitu PBT-PBT. Maksudnya duit kerajaan Pusat yang disalurkan, dulu disalurkan terus, saya mengaku dulu disalurkan terus kepada kerajaan negeri tetapi hari ini duit itu sampai juga kepada kerajaan negeri tetapi disalurkan terus kepada PBT-PBT untuk mengguna pakai dan tender-tender pun dikeluarkan oleh PBT-PBT sendiri iaitu di bawah jagaan kerajaan negeri di mana Yang Berhormat EXCO menjadi bosnya. Yang kedua *since* dengan izin saya diberi peluang bercakap saya ingin memohon bantuan daripada Yang Berhormat Bukit Lanjan selaku EXCO pelancongan, di kawasan saya di Taman Templer baru-baru ini kita memang dengar tentang kolam air panas. Kolam air panas ini di Batu 15, Rawang di mana *its* (dengan izin) *Natural Hot Spring* di mana ramai orang awam bukan sahaja di Selangor tetapi walhal sejauh Perlis pun datang untuk mengguna pakai kawasan tersebut. Saya tidak tahu sebelum ini tetapi bagi saya menjadi wakil rakyat di DUN Taman Templer saya akan pastikan tidak ada mana-mana tempat semula jadi alam semula jadi akan diguna pakai untuk kepentingan sendiri. Contohnya saya terkejut

baru-baru ini dinaikkan papan tanda. Papan tanda yang mengatakan bahawa kawasan itu akan dibangunkan sebagai kondominium. Kalau perkara ini berlaku seperti mana yang telah berlaku di *Hot Spring* Setapak di mana orang-orang yang menduduki kondominium itu sahajalah yang akan dapat manfaat terus daripada projek tersebut. Maka saya rasa kalau boleh saya telah maklumkan kepada Bahagian Perancangan, Majlis Perbandaran Selayang supaya mengambil kira supaya kalau boleh saya akan berikan sokongan seratus peratus untuk memberhentikan projek tersebut kerana kalau projek ini dijalankan juga maka satu *revenue* ataupun satu pusat pelancongan di Negeri Selangor akan terpusus begitu sahaja. Sekian.

Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING : Terima kasih Yang Berhormat Taman Templer. Mengenai soalan yang pertama maksud saya adalah saluran pengurusan RM 1 juta yang dahulunya diberikan kepada, sekarang juga saya rasa diberikan kepada Majlis Tindakan Pelancongan Negeri Selangor dulunya dipengerusikan oleh EXCO Pelancongan Negeri Selangor sekarang dipengerusikan oleh Yang Berhormat Taman Templer. Jadi pengurusan dana tersebut adalah tanggungjawab Yang Berhormat bukan tentang projek-projek pembangunan ataupun projek-projek RMK 9 yang sedang dijalankan. Keduanya, saya amat gembira bahawa Yang Berhormat Taman Templer bersependapat dengan saya kerana dua bulan yang lalu apabila saya menerima berita yang sama, saya juga telah menulis satu surat kepada Majlis Perbandaran Selayang untuk menanyakan mereka mengapa satu tapak, bukan saja tapak pelancongan tetapi dengan izinnya *Natural Resource* yang untuk orang awam diberi, kononnya diberi kepada pihak swasta. Jawapan MPS adalah walaupun kondominium itu akan dibina dibangunkan tetapi kolam air panas itu akan diserahkan balik kepada MPS. Saya harap janji itu akan ditunaikan dan saya rasa Yang Berhormat Taman Templer dan saya juga bersama-sama akan memantau tentang kes ini. Saya juga rasa Yang Berhormat Taman Templer bahawa mungkin Yang Berhormat duduk di barisan yang salah, saya rasa di sini lebih sesuai untuk Taman Templer (dewan menepuk meja). Ahli-Ahli dewan yang dikasihi, saya ingin kalau boleh mengakhiri secepat mungkin kerana masa pun tidak cukuplah saya rasa. Hala tuju tenaga alternatif atau (dengan izin) *renewable energy* merupakan penjimatan kos dan juga mesra kepada alam sekitar. Kini tenaga angin hanya memakan separuh kos daripada menjana tenaga nuklear. Kita boleh menjangka tenaga solar adalah semurah dalam sepuluh tahun yang akan datang. Walau pun Negeri Selangor tidak mempunyai potensi yang kuat dalam menjanakan tenaga angin tetapi kita harus memikirkan dan berusaha dalam tenaga alternatif campuran yang terdiri daripada tenaga mini hidro dan solar khususnya apabila kilang pembuatan sel '*folto-votage*' yang ungu iaitu *quesel* bertapak di Selangor. Saya ingin juga maklumkan kepada dewan bahawa Persatuan Orang Asli Semenanjung Malaysia cawangan Selangor telah mengadakan satu perjumpaan khas dengan saya dan tadi Yang Berhormat Kajang telah menanya apakah dan juga Kota Damansara juga menanyakan apakah peranan Negeri Selangor kepada Orang Asli di Selangor. Pada pendapat saya, walau pun kita mempunyai niat yang baik iaitu kita ingin membasmi kemiskinan orang asli, kita ingin membangunkan perkampungan orang asli tetapi permintaan yang asas Orang Asli Selangor bukan untuk dana, bukan beras tetapi tanah. Saya ingin merujuk kepada maklumat tanah daripada Jabatan Hal Ehwal Orang Asli JHEOA di Negeri Selangor yang di mana terdapat seluas 7,000 lebih hektar tanah yang dimiliki oleh Orang Asli daripada jumlah ini didapati seluas lebih kurang 4596.11 hektar tanah Orang Asli yang telah dipohon untuk diwartakan. Tetapi masih sampai sekarang belum diluluskan. Manakala seluas 1213.3 hektar tanah lagi yang telah diluluskan tetapi belum diwartakan. Jadi kerajaan Negeri Selangor akan mengambil kesempatan penggal ini untuk berbincang dengan lebih terperinci dengan wakil-wakil Orang Asli

tentang tanah yang sepatutnya diwartakan tetapi sekarang belum diwartakan. Dan kita kerajaan Negeri Selangor juga telah menubuhkan satu *task force* orang asli yang dipengerusikan oleh Yang Berhormat Kota Damansara. Yang Berhormat-Yang Berhormat sekalian, saya ingin mengakhiri ucapan penggulungan saya dengan menyatakan bahawa kepentingan memelihara alam sekitar ini bukanlah asing pengekalan kawasan simpan atau HEMA merupakan amalan Islam sejak zaman Rasulullah di dalam Al-Quran Allah berfirman surah Ibrahim ayat 32 ke 34 tafsirnya “Allah jualah yang menciptakan langit dan bumi dan menurunkan hujan dari langit lalu mengeluarkan air hujan itu buah-buahan untuk dijadikan makanan bagi kamu dan ia yang memberi kemudahan kepada kamu menggunakan kapal-kapal untuk belayar di laut dengan perintahnya. Juga yang memudahkan sungai-sungai untuk kamu mengambil manfaat dirinya ia juga yang menjadikan matahari dan bulan sentiasa beredar untuk kepentingan kemudahan kamu dan yang menjadikan malam dan siang bagi faedah hidup kamu dan ia telah memberi kepada kamu sebahagian dari tiap-tiap apa jua yang kamu hajati dan jika kamu menghitung nikmat Allah nescaya lemahlah kamu menentu bilangannya. Sesungguhnya manusia yang ingkar sangat suka menempatkan sesuatu pada bukan tempatnya lagi sangat tidak menghargai nikmat Tuhannya”. Sekian, terima kasih.

TUAN SPEAKER : Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, memandangkan peruntukan peraturan 66 sub 2 yang mengehendaki Rang-rang undang pembekalan diputuskan pada selewat-lewatnya 12.00 tengah hari esok, dan memandangkan ramai lagi ahli EXCO ingin menjawab, saya meminta mempersilakan Yang Berhormat EXCO untuk membentangkan usul melanjutkan masa sehingga 5.30. Dipersilakan.

Y.B. PUAN TERESA KOK SUH SUM : Tuan Speaker dan Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, saya bagi pihak Menteri Besar ingin membawa satu usul yang berbunyi seperti berikut “ bahawasanya dewan yang bersidang pada hari ini mengikut syarat perenggan sebelas dan 26(4) Peraturan Tetap Dewan Undangan Negeri Selangor hendaklah menyambung persidangan pada hari ini sehingga jam 5.30 petang.

Y.B. PUAN DR. HALIMAH BINTI ALI : Tuan Speaker saya sokong.

TUAN SPEAKER : Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, usul ini telah disokong saya kemukakan untuk mendapat persetujuan. Ahli-Ahli Yang Berhormat sila katakan ya, (dewan menjawab ya) Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila katakan tidak. Di persetujui. Sebelum saya mempersilakan EXCO selanjutnya memandangkan usul ini, rang Undang-Undang pembekalan hendaklah diputuskan pada hari keempat selewat-lewatnya pukul 12.00 jadi kita mempunyai masa hanya 2 jam saya meminta semua EXCO yang akan menjawab meringkaskan ucapan pada 15 minit hingga 20 minit, dipersilakan Batu Tiga.

Y.B. PUAN RODZIAH BT. ISMAIL : Terima kasih Tuan Speaker dan Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian. Saya cuba ringkaskan ucapan saya penggulungan saya pada petang ini. Saya mengucapkan tahniah kepada Dato’ Menteri Besar yang telah membentangkan bajet julung-julung kalinya oleh kerajaan selain daripada kerajaan Barisan Nasional iaitu bajet Kerajaan Pakatan Rakyat. Bajet yang berhemah dan yang berimbang ini dan juga realistik ha ini mengambil kira semua agenda sama ada ekonomi, pembangunan fizikal, insan dan juga sosial dan tidak lupa kebajikan. Terima kasih saya kepada Yang Berhormat yang telah menyentuh dan memberi pandangan-pandangan isu-isu yang berkaitan jawatankuasa di bawah saya baik dalam soalan-

soalan mulut dan juga bertulis. Kebanyakan isu yang disentuh berkaitan dengan isu kebajikan seperti warga emas, orang kurang upaya dan pengurusan sedikit isu wanita dan sedikit disentuh isu di bawah Sains dan Teknologi yang saya dapati tadi Dato' Hassan Ali telah pun menjawab iaitu isu *blind spot*. Pertamanya saya ingin menyentuh tentang isu wanita. Saya dapati ramai Yang Berhormat tidak menyentuh berkaitan dengan isu-isu wanita di dalam perbahasan bajet 2009 ini kecuali Yang Berhormat wanita sahaja yang berminat. Walau bagaimanapun izinkan saya menyentuh beberapa isu berkaitan wanita yang tertera di dalam bajet ini yang dibentangkan oleh Dato' Menteri Besar. Pertamanya dengan isu berkaitan tentang 90 hari cuti bersalin. Dalam usaha memperkasakan golongan wanita dan keluarga saya menyokong penuh pengkajian berkaitan 90 hari cuti bersalin kerana di negara maju seperti Australia bukan sekadar 9 hari cuti bersalin telah diberikan tetapi *paid leave* ini telah diberikan sebanyak setahun tuan-tuan Yang Berhormat sekalian. Tuan Speaker izinkan saya menerangkan pertimbangan memberi 90 hari cuti bersalin ini mendapat sokongan daripada kajian perubatan yang menyatakan setiap ibu sepatutnya mempunyai masa yang secukupnya di rumah dengan anak yang baru lahir sementara beliau kembali pulih dan boleh mengukuhkan rutin pemberian susu badan selain mewujudkan *bonding* ataupun ikatan yang erat antara ibu dan anak juga mana ini akan mendorong kepada kesihatan terbaik pada kedua-duanya. Bagi anak-anak pula dalam masa 3 bulan, bayi telah pun mempunyai *pattern* tidur dan makanan yang teratur. Jadi ini penting, saya jelaskan supaya perkara ini dapat difahami oleh Tuan Speaker, Yang Berhormat sekalian dan juga sesiapa yang berada di dalam dewan ini supaya ha apa ye pemahaman tentang kepentingan 90 hari ini tidak disilap silap faham maknanya ye. Selain daripada itu imunisasi bayi juga...

TUAN SPEAKER : Yang Berhormat, Teratai ingin meminta laluan.

Y.B. PUAN RODZIAH BT. ISMAIL : Silakan.

Y.B. PUAN LEE YING HA : Saya cuma nak tanya Yang Berhormat Exco tentang melanjut menerangkan itu Australia punya polisi yang memberikan *paid leave* selama satu tahun sebab saya yang lepasan *graduate* di Australia saya didapati bahawa itu satu tahun tidak dibayar. Itulah mereka kumpulan wanita sekarang memperjuangkan untuk mendapatkan haa.. sedikit ha apa itu sumbangan dari kerajaan. Jadi saya berharap boleh menerangkan sikit tentang itu *paid leave*.

Y.B. PUAN RODZIAH BT. ISMAIL : *Paid leave* ni adalah satu memang sepatutnya diberikan sehingga 90 hari satu tahun tidak dibayar tetapi sekarang ini kerajaan ataupun Australia telah mengamalkan 6 bulan tuan-tuan, puan-puan. Saya rasa itu satu pendekatan ataupun usaha-usaha untuk memperpanjangkan cuti untuk wanita selepas dia bersalin. Tapi saya rasa ha....itu telah boleh saya jelaskan.

Y.B. TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR : Tuan Speaker, boleh saya mencelah.

TUAN SPEAKER : Ya.

Y.B. TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR : Ha .. memang kita tengok pemberian 90 hari ini adalah lebih baik tetapi di dalam Islam dalam ayat Al-Quran ada menyebut '*Azubillahiminashatonirrajim..Wa'ulatihmaliirabiknawauladahunnahauwilainikaimilaim*' yang terlebih baik maknanya ibu-ibu yang mengandung yang telah melahirkan anak tu dia menyusukan anaknya sampai genap 2 tahun. So bagaimana untuk menyesuaikan

supaya ibu dapat memberi susu anak dia 2 tahun yang..yang..yang apa lengkap kalau dia bekerja. Terima kasih.

Y.B. PUAN RODZIAH BT. ISMAIL : Atas dasar itulah kita memikirkan supaya memberi cuti 90 hari sebab apa dalam masa tiga bulan ini jika diberikan daripada awal lahirnya anak itu diberikan *pattern* penyusuan yang tetap penyusuan itu boleh diteruskan boleh diteruskan selama paling kurang 2 bulan eh 2 tahun. Sebab yang menjadi masalah sekarang ini dalam tempoh dua bulan, anak-anak tidak dapat lagi *pattern* tersebut. Atas dasar itu wanita terpaksa memberhentikan susu badan dan anak-anak tidak dapat meneruskan susu badan tersebut. Ditambahkan lagi taska-taska sekarang tidak banyak dilaksanakan di agensi-agensi kerajaan ataupun swasta. Jadi perkara ini tidak dapat diteruskan. Jadi saya rasa cadangan ataupun pandangan daripada ha.. apa ni Bangi.. Yang Berhormat Bangi memang bagus tetapi 3 bulan ini telah membuktikan sudah cukup untuk *pattern* itu diteruskan.

Y.B. TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR : Tuan Speaker kalau tak silap ada rancangan-rancangan untuk didirikan benda ni pejabat-pejabat tempat ibu-ibu anak-anaknya diasuh dan ibu dapat memberi susu waktu rehat ini. Bagaimana rancangan ini ada ke cadangan untuk diadakan.

Y.B. PUAN RODZIAH BT. ISMAIL : Yang Berhormat Bangi, perkara ini bukan sahaja cadangan telah pun di aktakan ataupun telah di enakmenkan supaya diguna pakai, malangnya saya lihat di Negeri Selangor ini sendiri banyak lagi pejabat-pejabat kerajaan yang tidak mengimplementasikan perkara ini. Jadi saya rasa ini di antara portfolio di bawah saya yang saya akan teruskan penguatkuasaan tentang perkara ini. Jadi izin saya meneruskan. Saya juga ingin menyatakan walau bagaimanapun saya dapat tahu ataupun saya sudah mula mendengar timbul keresahan kepada pihak majikan tentang perkara ini iaitu kononnya cuti 90 hari ini akan mengakibatkan gangguan tugas dan ada yang memilih untuk tidak menerima pekerja wanita sebagai keutamaan mereka. Saya mengharapkan cuti 90 hari ini tidak mengundang diskriminasi kepada kaum wanita tetapi dipandang dengan lebih baik dalam sudut yang baik yang telah pun saya terangkan daripada awal lagi. Oleh itu saya mencadangkan untuk memberi alternatif kepada kerisauan ini kepada semua majikan supaya saya mencadangkan supaya penghayatan 5 hari bekerja 7 hari perkhidmatan yang mula yang boleh mula diimplementasikan dengan masa anjal atau *flexi hours* dengan izin dan tidak semestinya setiap pekerja itu boleh bekerja hanya dari pejabat. Tetapi di era ICT dan telekomunikasi yang canggih ini membolehkan wanita masih produktif dalam menyumbang kepada pembangunan negara walaupun di luar pejabat. Dalam makna kata yang lain, duduk di rumah pun tugas pejabat boleh diselesaikan. Tentang isu cuti 14 hari kepada suami yang isterinya bersalin, pertimbangan ini juga amat baik, saya lebih memandangi perkara ini dari sudut yang positif walaupun Yang Berhormat Taman Medan ataupun Puan Speaker sekarang ini ada menimbulkan keresahan tentang disalah gunakan cuti ini, tetapi saya yakin demi untuk mengutamakan keutuhan institusi keluarga, setiap lelaki yang bergelar suami akan menggunakan kesempatan ini untuk menjaga isteri yang mereka sayangi semasa isteri dalam proses kembali pulih kesihatannya dan menyesuaikan dengan bayi yang balut baru lahir. Laungan 'Rumahku Syurgaku' barulah boleh dimanifestasikan. Tapi ingat saya juga menyokong Taman Medan agar suami tidak menggunakan cuti ini sewenang-wenangnya untuk menghabiskan untuk kesempatan lain terutama suami-suami yang berpoligami. Ingat, ingatan ini saya berikan kepada semua Yang Berhormat yang ada.

Y.B. PUAN LEE YING HA : Puan Speaker, boleh minta laluan.

PUAN SPEAKER : Silakan Teratai.

Y.B. PUAN LEE YING HA : Saya sedikit sahaja. Saya cuma nak tau bagaimana pihak kerajaan boleh mengatasi masalah daya persaingan jikalau kalau katakan seorang wanita dia hamil setiap tahun dengan mungkin 10 orang anak dan suaminya juga dapatkan cuti selama 14 hari setiap tahun jadi adakah ini akan mempengaruhi ha.. itu daya persaingan rakyat di Negeri Selangor, sekian.

Y.B. PUAN RODZIAH BT. ISMAIL : Terima kasih Teratai, itulah yang saya katakan tadi bahawa kerisauan ini telah mula timbul, tetapi kerisauan ini boleh diatasi dengan kita mula memikirkan tentang alternatif *flexi hours* dan alternatif kepada 5 hari bekerja dan 7 hari perkhidmatan yang dilaungkan. Jadi kita kena mula ataupun Kerajaan Negeri saya mencadangkan Kerajaan Negeri Selangor terutamanya mulakan ha.. apa ni agenda ini supaya tidaklah menjadikan alasan cuti-cuti ini sebagaimana untuk semua pekerja ataupun kakitangan kerajaan ataupun swasta tidak produktif dalam ha dalam pekerjaan mereka. Izinkan saya teruskan tentang isu pertimbangan cuti ha.. bukan ini dah selesai ya.. Pertimbangan cuti sebulan pada wanita yang kematian suami. Wajar pada saya kerana pengalaman saya mengendalikan ibu tunggal ya tuan-tuan Yang Berhormat. Kebanyakan mereka sememangnya memerlukan tempoh bagi menguruskan rumah tangga dan mengambil alih tugas kepimpinan keluarga di samping menstabilkan emosi akibat kehilangan suami yang tercinta. Atas kepentingan keluarga, saya juga turut menyokong Tuan Speaker semalam agar pertimbangan cuti kepada suami yang kematian isteri kerana saya memandangkan di sudut pertanggungjawaban dengan ini dapat dia memastikan anak-anak diuruskan dengan baik. Tetapi cadangan cuti ini hanya untuk suami yang bergelar bapa ataupun bapa tunggal. Tidak kepada suami yang tiada anak. Pada dasarnya institusi keluarga mesti diutamakan supaya anak-anak yang mendapat cukup perhatian, kasih sayang dan penjagaan akan menjamin keluarga yang sejahtera. Izinkan juga saya menyentuh beberapa pelan wanita di bawah portfolio saya. Inginkan saya maklumkan di sini bahawa pada masa ini draf pelan tindakan wanita dan keluarga telah pun siap dirangka. Pelan ini akan meliputi semua aspek yang berkaitan dengan wanita dan keluarga seperti hal kebajikan yang berkaitan dengan suri rumah, wanita usia emas, wanita berkerjaya, usaha wanita, ibu tunggal dan golongan remaja. Walau bagaimanapun Kerajaan Negeri melalui Jawatankuasa Tetap Hal Ehwat Wanita akan mengadakan bengkel untuk mendapat maklum balas tambahan terlebih dahulu daripada NGO dan NGI supaya pelan ini akan lebih mantap dan pelan ini akan ha...akan di apa ya dirangka akan dilancarkan pada awal tahun depan. Pada tahun 2009 ini juga anggaran sebanyak 800,000 ribu telah diperuntukkan di bawah Jawatankuasa Tetap Hal Ehwat Wanita dalam usaha memperkasakan golongan wanita. Di samping itu sebanyak RM500,000 ribu dijangka akan diperuntukkan dalam bajet pembangunan yang akan digunakan bagi tujuan program-program yang memberi banyak faedah dan manfaat kepada golongan wanita tanpa mengira usia mahupun status wanita itu sendiri. *Gender budgeting* dalam majlis dialog yang telah dikemukakan dalam bajet pada kali ini saya merasakan amat baik oleh Jawatankuasa Tetap Hal Ehwat Wanita akan bekerjasama dengan Jawatankuasa tetap yang lain termasuk agensi kerajaan yang berkaitan dalam aspek pembangunan wanita dengan menggunakan peruntukan sedia ada dari agensi-agensi yang terlibat. Tuan Speaker, Puan Speaker dan Ahli-Ahli Yang Berhormat yang ada sekalian, izin saya menyentuh tentang Hal Ehwat Kebajikan. Kerajaan Pakatan Rakyat memulakan pengambilan ataupun mengambil alih Negeri Selangor yang telah membawa satu

konsep urus tadbir, pada mulanya ramai tidak memahami iaitu Merakyatkan Ekonomi Selangor dan pada sidang DUN ini, satu paradigma yang menuntut kefahaman dari semua iaitu Selangor Maju Rakyat Mewah telah diperkenalkan oleh Dato' Menteri Besar yang mana satu pada saya satu konsep yang benar-benar berpandangan jauh. Hari ini kita mula memahami maksud mewah yang diketengahkan iaitu konsep kesamaan dalam merasakan kemewahan untuk diagihkan dibuka seluas mungkin kepada semua rakyat. Peluang ini dibuka seluas-luasnya. Konsep mewah ini lahir dari pemikiran yang mana bukan untuk memberi sedekah atau bantuan semata-mata sahaja tetapi menjuruskan kepada meningkatkan pendapatan rakyat tiada lagi yang miskin supaya akhirnya sehingga tiada ada yang menerima zakat ataupun bantuan-bantuan daripada kerajaan negeri. Oleh itu adalah keutamaan pertolongan mestilah berasaskan satu *indication* yang mana garis kemiskinan telah pun diletakkan sebanyak seribu RM 1,500. Oh saya ingin juga menimbulkan mengapa ya semalam saya tidak faham Kuang, Yang Berhormat Kuang menyatakan bahawa dengan meletakkan *indication* ataupun *indicator* sebanyak 1,500 ini seperti menoleh ke belakang. Bagi saya *indicator* ini sebenarnya satu tanda aras yang sebenarnya jauh pandang ke depan untuk menjamin, menjamin rakyat di Negeri Selangor ini berpendapatan ataupun dibantu supaya diper..per..per apa berpendapatan lebih baik. Dengan ini saya juga, jadi penyelesaiannya jika kita telah tengok bila pendekatan ini ataupun para paras tanda kemiskinan ini telah diletak jadi 30% peningkatan kemiskinan telah pun ada. Jadi itu adalah sewajarnya ataupun adalah wajarnya saya menggabungkan dua perkataan iaitu *welfare and work* ataupun dengan izin *welfare and work* dengan izin haa... atau nama singkatnya *workfare* yang digunakan sekarang di peringkat antarabangsa yang membawa maksud bermula dengan bantuan dan pertolongan akhirnya kepada memperoleh memperoleh pekerjaan dan pendapatan. Jadi istilah *workfare* ini mestilah mula kita fahami supaya akhirnya setiap Yang Berhormat yang ada dan semua yang ingin memberi bantuan membantu rakyat yang di bawah ke paras kemiskinan di Negeri Selangor ini keluar daripada kemiskinan tersebut. Puan Speaker, walau bagaimanapun ingin saya nyatakan *data base* atau kemas kini data merupakan cabaran besar dalam memastikan jumlah bilangan mereka-mereka yang 30% bawah kemiskinan ini. Oleh itu saya ingin nyatakan bahawa pengumpulan *data base* peringkat kedua sedang diusahakan. Peringkat pertama bahawa setiap kategori kumpulan telah pun dibuatkan secara berasingan. Kalau zakat, zakatnya kebajikan ada data sendiri, OKU, ibu tunggal dan sebagainya. Tetapi fasa kali dua kali ini sedang diusahakan supaya percantuman kesemua *data-data base* ini ke dalam *data base* yang lengkap supaya harapan kita supaya dengan ini sasaran pengurangan kemiskinan tahun demi tahun dapat dirancang dengan lebih teliti.

Puan Speaker dan Ahli-ahli yang Berhormat sekalian. Cabaran saya ingin menjawab sebenarnya, cabaran urus tadbir Jabatan Kebajikan Masyarakat yang telah ditimbulkan daripada Yang Berhormat Batu Caves, Kampung Tunku dan Sungai Burong, iaitu dalam peruntukan kebajikan. Peruntukan kebajikan saya ingin memaklumkan di sini bahawa ada dua sumber peruntukan iaitu dalam 11 bantuan yang diberikan 7 adalah peruntukan Persekutuan dan 4 daripadanya adalah peruntukan Negeri. Jadi ini beberapa cabaran telah saya telah pun hadapi iaitu disebabkan perkara ini Pegawai Kebajikan mendapat dua arahan iaitu satu daripada Persekutuan dan satu lagi daripada Negeri. Lebih membingungkan bilamana terdapat percanggahan arahan daripada kedua-duanya. Ada yang mengatakan begini, Menteri cakap macam ni dan EXCO bagi arahan begini. Seperti mana yang telah ditimbulkan oleh Batu Caves bilamana borang-borang peruntukan atau bantuan ini kalau daripada Persekutuan mesti diarahkan untuk mengambil dari ADUN-ADUN BN sedangkan perkara ini tidak ada diterakan dalam peruntukan ini kerana jika tidak diletakkan tandatangan ADUN-ADUN BN maka perkara

ini atau bantuan tersebut tidak akan diperolehi. Jadi ini adalah amalan atau yang diamalkan oleh Kerajaan Barisan Nasional yang turun ke temurun yang saya nampak mengugut serta menakut-nakutkan sehingga Pegawai Kerajaan menikus dan tidak dapat melaksanakan tanggungjawab dengan baik. Jauh sekali untuk mengambil kira pandangan pegawai yang ada kalanya jauh lebih bernas daripada mereka yang memberi arahan itu sendiri. Jadi saya amat kecewa dan memohon supaya dihentikan amalan ini dengan serta-merta dan ingat rakyat Negeri Selangor telah memilih Pakatan Rakyat bukan Barisan Nasional oleh itu keadilan mesti diberikan.

Y.B. TUAN LAU WENG SAN : Minta penjelasan Puan Speaker.

PUAN SPEAKER : Sila ringkaskan soalan.

Y.B. TUAN LAUN WENG SAN : Terima kasih Puan Speaker. Ingin saya tanya satu soalan sahaja. Memandangkan kebanyakan peruntukan itu datang dari Persekutuan, jadi saya ingin tanya, bila kita mengalami kebuntuan adakah kita perlu bawa kes ini kepada Persekutuan dan desak mereka untuk lepaskan. Sebab selama ini saya ingat saya hanya berurusan dengan Pejabat Kebajikan di peringkat daerah, kalau saya tahu itu disebabkan oleh masalah di peringkat Persekutuan, maka saya tahulah ke mana kita kena pergi. Terima kasih.

Y.B. PUAN RODZIAH BT ISMAIL : Ok. Saya mencadangkan Kampung Tunku jika perkara ini berlaku, mengemukakan aduan ini kepada saya dan saya sendiri sekali akan berjumpa dengan Kementerian tersebut supaya menguruskan perkara ini dengan baik. Saya ulang bahawa mereka kena mengiktiraf bahawa Pakatan Rakyat adalah negeri atau kerajaan yang telah dipilih oleh negeri ini. Cabaran saya yang kedua, Yang Berhormat Puan Speaker, Jabatan Kebajikan amat kekurangan dari banyak perkara kekurangan kakitangan, berkongsi meja, komputer yang jauh lebih terkebelakang dan ruang-ruang *office* yang sempit. Jadi bukan Jabatan Agama sahaja yang menghadapi masalah ini sebenarnya Jabatan Kebajikan juga menghadapi masalah yang sama. Jadi nasib saya dengan Dato' Hassan Ali sama saja sebenarnya kan. Jadi bagaimana kita bayangkan dahlah isu-isu kebajikan ini selalunya menuntut *stress* yang agak atau *level* emosi yang agak tinggi tetapi bila keadaan ini ditambah dengan suasa kerja yang tidak baik, maka di sinilah sebenarnya saya ingin nyatakan tidak mustahil timbulnya pengurusan yang tidak cekap atau pun yang tidak efisien sebagaimana yang diterakan dalam piagam piawai yang dinyatakan. Satu lagi ingin saya nyatakan di sini tentang berkaitan tanda aras kemiskinan. Ingin nyatakan di sini bukan sahaja guru-guru SRA yang akan termasuk dalam mereka yang bawah tanda aras kemiskinan tetapi guru-guru Taska, guru-guru tadika malah majoriti pegawai kerajaan sendiri iaitu kalau ikut statistik di bawah tangan saya ini, bahawa kalau diikutkan jumlah penjawat awam yang berada di bawah 1,500 ke bawah adalah dianggarkan sebanyak 13,562 orang. Cuba bayangkan kalau di Selangor sahaja 13,562 orang ini yang dulunya kita ingat dalam keadaan yang selesa tapi sebenarnya bila ditingkatkan tanda aras ini mereka jatuh di bawah tanda aras kemiskinan. Dan jika salah seorang sahaja yang bekerja dalam keluarga tersebut alangkah perkara ini satu perkara yang perlu kita ambil beratkan. Oleh itu satu langkah yang sedang saya teliti untuk memastikan bukan sahaja untuk kakitangan kerajaan tetapi rakyat di bawah rakyat yang berpendapatan di bawah 1,500 direncanakan program-program yang akan meningkatkan pendapatan mereka.

Seperkara lagi saya ingin ingatkan bahawa jika Pakatan Rakyat mengambil alih Persekutuan, saya percaya akan ramai yang dapat dibantu dari tanda kemiskinan ini

kerana janji Pakatan Rakyat untuk memberikan minimum gaji 900 ringgit dan cola RM 300 akan dilaksanakan. Sekali lagi perlu dinyatakan di sini bahawa tanda aras Persekutuan dan juga Negeri Selangor amat berbeza. Tanda aras Persekutuan menyatakan bahawa tanda kemiskinan baru ini dinaikkan daripada 660 kepada 750 jadi ini hanya separuh dari tanda aras yang diletakkan oleh Kerajaan Negeri. Oleh itu sekali lagi di bawah portfolio kebajikan menghadapi kesukaran kerana di bawah peruntukan Kerajaan Persekutuan tanda aras digunakan 750 jadi 7 daripada peruntukan ini. kemungkinan ramai daripada yang layak di negeri Selangor tetapi tidak layak mendapat peruntukan tersebut. Jadi insya-Allah saya menggesa supaya tanda aras kemiskinan ini disegerakan, disamakan dan diseragamkan oleh Kerajaan Federal. Itu saja saya ingin nyatakan tetapi sebelum itu saya ingin menjawab saya beberapa isu warga emas, iaitu Sungai Burong telah menimbulkan bahawa peruntukan tidak dapat diberikan atau hanya diberikan kepada orang PAS baru-baru ini sedangkan orang BN tak dapat. Saya ingin nyatakan Kerajaan Barisan Nasional telah pun memerintah selama 51 tahun, orang Barisan Nasional telah dapat 51 kali apa salahnya orang PAS baru dapat sekali. Jadi sebab kita tahu bahawa saya yakin Insya-Allah ADUN Pakatan Rakyat akan memastikan dan sentiasa mengamalkan prinsip kesaksamaan dan keadilan kerana ini prinsip yang kami sokong. Saya tak boleh izinkan masa saya sedikit.

Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS : Puan Speaker minta penjelasan.

Y.B. PUAN RODZIAH BT ISMAIL : Saya tak izinkan sebab masa saya sedikit.

Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS : Minta penjelasan saja sedikit.

PUAN SPEAKER : Saya tak benarkan sebab kita kesuntukan masa.

Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS : Sikit pun tak boleh fasal dia fikirkan Sungai Burong jadi saya nak nyatakan fakta.....

PUAN SPEAKER : Sungai Burong.... apabila Pengerusi sedang bercakap, tolong duduk dulu dengar dulu penjelasan EXCO...

Y.B. PUAN RODZIAH BT ISMAIL : Saya faham apa yang ditanya maksud saya di situ pada tahun ini maknanya yang diperjelaskan oleh Dato' Hassan Ali yang lepas sebelum ini mereka tidak pernah ambil kira individu atau pun rakyat selain daripada penyokong Barisan Nasional untuk diberikan bantuan. Tetapi amalan ini saya yakin semua Yang Berhormat Pakatan Rakyat tidak mengamalkannya buat kali ini berikan kepada mereka yang belum pernah mendapat dan kebanyakannya adalah daripada penyokong-penyokong Pakatan Rakyat. Dan juga isu warga emas ingin saya teruskan bahawa saya ingin memperbetulkan Sungai Panjang semalam yang menyatakan bahawa Rantayan Mesra Sdn. Bhd. telah diberikan untuk menguruskan masalah takaful, isu takaful atau pun syarikat takaful. Saya ingin menyatakan bahawa Rantayan Mesra Sdn. Bhd. adalah anak syarikat Kerajaan Negeri bukan Syarikat Takaful jadi tak ada isu buka tender dan sebagainya sebagaimana yang disalahfahamkan oleh Sungai Panjang itu. Dan tentang berkaitan dengan isu warga emas, saya merasakan mekanisme pembayaran yang diolah oleh ADUN adalah tidak membebankan kerana kita telah pun mengambil kira kerana sekarang ini kita tahu jika berlaku kematian, kita dalam perjanjian kita dengan warga emas, bahawa jika berlaku kematian kita akan keluarkan dalam masa 24 ke 48 jam 1,000 ringgit kepada penama, kepada warga emas tersebut. Tetapi bayangkan jika perkara ini berlaku pada hari Sabtu, Ahad dan hari-hari cuti am

maknanya pengeluaran duit tersebut tidak dapat dilaksanakan. Jadi atas dasar itu kita menggunakan pendekatan pembayaran itu dibayar melalui ADUN supaya memudahkan ADUN sendiri dan ADUN tidak mengeluarkan duit permulaannya. Dan saya yakin taklimat telah pun saya berikan sebanyak 4 kali dan skim ini telah jelas dan saya mendapat tahu ramai Ahli-ahli Yang Berhormat telah pun mula memahami walaupun dalam proses pemberian kemasukan kewangan ada kegusarannya. Itu sahaja yang ingin nyatakan Puan Speaker. Sekian terima kasih.

PUAN SPEAKER : Seri Andalas

Y.B. TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM : Terima kasih Puan Speaker. Puan Speaker walau pun tugas saya sungguh mencabar tetapi saya rasa gembira dapat berkhidmat di kalangan orang-orang miskin memberi bantuan kepada mereka yang memerlukan. Ini kerana saya dapat membawa keceriaan dalam kehidupan masyarakat yang kurang bernasib baik itu. Tugas ini begitu mencabar kerana saya perlu cuba menghapuskan kemiskinan dengan cara yang paling prihatin dan tulus, menyenangkan perasaan orang ramai. Puan Speaker, kerajaan Pakatan Rakyat Selangor *committed* untuk meneruskan program prihatin rakyat dalam membela golongan miskin dan berpendapatan rendah di negeri Selangor. Dengan meningkat kos sara hidup disebabkan kenaikan harga minyak dan barangan keperluan ia menyebabkan peningkatan data kemiskinan bandar atau pun *urban poor* di negeri Selangor. Lantaran ini kita harus mencari pendekatan baru yang progresif untuk membantu golongan tersebut. Kita ingin menegaskan di sini bahawa jumlah 180 juta yang di peruntukan bagi bantuan miskin itu seperti yang disiarkan dalam akhbar tempatan baru-baru ini bukanlah peruntukan di bawah bajet 2009. Sebaliknya merupakan hasil kutipan cukai dari jualan pasir. Ini merupakan *target* kita dari hasil sumbangan kekayaan negeri yang dipulangkan kembali kepada rakyat yang memerlukannya. Jadi kita harap Y.B. Kuala Kubu Baharu dapat membezakan antara bajet Selangor 2009 dengan hasil kutipan pasir dari Syarikat Semesta Sdn. Bhd iaitu anak syarikat Negeri Selangor dan diperolehi di luar keuntungan bajet.

Puan Speaker, saya telah dengar dari Sungai Panjang mengatakan Kerajaan Negeri Selangor kena adakan pelancongan industri pelancongan kesihatan. Saya ingin nak beritahu fakta-fakta berkenaan dengan pelancong kesihatan di dalam negara kita. Puan Speaker, malangnya kalau kita ada beberapa hospital besar di kawasan kita yang tertentu kita akan adakan pembangunan sektor swasta akan membawa kemudahan kepada sektor awam kita di dalam hospital. Kalau kita nak bawak pelancong kesihatan kepada Negeri Selangor apa yang akan berlaku, hospital-hospital baru yang akan dimuatkan dengan 200 katil atau pun 300 katil, ini perlu adakan pegawai-pegawai perubatan, jururawat dengan ahli-ahli juruteknik-juruteknik *Lab Technician* dan sebagainya. Di mana mereka akan dapatkan orang-orang pekerja ini. Mereka akan mencari orang-orang ini dari hospital-hospital awam kita sahaja. Sekarang kedudukan di dalam hospital-hospital kita Puan Speaker, hanya tinggal 30% daripada doktor pakar di sektor awam. Yang lain telah di hijrah kepada sektor swasta tetapi 70% daripada rakyat kita masih bertanggung kepada hospital kerajaan. Ketidakeimbangan ini adalah punca utama kelemahan dalam sistem kesihatan awam. Dengan adakan *financial crisis* di dalam dunia sekarang dan yang akan dibanjiri oleh *financial crisis* itu akan masuk ke dalam negara Malaysia kita sendiri. Kita tahu bahawa 40% akan meningkat iaitu orang yang akan pergi ke hospital awam untuk mengadakan *treatment* ataupun cari *treatment* untuk mencari penyakit. So dengan itu sekarang kita ada masalah di hospital-hospital awam. Yang itu kita tidak cukupi pegawai-pegawai perubatan, jururawat dan

sebagainya. Kita boleh tanya mana-mana juga semua hospital-hospital di seluruh Malaysia kekurangan pegawai-pegawai yang ada untuk sekarang. So saya mintalah kalau kita nak adakan pelancongan industri, pelancongan industri untuk kesihatan di dalam sebagai satu industri pelancongan, memang boleh tetapi kita kena bagi *attention* ataupun kita kena fokus kepada apa yang kita hendak. Saya minta Kerajaan Barisan Nasional, dulu dia memiliki saham di dalam satu hospital yang itu Selangor *Medical Centre* yang telah dibina oleh Kerajaan Barisan Nasional. Fasal apa mereka pegi jual hospital itu kepada swasta. Kalau ia bandingkan itulah mustahak untuk kita adakan pelancongan kesihatan di dalam negeri Selangor, ini ialah satu masalah besar di dalam kegiatan industri kesihatan di dalam Negeri Selangor. Saya lontarkan, saya yakin yang kita boleh adakan rancangan-rancangan macam ini tetapi fokus kita ialah untuk *sub-specialty* yang kita akan adakan. Hospital-hospital kalau kita dibina melalui pelaburan-pelaburan dari luar ataupun pelaburan-pelaburan GLC kita kena adakan *sub-speciality* hospital, yang itu yang khususnya untuk satu dua *specialtynya*, contohnya satu ialah untuk *plastic surgery* sahaja ataupun contohnya lagi satu ialah untuk *pediatrik cardio surgery* sahaja. So ini boleh bawakan pelancong-pelancong dari kawasan-kawasan di luar untuk kita di Negeri Selangor.

Dan saya nak sentuhkan sedikit tentang beberapa soalan tentang peruntukan bagi mengatasi masalah denggi di dalam Negeri Selangor. Memang Selangor ialah negeri yang pertama kali yang berhadapan dengan denggi di dalam kawasan kita. Ini bermakna di samping peruntukan daripada Jabatan Kesihatan setiap PBT juga perlu menyediakan peruntukan yang mencukupi untuk mengatasi masalah denggi di kawasan mereka. PBT mestilah memperuntukkan sejumlah wang untuk program ini di tahun-tahun akan datang. Kita akan ada masalah dengan denggi, denggi tidak akan *disappear* dari kawasan kita. So saya baru-baru ini telah adakan satu seminar di mana pakar-pakar di luar dari negeri kita ada memberi penjelasan mereka macam mana mereka membuat tugas mereka masing-masing di dalam kawasan mereka. Tak lama lagi saya akan panggil mesyuarat yang akan terlibat bukan sahaja Jabatan Kesihatan tetapi Jabatan Alam Sekitar, Alam Flora, JKR dan sebagainya untuk kita ada satu *task force* untuk mencari satu penyelesaian ataupun mencari jalan baru untuk kita menghadapi dengan denggi.

Puan Speaker, saya nak masukkan kepada sektor yang kita katakan untuk pekerja-pekerja ladang di dalam Negeri Selangor. Masyarakat peladang, pekerja ladang telah bekerja bertungkus-lumus selama ini untuk membawa Negeri Selangor menjadi negeri termaju di Malaysia. Kita tidak harus lupa ladang-ladang ini membawa keuntungan kepada kepesatan ekonomi negeri dan kemajuan rakyatnya. Kita tidak boleh lupakan pengorbanan mereka. Kerajaan Barisan Nasional sejak 90 tahun yang lampau mengambil mudah dan menganggap golongan ini sekadar mendapatkan undi mereka sahaja setiap kali diadakan pilihan raya umum. Lepas pilihan raya mereka terus dilupakan. Keperluan sosial mereka tidak pernah diambil berat oleh Kerajaan Barisan Nasional sebelum ini setiap kali kawasan-kawasan estet dimajukan untuk pembangunan. Mereka dipinggirkan umpamanya setinggan. Sekarang majoriti dari mereka tergolong dalam kalangan kemiskinan bandar *urban poor* dan begitu mengharapkan bantuan Kerajaan Negeri. Sudah tiba masanya Kerajaan membersihkan dosa-dosa lampau Kerajaan Barisan Nasional. Kerajaan prihatin Pakatan Rakyat Negeri Selangor sedang dalam proses pembinaan asrama bagi anak-anak pekerja ladang. Kita akan membuatkan peruntukan bajet sebanyak RM2 juta setiap tahun bagi tujuan ini. Tabung ini sekarang kita ada RM4 juta. Pembinaan asrama ini akan mendapatkan sokongan penuh Kerajaan Negeri dan syarikat-syarikat pemilik estet

sebagai sebahagian dari obligasi-obligasi sosial ataupun *social obligation* ataupun *corporate responsibility* bagi syarikat-syarikat peladang korporat tersebut.

Yang Berhormat-Yang Berhormat, ini bukan masalah perkauman tetapi ianya merupakan masalah rakyat Malaysia yang telah sekian lampau terpinggir. So saya minta semua Yang Berhormat-Yang Berhormat untuk memberi perhatian kepada golongan-golongan pekerja-pekerja ladang di dalam kawasan kita. Dengan sekarang kita telah putuskan satu cara terbaru yang kita katakan kalau dari sekarang ada mana-mana ladang-ladang nak tukar syarat untuk menjadi kawasan-kawasan pembangunan mereka ataupun hak milik syarikat-syarikat hak milik ladang-ladang itu mesti sediakan rumah-rumah untuk pekerja-pekerja ladang sebelum tanah ini boleh ditukarkan kepada tanah pembangunan. Kita telah lakukan dua-dua estet di dalam kawasan kita; satu di Bukit Raja sekarang. Pekerja-pekerja di sana dapatkan tanah di atas mana mereka akan dirikan rumah sendiri dan juga di *Cornfield Estate* di Ijok di mana mereka telah diberikan rumah-rumah *townhouse* sebelum mereka boleh dikeluarkan dari estet. So ini yang kita buat dari Pakatan Rakyat walaupun kita tujuh bulan sahaja memerintah Negeri Selangor.

Puan, lagi satu yang saya nak bawakan isu ialah kita nampak pemberian lebih banyak kemudahan mikro kredit bagi membantu golongan miskin yang menceburi bidang perniagaan kecil-kecilan sektor pertanian dan penternak bagi membolehkan mereka keluar dari kitaran kemiskinan. Bantuan dalam bentuk-bentuk pemberian alat kelengkapan mesin dan jentera kecil akan diteruskan bagi pembantuan menaik taraf hidup golongan tersebut. Kita juga ada cadang dan akan mencadang untuk membina lebih banyak rumah-rumah untuk menempatkan orang-orang tua yang di pinggir dan pusat-pusat perlindungan sementara iaitu *halfway houses* untuk pesakit-pesakit dari HIV dan AIDS. Obligasi sosial Kerajaan Negeri, isu-isu melibatkan rumah-rumah ibadat dilihat begitu sensitif kepada orang ramai dan Kerajaan Negeri. Semua pembangunan kawasan-kawasan baru haruslah menyediakan tapak bagi bangunan ibadat kepada semua. Kita menyarankan agar semua rumah ibadat selain Islam didaftarkan dengan pihak berkuasa dan pemegang-pemegang amanah di rumah-rumah ibadat ini haruslah memainkan peranan mereka bukan sahaja sekadar menjaga kepentingan rumah-rumah ibadat masing-masing tetapi juga harus patuh kepada undang-undang dan peraturan yang ditetapkan oleh pihak kerajaan Negeri. Kita sedang berusaha untuk menyelesaikan masalah rumah-rumah ibadat yang tidak berdaftar dan tidak sah. Kita tidak perlukan kehadiran pihak-pihak tertentu yang menjadi duri dalam daging yang sering kali mengadu domba isu-isu kontroversi yang melibatkan rumah-rumah ibadat. Mereka seharusnya bekerja bersama dengan pihak kerajaan untuk mencari jalan penyelesaian yang terbaik bagi menyelesaikan masalah tersebut demi keharmonian semua. Kita telah menambah peruntukan bagi perbelanjaan rumah ibadat tersebut dan kita berharap dalam menggandakannya pada tahun-tahun yang akan datang. Saya cadangkan untuk satu sektor yang sensitif sangat untuk rumah-rumah ibadat selain dari Islam, Kerajaan Pakatan Rakyat kena sediakan satu sekretariat khususnya untuk mengadakan dan tugasnya ialah untuk pantau rekomen dan memberi bantuan untuk rumah-rumah ibadat di dalam Negeri Selangor.

Kita harus memberi keutamaan kepada sekolah-sekolah ini, sekolah-sekolah bahasa ibunda ini dan Kerajaan Negeri harus membawa bantuan kewangan kepada sekolah-sekolah berkenaan. Saya setuju semua dengan Yang Berhormat-Yang Berhormat yang melibatkan sekolah-sekolah ini ialah sekolah Tamil, sekolah Cina dan kelas-kelas Fardu Ain (KAFA). Kita merancang memberikan tanah kepada sekolah-sekolah ini tetapi

tanggungjawab memberikan lesen dan kelulusan adalah di bawah tanggungan pihak Kementerian Pelajaran. Sudah tiba masa Menteri Pelajaran sedar bahawa rakyat telah memberi mandat kepada Pakatan Rakyat untuk memerintah dan dengan menyedari hakikat ini maka adalah wajar bagi Kementerian Pelajaran bekerjasama dengan Kerajaan Negeri demi kepentingan sekolah, pelajar, ibu bapa dan guru-guru. Kita juga merancang untuk menaikkan gaji guru-guru Kelas Fardu Ain KAFA dalam masa terdekat.

Puan Speaker, saya nak katakan sedikit sebab dengan STANCO Kemiskinan. Kita selalu dengar perkataan-perkataan setinggian sifar. Apa itu, kita minta Y.B. Sungai Panjang menjelaskan, kalau dia semua tidak ada di sini sebab dia tu boleh jelaskan. Apa itu setinggian sifar bermakna menghalau penduduk-penduduk keluar dan meruntuh rumah mereka secara kekasaran, menggunakan gengster dan samseng. Salah guna dan peralatkan pihak-pihak dari kerajaan dalam proses ini, merobohkan rumah-rumah setinggian di tanah-tanah milik syarikat-syarikat swasta merupakan matlamat setinggian sifar. Seterusnya tindakan mendapatkan mereka-mereka dihalau tadi untuk tinggal secara bersedak-sesak di rumah-rumah pangsa kos rendah tidak ubah umpamanya rumah burung merpati.

Y.B. TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR : Puan Speaker, Puan Speaker, boleh saya bertanya.

PUAN SPEAKER : Tetapi saya tak benarkan soalan sekarang biar EXCO jelaskan.

Y.B. TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR : Oh tak benarkan.

PUAN SPEAKER : Kita kesuntukan masa.

Y.B. TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM : Adakah rumah-rumah burung merpati ini dianggapkan satu kejayaan setinggian sifar bekas Menteri Besar Yang Berhormat Sungai Panjang. Sekarang apa yang berlaku ialah keadaan sudah berubah. Banyak lot-lot rumah flat tersebut telah dijual kepada orang luar kerana penghuninya bekas setinggian tidak mampu membayar ansuran bulan kepada pihak bank. Banyak laporan diterima adalah sesetengahnya disewakan kepada pendatang-pendatang asing, jadi di mana keberkesanan setinggian sifar yang diwar-warkan oleh Y.B. Sungai Panjang.

Di sini saya nak ambil kesempatan untuk sentuhkan juga berkenaan isu banjir. Sebab banjir ini ia berdepan dengan orang-orang miskin dan orang yang duduk di tepi sungai. Kita tidak boleh terus memberikan alasan bila kita ada banjir di dalam kawasan kita, bahawa air pasang ataupun hujan lebat di Kuala Lumpur, Klang kena banjir menyebabkan rumah-rumah di kawasan masing-masing sering kali dinaiki air. Kita harus mempunyai perancangan yang benar-benar berkesan untuk menangani permasalahan ini. Pihak Jabatan Pengairan Air Dan Saliran, JPS dan Jabatan Kerja Raya harus bekerja erat dengan Kerajaan Selangor dalam mengatasi masalah ini secara serius. Saya harap dengan apa yang dikatakan oleh Y.B. EXCO Dato' Hassan Ali kita akan adakan satu program mungkin cepat untuk mengatasi masalah banjir di dalam kawasan-kawasan tertentu. Y.B. Speaker, saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua Yang Berhormat - Yang Berhormat yang bekerjasama dengan kita untuk mengatasi masalah pembasmian kemiskinan yang baru. Pelan Tindakan

Pembasmian Negeri Selangor yang dianggarkan bermula pada 2009 meliputi aspek-aspek seperti berikut:

Mengemas kini pangkalan data yang pentingnya sekarang kita tidak ada data keseluruhannya. Apabila kita masuk ke dalam pejabat-pejabat kita, pejabat kita semua kosong yang diketahui oleh Yang Berhormat-Yang Berhormat. Tidak ada data langsung, mengatakan di satu daerah ada berapa keluarga miskin, pendapatan mereka berapa banyak. Kalau kita ada data-data ini kemudian kita boleh merancang sesuatu program untuk setiap kawasan. So kita mesti dapatkan data-data ini. Membiayai makro kredit saya sudah katakan tadi untuk golongan miskin ini menceburkan diri di dalam bidang keusahawanan. Memperkemas aspek pembangunan pendidikan golongan miskin, meliputi kursus kemahiran, teknikal, program pendidikan awal anak-anak “ *there is earlier education invention*” dan bantuan yuran kemasukan ke IPTA, IPTS dan memperluaskan bantuan kepada aspek kesihatan golongan miskin seperti bantuan membiayai kos rawatan perubatan. Ini ialah untuk *minor-minor surgery* sebagai *katarak* dan dialisis dan sebagainya. Pada dasarnya kerajaan negeri masih meneruskan program-program pembasmian kemiskinan yang manfaat untuk diteruskan seperti program kerajaan prihatin yang memberi tumpuan kepada pembinaan dan membaik pulih rumah-rumah daif. Walau bagaimanapun program tersebut diperluaskan kepada aspek bantuan kesihatan dan pendidikan. Bagi program-program lain yang dirangka untuk dilaksanakan dan program-program seperti bantuan sewa rumah, bantuan alat dan mesin untuk perniagaan dilihat boleh membantu meningkatkan taraf ekonomi keluarga miskin. Saya minta Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) Program ini dilaksanakan di 144 PBT di seluruh Malaysia termasuk 12 PBT di negeri Selangor. Kita minta tanggungjawab Kerajaan Persekutuan untuk memberikan peruntukan kewangan untuk program-program tersebut. Kita dimaklumkan dan kita tahu bahawa Negeri Selangor membayar cukai melalui korporat dan individu tertinggi di dalam Malaysia kepada Persekutuan. Secara dasarnya Kemiskinan Bandar telah merupakan insiden kemiskinan yang wujud di kawasan bandar iaitu kawasan Pihak Berkuasa Tempatan justeru adalah menjadi tanggungjawab Pihak Berkuasa Tempatan yang berkenaan untuk memastikan program ini dilaksanakan dengan baik.

Bagi tahun 2008 sehingga 1 Ogos 2008 Selangor mencatatkan prestasi yang baik dan menduduki tempat kedua selepas negeri Sarawak dengan pencapaian perbelanjaan sebanyak RM 1.59 juta berbanding dengan RM 1.72 juta oleh Sarawak. Seramai 1,668 keluarga menikmati bantuan ini di kawasan PBT dan ini memperlihatkan keupayaan PBT untuk melaksanakan dan meneruskan program ini di samping tanggungjawab PBT sebagai penyelia pembangunan bandar.

Puan Speaker, itulah penjelasan saya dan saya ucapkan ribuan terima kasih kepada semua Yang Berhormat -Yang Berhormat. Sekian.

PUAN SPEAKER : Terima kasih. Ha Cempaka. Kita cuma ada 10 minit.

Y.B. TUAN ISKANDAR BIN A. SAMAD : Boleh sambung besok tak? Puan Speaker, boleh sambung besok.

PUAN SPEAKER : Kita kena bentang Rang Undang-Undang sebelum pukul 12.00. Jadi kalau selepas waktu pertanyaan, kita segerakan. Agak suntuk.

Y.B. TUAN ISKANDAR BIN A. SAMAD : Saya teruskan, kita tengok macam mana. Terima kasih kepada Puan Speaker dan Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian. Bajet kali ini *Bismillahi rahmani rahim*. Bajet kali ini kita tahu bertujuan untuk meningkatkan kualiti hidup rakyat. Kualiti hidup perbandaran pertamanya di perumahan bertingkat akan diberi perhatian kerana menurut akta yang baru iaitu Akta 663 menetapkan kesemua kediaman bertingkat akan ditadbirkan atau diurus akhirnya oleh penduduk itu sendiri. Apa yang dipanggil sebagai "*Joint Management Board*" atau JMB dan akhirnya "*Management Corporation MC*" yang dianggotai oleh penduduk akan menjadi badan pengurus tetapi Puan Speaker dan Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, akta ini masih baru, penduduk masih perlu dibimbing dan diberi tunjuk ajar. Tugas ini sekarang dipikul oleh Pesuruhjaya Bangunan atau "*Commisioner of Building*" yang merupakan Datuk-Datuk Bandar atau Yang Dipertua-Yang Dipertua Majlis Bandar Raya, Majlis Perbandaran dan Majlis Daerah. Masalahnya tidak ada jabatan unit yang khas untuk COB ataupun Pesuruhjaya Bangunan ini untuk menyelesaikan masalah kediaman bertingkat yang ada cuma di satu PBT sahaja iaitu Majlis Perbandaran Subang Jaya. Ada yang menumpang di Jabatan Penilaian dan ada yang menumpang di jabatan bangunan oleh itu amatlah penting atau menjadi hasrat ataupun perancangan jabatan atau sekurang-kurangnya Unit COB ini diwujudkan di semua di peringkat PBT-PBT dan tidak menumpang di jabatan-jabatan lain dengan kakitangan yang khusus untuk menyelesaikan masalah yang dihadapi oleh penduduk ataupun mereka yang duduk di perumahan bertingkat. Tetapi sehingga ini berlaku, kerajaan negeri akan melantik petugas-petugas khas di setiap PBT untuk membantu menyelesaikan masalah kediaman bertingkat. Petugas-petugas ini akan dipilih dari kalangan bekas-bekas kakitangan kerajaan dan juga ahli-ahli pertubuhan bukan kerajaan, NGO-NGO dan adalah diharapkan dengan kehadiran mereka sehingga jabatan dan unit yang khusus diwujudkan di PBT-PBT dapat membantu penduduk-penduduk dalam menyelesaikan masalah perumahan bertingkat. Seperkara lagi yang telah disentuh adalah projek-projek terbengkalai. Beberapa strategi kita lihat dan kita telah dengar tetapi yang terbaru ini adalah kita terpaksa dan merampas tanah-tanah projek-projek yang terbengkalai. 2 projek telah kita menghantar notis di Kuala Selangor dan matlamatnya adalah supaya isyarat dan amaran dapat diberi kepada pemaju-pemaju. Selama ini kita cuma menghantar surat-surat amaran sahaja. Kita memanggil mereka untuk berbincang tetapi kadangkala "*feed back*" atau maklum balas daripada mereka adalah terlalu dingin. Kali ini kita terpaksa bertindak dan kita telah menghantar notis untuk merampas tanah-tanah mereka atas kesalahan di antaranya adalah mereka tidak membayar cukai tanah. Atas kesalahan mereka melanggar syarat guna tanah dan kita berharaplah sekiranya ia dapat diteruskan ia dapat memberi peluang dan ruang kepada pemaju-pemaju atau mereka yang berminat untuk meneruskan projek tersebut. Projek-projek tersebut untuk membantu mereka yang telah membeli dan menunggu begitu lama dan tidak boleh berbuat apa-apa. Sebelum ini, Puan Speaker dan Ahli-Ahli yang Berhormat sekalian, kita ada menghubungi bank-bank supaya kelonggaran diberi kepada pembeli-pembeli. Mereka terpaksa membayar *installment* atau ansuran bulanan. Tetapi malangnya rumah mereka tak siap. Kita panggil bank supaya kita dapat membincangkan semula adakah pinjaman ini atau ansuran ini dapat dikurangkan tetapi masalah yang kita hadapi amat dingin maklum balas daripada mereka. Tetapi kita berharap dengan rampasan tanah-tanah ini kita dapat membawa bank-bank tersebut untuk berfikir 2 kali dan berbincang tetapi ini hanyalah untuk tanah-tanah kerajaan ataupun tanah-tanah yang asalnya tanah-tanah kerajaan, tanah kurnia, tanah yang telah diberi hak milik atau "*alienated land*". Pendekatan kedua yang telah diumumkan di Dewan ini Dewan yang Mulia ini pada sidang yang lepas adalah dengan kita mewujudkan "*Task Force*" atau Pasukan Khas yang dipengerusikan oleh Y.B. Hulu

Kelang, di mana kita telah memanggil ataupun membuka kepada syarikat-syarikat yang ingin untuk membangunkan projek-projek yang terbengkalai ini. Kita mahu supaya pihak swasta bersama-sama menyelesaikan masalah ini dan sememangnya banyak syarikat-syarikat telah datang telah maju ke hadapan dan bertemu dengan kerajaan negeri macam mana apakah yang perlu dilakukan dan banyak projek-projek yang telah mereka lihat dan setakat ini daripada 114 projek yang terbengkalai di negeri Selangor yang telah dikenal pasti sebagai “available” atau boleh dihidupkan semula adalah 17 dan dalam proses untuk dijalankan semuanya sudah siap untuk dijalankan sahaja ada 13 dan telah berjalan adalah 1. Kita berharap dalam masa 6 hingga 9 bulan akan datang 30 projek akan dapat kita hidupkan semula. Buat masa ini daripada 141 projek yang terbengkalai, 30 projek tolak yang telah dimajukan akan dihidupkan semula oleh swasta, 30 projek sebenarnya telah berjalan.

Y.B. Puan Speaker dan juga Yang Berhormat-Yang Berhormat sekalian, selain daripada itu kita juga meletakkan tekanan kepada pemaju-pemaju dengan kita turun sendiri. Saya turun sendiri, Ahli-ahli ataupun kakitangan daripada lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor turun sendiri untuk melawat tapak-tapak di mana kita akan memberi tekanan kepada pemaju-pemaju supaya mempercepatkan projek mereka dan ada 1 pemaju yang mempunyai begitu banyak projek-projek terbengkalai di Selangor dan apa yang kita buat adalah kita turun bersama-sama dari masa ke semasa. Kita *monitor progress* kemajuan mereka untuk memastikan terdapat kerja-kerja berlaku di tapak. Walau bagaimanapun akhirnya walaupun kita mengharapkan sektor swasta untuk menyelamatkan untuk melakukan sesuatu tetapi akhirnya kerajaan tidak boleh lepas tangan. Walaupun kita tahu bahawa ada syarikat-syarikat yang ingin memajukan tetapi akhirnya mereka tidak akan masuk kerana daripada 141 projek ini ada yang tidak “available” perlu ada “injection” ataupun perlu ada bantuan daripada kerajaan. Dan walaupun kita tidak mahu melepaskan mereka-mereka yang telah terlibat ini tetapi kita perlulah dan saya rasa GLC-GLC kita ataupun anak-anak syarikat kita seperti PKNS perlulah membantu rakyat dalam hal ini. Dan saya yakin Y.A.B Menteri Besar selepas pengurniaan PKNS GLC-GLC lain akan mengembalikan PKNS kepada matlamatnya sebenar untuk kita jadikan ia sebagai untuk membantu rakyat menghidupkan semula projek-projek yang terbengkalai ini oleh itu saya menyokong penuh apa yang telah diucapkan oleh Y.B. Hulu Kelang bahawa PKNS perlu kembali kepada matlamat asalnya tetapi perlu amat perlu proses pemurnian ini berlaku. Begitu juga dengan penyediaan rumah untuk rakyat. Kita ada undang-undang yang mewajibkan pemaju pembina rumah kos rendah, rumah kos sederhana rendah dan rumah kos sederhana tetapi berdasarkan rungutan dari pembeli-pembeli rumah sama ada dari segi rumah yang diterima tidak menepati ciri-ciri yang diperlukan ataupun pengurusannya amat mengecewakan. Kita tidak boleh mengecualikan pemaju dan menjalankan tanggungjawab sosial mereka tetapi kita tidak boleh membiarkan rakyat hidup dalam kesengsaraan. Sekali lagi saya bersetuju dengan Y.B. Hulu Kelang agar kerajaan melalui PKNS menjadi peneraju utama di dalam membina rumah kos rendah untuk rakyat. Saya sendiri dibesarkan daripada kecil hingga besar, dibesarkan di dalam rumah PKNS daripada Petaling Jaya hingga ke Taman daripada kecil hingga sungguh besar, ketawa... dibesarkan di dalam rumah PKNS dan saya rasa PKNS patut kembali untuk membantu rakyat. Tepuk...Sebagai kerajaan yang prihatin, kami mengakui bahawa reka bentuk rumah-rumah kos rendah sekarang adalah ketinggalan zaman. Ia adalah pada zaman yang 10 tahun atau 20 tahun sama ada dari segi reka bentuknya ataupun dari segi keluasannya yang tidak langsung yang 600 kaki persegi tidak cukup....

PUAN SPEAKER : Y.B. dapat ringkaskan ye.

Y.B. TUAN ISKANDAR BIN A. SAMAD : Boleh saya sambung besok.

PUAN SPEAKER : Masa sudah habis sebab Rang Undang-Undang Perbekalan 2009 perlu disebut sebelum pukul 12.00 esok.

Y.B. TUAN ISKANDAR BIN A. SAMAD : Kalau main bola pun ada "*injury time*", selalunya dalam 10 minit, 15 minit.

PUAN SPEAKER : Ok, kita bagi 2 minit.

Y.B. TUAN ISKANDAR BIN A. SAMAD : Sejumlah peruntukan telah diperuntukkan kepada Lembaga Perumahan Dan Hartanah Selangor atau LPHS untuk mengkaji semula reka bentuk rumah-rumah kos rendah dan rumah-rumah kos sederhana rendah yang sedia ada untuk menghasilkan satu reka bentuk yang lebih relevan kepada rakyat yang lebih selesa kepada rakyat. Kalu dulu hanya ditawarkan 3 bilik, dan 600 kaki persegi tetapi di masa akan datang perlu diberi pilihan yang lebih kepada rakyat.

Puan Speaker dan Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, berbalik kepada projek terbengkalai, kita sekarang menghadapi suatu keadaan ekonomi yang tidak menentu, kita takut bahawa akibat daripada ini akan berlaku berulang kembali pengalaman kita dengan projek-projek terbengkalai. Kita takut bahawa pemaju-pemaju akan membina rumah tetapi tidak ada orang akan membelinya akibat daripada keadaan ekonomi yang tidak menentu. Oleh sebab itu satu mekanisme yang baru akan diwujudkan di mana akan ada satu jawatankuasa yang akan dianggotai di antara lain oleh Lembaga Perumahan dan juga Jabatan Perancangan Bandar di mana kita akan "*vet through*" dan kita akan lihat projek-projek yang akan dibangunkan oleh pemaju-pemaju. Kita akan melakukan "*feasibilities study*" sama ada projek ini boleh jual atau tidak. Sebab kita takut projek ini kalau diluluskan, dilancarkan dan dibina tetapi kalau takde orang membeli maka kita akan kembali kepada projek-projek yang tidak laku. Dari segi menyelesaikan masalah peneroka bandar kerajaan negeri bukannya tidak ada polisi, ada polisi tetapi polisi ini tidaklah seperti polisi setinggan sifar yang amat terkenal "*for wrong reason*" dengan izin. Tetapi kali ini apa yang kita buat seperti mana yang diberitahu dalam sidang yang sebelumnya bahawa kita akan menangani para peneroka bandar dengan lebih berhemah lagi. Dalam perbincangan saya dengan PBT-PBT dan para peneroka bandar ada terdapat di antara mereka yang masih berada di tapak yang merungut oleh sebab bahawa nama mereka tercicir dan tertinggal. So saya telah mengarahkan kepada PBT-PBT untuk melakukan bancian semula agar mereka-mereka yang tertinggal nama mereka akan dapat dimasukkan semula sebab kita mahu keadilan untuk semua. Selain daripada itu kita tengah merancang yang sebenarnya bertemu dengan pihak bank untuk merancang satu mekanisme khusus untuk mereka yang gagal mendapat pinjaman sebab kita tidak mahu orang diperuntukkan rumah kos rendah tetapi gagal mendapat pinjaman dan rumah itu terpaksa dilepaskan kepada orang lain. Selain daripada itu.

PUAN SPEAKER : Ya. Yang Berhormat, kata-kata akhir.

Y.B. TUAN ISKANDAR BIN A. SAMAD : Ada 2 perkara saya ingin sentuh, iaitu tentang Rumah EXCO. Rumah EXCO ada yang kata kena jual, ada yang kata saya pun amat hairan bagaimana dalam surat khabar bahawa kerajaan negeri membuat keputusan untuk menjual, kita tidak pernah membuat apa-apa keputusan untuk menjual

malah kita telah melantik 4 syarikat agen hartanah dan surat pelantikan telah diberikan kepada mereka dan mereka telah diberikan masa untuk mendapatkan penyewa-penyewa. Saya rasa oleh kerana masa yang amat kesuntukan saya berharaplah supaya seperti mana yang dikatakan oleh Y.B. Bangi bahawa dia tak nampak akan Portfolio EXCO-EXCO lain terserlah. Sebenarnya EXCO-EXCO lain pun membuat kerja, bukan tak buat kerja oleh sebab kita masuk di atas dasar negara berkebijakan itu sebab dalam 6 bulan yang pertama yang nampak adalah kebajikan. Yang lain pun ada tetapi oleh sebab “*date line*” itu adalah Negara Berkebijakan, Prihatin maka yang lain pun nampaknya di belakang tetapi selepas ini saya amat juga bersetuju dengan apa yang diucapkan oleh Seri Serdang bahawa perlu ada suatu kayu pengukur, kayu pengukur macam mana kita nak kejayaan.

PUAN SPEAKER : Saya ingat dah kata-kata terakhir ya. Y.B.

Y.B. TUAN ISKANDAR BIN A. SAMAD : Ya,

PUAN SPEAKER : Saya ingat tadi dah kata-kata terakhir.

Y.B. TUAN ISKANDAR BIN A. SAMAD : Ya, ini terakhir, sikit, ketawa...Kita perlu ada kalau kita memerlukan macam mana kita nak, nak mengukur akan kejayaan EXCO-EXCO saya rasa itu perlu diadakan. Terima kasih Puan Speaker dan Ahli-Ahli yang Berhormat sekalian.

PUAN SPEAKER : Baik, Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, saya mengucapkan terima kasih atas kerjasama dan persefahaman yang ditunjukkan sehingga ke saat ini. Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, masa sudah 5.35 petang. Saya tangguhkan Dewan ini sehingga esok 24hb. Oktober 2008 kita akan berjumpa lagi pada jam 9.30 pagi. Saya tekankan 9.30 pagi ya. Bukan 10.00 pagi. Dewan ditangguhkan.

(Dewan ditangguhkan pada jam 5.35 petang)